

**PENGURUSAN KOLEKSI MANUSKRIP DI MALAYSIA: PERBANDINGAN
STRATEGI PENGURUSAN KOLEKSI MANUSKRIP DI PERBADANAN
MUZIUM NEGERI KELANTAN DAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI
PAHANG.**

NUR AMALIN ELISYA BINTI ABDULLAH SANI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

2024/2025

KELANTAN



**PENGURUSAN KOLEKSI MANUSKRIP DI MALAYSIA: PERBANDINGAN
STRATEGI PENGURUSAN KOLEKSI MANUSKRIP DI PERBADANAN
MUZIUM NEGERI KELANTAN DAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI
PAHANG.**

DISEDIAKAN OLEH:

NUR AMALIN ELISYA BINTI ABDULLAH SANI

**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan dan Kepujian**

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024/2025

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan,
Pengkalan Chepa, Kelantan, Malaysia

April 2011

Appendiks C



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BORANG PENYERAHAN NASKHAH LAPORAN PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR MUTAKHIR

Kepada,

Dekan,
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

Penyerahan Naskah Mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir

Saya, NUR AMALIN ELISYA BINTI ABDULLAH SANI No Matrik C22A0466
menyerahkan dua (2) naskah mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir bertajuk:
PENGURUSAN KOLEKSI MANUSKRIP DI MALAYSIA: PERBANDINGAN STRATEGI PENGURUSAN KOLEKSI MANUSKRIP DI
PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN DAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI PAHANG.
.....
.....

2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala pembetulan yang perlu telah dilakukan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh penyelia dan pemeriksa.

Sekian, terima kasih


.....

Tarikh : 31 JANUARI 2026

.....

Perakuan Penyelia

Saya, penyelia kepada pelajar di atas dengan ini memperakukan maklumat yang dinyatakan oleh pelajar adalah benar dan menerima penyerahan tersebut bagi pihak fakulti.

Terima kasih.

.....
Tarikh :

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

☒
TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

☐
SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

☐
SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

☐
TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Nur Amalin Elisya Binti
Abdullah Sani

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: Cik Noridayu Binti
Bakry

No Kad Pengenalan: 020923-03-1074

Tarikh: 13 JUN 2025

Tarikh: 13 JUN 202

PENGHARGAAN

Ucapan syukur yang tidak terhingga ke hadra ilahi, kerana dengan limpah kurniaNya yang telah membolehkan saya menyelesaikan penulisan tesis ini dengan sempurna dan berjaya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Cik Noridayu Binti Bakry, penyelia Projek Penyelidikan saya yang telah banyak memberikan buah fikiran, bimbingan dan ilmu dalam menyempurnakan penulisan kajian ini. Tanpa bimbingan, tunjuk ajar dan teguran beliau mungkin saya akan menghadapi kesukaran dalam menyiapkan kajian ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa saya yang telah memberikan sokongan emosi, rohani dan moral. Sokongan mereka telah menguatkan saya dalam meneruskan penyelidikan ini. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya dalam projek penyelidikan ini. Saya amat menghargai bantuan dan sokongan daripada rakan-rakan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua individu yang telah membantu saya secara langsung atau tidak dalam menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

**Pengurusan Koleksi Manuskrip Di Malaysia: Perbandingan Strategi Pengurusan
Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan
Muzium Negeri Pahang**

ABSTRAK

Kajian ini meneliti strategi pengurusan koleksi manuskrip di Malaysia melalui perbandingan antara Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Manuskrip merupakan artifak warisan yang bernilai kerana mencerminkan sejarah, budaya dan sistem pentadbiran Melayu-Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dan pemerhatian bagi memperoleh data berkaitan amalan pengurusan manuskrip di kedua-dua institusi. Fokus kajian meliputi aspek perolehan, pemeliharaan, dokumentasi, penyimpanan dan pameran manuskrip. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium Negeri Kelantan lebih menekankan pemeliharaan fizikal dan kawalan persekitaran manuskrip warisan Melayu dan Islam, manakala Perbadanan Muzium Negeri Pahang memberi tumpuan kepada pendokumentasian sejarah dan penyampaian pendidikan. Perbezaan ini dipengaruhi oleh keutamaan institusi dan objektif konservasi. Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap pengurusan manuskrip di institusi permuziuman negeri.

Kata kunci: pengurusan koleksi, strategi pengurusan koleksi, koleksi pengurusan manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, koleksi pengurusan manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang.

**Manuscript Collection Management in Malaysia: A Comparative Study of
Manuscript Collection Management Strategies at the Kelantan State Museum
Corporation and the Pahang State Museum Corporation**

ABSTRACT

This study examines manuscript collection management strategies in Malaysia through a comparative analysis of the Kelantan State Museum Corporation and the Pahang State Museum Corporation. Manuscripts are valuable heritage artifacts that reflect Malay-Islamic history, culture, and administration. A qualitative approach was adopted using semi-structured interviews and observation to obtain data on manuscript management practices in both institutions. The study focuses on key management aspects including acquisition, preservation, documentation, storage, and exhibition. The findings reveal that the Kelantan State Museum Corporation emphasizes physical preservation and environmental control of Malay and Islamic manuscripts, while the Pahang State Museum Corporation places greater focus on historical documentation and educational presentation. These differences are influenced by institutional priorities and conservation objectives. Overall, this study enhances understanding of manuscript management in state museum institutions and supports the development of more systematic heritage conservation strategies.

Keywords: collection management, collection management strategies, manuscript collection management at the Kelantan State Museum Corporation, manuscript collection management at the Pahang State Museum Corporation.

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
<i>ABSTRACT</i>	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI GAMBAR	xviii

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN**MUKA SURAT****BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.7.1 Konservasi Warisan	7
1.7.2 Pendekatan Pengurusan	7
1.7.3 Kesedaran dan Sokongan	8
1.8 Penutup	9

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	10
2.2 Pengurusan Koleksi Manuskrip	10

2.3 Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip	12
2.4 Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	13
2.5 Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang	15
2.6 Penutup	17

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	19
3.2 Reka Bentuk Kajian	19
3.3 Kaedah Kajian	23
3.3.1 Kaedah Kualitatif	24
3.4 Analisis Data	31
3.5 Penutup	32

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	33
4.2 Mengenalpasti Strategi Pengurusan Artifak Manuskrip di Malaysia	33

4.2.1 Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	34
4.2.1.1 Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	35
i) Kriteria Pemilihan Manuskrip	36
ii) Proses Pengesahan Provenans dan Latar Belakang Manuskrip	38
iii) Sumber Pemerolehan Manuskrip	39
iv) Cabaran dalam Pemerolehan Manuskrip	41
v) Matlamat Strategik Pemerolehan Manuskrip	42
4.2.1.2 Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	43
i) Penilaian Fizikal dan Komposisi Material Manuskrip	45
ii) Rawatan Konservasi Manuskrip yang Mengalami Kerosakan	46
iii) Pendigitalan Manuskrip sebagai Langkah Pemeliharaan	48
iv) Kawalan Persekitaran dan Pengurusan Risiko Penyimpanan	49
v) Pemantauan Berkala Keadaan Manuskrip	50

4.2.1.3 Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	52
i) Pendokumentasian Kandungan dan Konteks Sejarah Manuskrip	53
ii) Kriteria Pemilihan Manuskrip untuk Penyelidikan Mendalam	54
iii) Kolaborasi Akademik dalam Penyelidikan Manuskrip	55
iv) Penyebaran Hasil Penyelidikan kepada Umum	56
v) Akses Penyelidikan dan Pendekatan Digital	57
4.2.1.4 Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	59
i) Proses Kuratorial dalam Pemilihan Manuskrip untuk Pameran	60
ii) Langkah Konservasi Pencegahan Semasa Pameran	61
iii) Intreprestasi Kandungan Manuskrip kepada Pengunjung	62
iv) Penggunaan Teknologi dalam Pameran Manuskrip	64

v) Strategi Promosi dan Jangkauan Pameran	65
Manuskrip	
4.2.2 Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip di	66
Perbadanan Muzium Negeri Pahang	
4.2.2.1 Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di	67
Perbadanan Muzium Negeri Pahang	
i) Kriteria Pemilihan Manuskrip	68
ii) Proses Pengesahan Provenans dan Latar	70
Belakang Manuskrip	
iii) Sumber Pemerolehan Manuskrip	72
iv) Cabaran dalam Pemerolehan Manuskrip	74
v) Matlamat Strategik Pemerolehan	76
Manuskrip	
4.2.2.2 Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di	78
Perbadanan Muzium Negeri Pahang	
i) Penilaian Fizikal dan Komposisi Material	79
Manuskrip	
ii) Rawatan Konservasi Manuskrip yang	81
Mengalami Kerosakan	
iii) Pendigitalan Manuskrip sebagai Langkah	82
Pemeliharaan	

iv) Kawalan Persekitaran dan Pengurusan Risiko Penyimpanan	83
v) Pemantauan Berkala Keadaan Manuskrip	84
4.2.2.3 Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang	86
i) Pendokumentasian Kandungan dan Konteks Sejarah Manuskrip	86
ii) Kriteria Pemilihan Manuskrip untuk Penyelidikan Mendalam	87
iii) Kolaborasi Akademik dalam Penyelidikan Manuskrip	89
iv) Penyebaran Hasil Penyelidikan kepada Umum	90
v) Akses Penyelidikan dan Pendekatan Digital	91
4.2.2.4 Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang	92
i) Proses Kuratorial dalam Pemilihan Manuskrip untuk Pameran	93
ii) Langkah Konservasi Pencegahan Semasa Pameran	94
iii) Intreprestasi Kandungan Manuskrip kepada Pengunjung	96

iv) Penggunaan Teknologi dalam Pameran	97
Manuskrip	
v) Strategi Promosi dan Jangkauan Pameran	98
Manuskrip	
4.3 Mengenalpasti Persamaan dan Perbezaan antara Strategi Pengurusan Artifak Manuskrip di Malaysia	100
4.3.1 Persamaan dan Perbezaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	101
4.3.1.1 Persamaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	102
4.3.1.2 Perbezaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	104
4.3.2 Persamaan dan Perbezaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	106
4.3.2.1 Persamaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri	107

Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	
4.3.2.2 Perbezaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	110
4.3.3 Persamaan dan Perbezaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	115
4.3.3.1 Persamaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	116
4.3.3.2 Perbezaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	120
4.3.4 Persamaan dan Perbezaan Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	125
4.3.4.1 Persamaan Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri	126

Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri	
Pahang	
4.3.4.2 Perbezaan Strategi Pameran Koleksi	129
Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri	
Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri	
Pahang	
4.4 Menjelaskan Strategi Pengurusan Artifak Manuskrip yang	132
Paling Berkesan	
4.4.1 Strategi Pemerolehan Manuskrip yang Paling	133
Berkesan	
4.4.2 Strategi Pemeliharaan Manuskrip yang Paling	136
Berkesan	
4.4.3 Strategi Penyelidikan Manuskrip yang Paling	139
Berkesan	
4.4.4 Strategi Pameran Manuskrip yang Paling Berkesan	141
4.5 Penutup	145
BAB 5 KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	146
5.2 Cadangan Kajian	146

5.2.1 Penambahbaikan Dasar dan Sistem Pengurusan Manuskrip	147
5.2.2 Pengukuhan Kepakaran, Latihan dan Kolaborasi Profesional	149
5.2.3 Pemerkasaan Pendigital dan Akses Terkawal Koleksi Manuskrip	150
5.3 Penutup	152
RUJUKAN	153

SENARAI JADUAL

NO.	MUKA SURAT
3.1 Kaedah Temu Bual Kurator Muzium	24
3.2 Soalan Temu Bual Kurator Muzium di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang	25
3.3 Soalan Temu Bual bersama Pakar Pensyarah di Universiti	28
4.1 Persamaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Kedua- dua Muzium	102
4.2 Perbezaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Kedua- dua Muzium	104
4.3 Persamaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Kedua- dua Muzium	107
4.4 Perbezaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Kedua- dua Muzium	110
4.5 Persamaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Kedua- dua Muzium	116
4.6 Perbezaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Kedua- dua Muzium	120
4.7 Persamaan Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Kedua-dua Muzium	126

4.8 Perbezaan Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Kedua-dua Muzium

129



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

NO.	MUKA SURAT
3.1 Reka Bentuk Kajian	22
3.2 Kaedah Kajian	23
3.3 Kaedah Temu Bual Pakar	28

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI GAMBAR

NO.	MUKA SURAT
4.1 Gambar Pemeliharaan Manuskrip di Stor Simpanan Arkib Negeri	43
4.2 Gambar Manuskrip Muzium Disimpan di Arkib Negeri	59
4.3 Gambar Penggunaan <i>Acid Free Paper</i> pada Manuskrip	78
4.4 Gambar Manuskrip Dipamerkan dalam <i>Showcase</i> Perbadanan Muzium Negeri Pahang	92

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada bahagian Bab 1 ini akan diterangkan mengenai isu dan latar belakang kajian, persoalan kajian, objektif penyelidikan, skop kajian serta kepentingannya dalam pelestarian warisan budaya. Kajian ini menumpukan kepada strategi pengurusan artifak manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Penyelidikan ini membandingkan pendekatan pengurusan antara kedua-dua institusi tersebut bagi menilai keberkesanan strategi yang diamalkan serta mencadangkan penambahbaikan. Segala data dan maklumat yang dibincangkan dalam bab ini menjadi asas penting kepada perbincangan lanjut dalam bab-bab seterusnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Muzium merupakan institusi kekal yang tidak berorientasikan keuntungan, berkhidmat kepada masyarakat demi pembangunan ilmu dan warisan budaya. Menurut definisi International Council of Museums (ICOM, 2007), "Muzium ialah sebuah institusi yang tidak mencari keuntungan dan tetap dalam perkhidmatan masyarakat yang menyelidik, mengumpul, memulihara, mentafsir dan mempamerkan warisan ketara dan

tidak ketara. Terbuka kepada orang ramai, boleh diakses dan inklusif, muzium memupuk kepelbagaian dan kelestarian. Mereka beroperasi dan berkomunikasi secara beretika, profesional dan dengan penyertaan masyarakat, menawarkan pelbagai pengalaman, renungan dan perkongsian pengetahuan." (ICOM, 2007). Di Malaysia, muzium negeri seperti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang memainkan peranan utama dalam usaha ini, khususnya melalui pengurusan koleksi manuskrip yang merupakan sumber primer warisan Melayu-Islam. Muzium bukan sekadar gudang artifak lama, tetapi pusat konservasi aktif yang memastikan kelangsungan warisan untuk generasi akan datang.

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, ditubuhkan pada 1990 bertempat di bangunan lama Majlis Perbandaran Kota Bharu, mengurus koleksi manuskrip tradisional Melayu yang kaya dengan manuskrip kitab-kitab lama dan Al-Quran yang menceritakan tentang Raja-raja Kelantan, Agama dan Masyarakat. Namun, disebabkan kekangan ruang storan dan galeri, manuskrip ini tidak dipamerkan secara tetap, sebaliknya dikekalkan melalui strategi pemeliharaan fizikal dalam persekitaran lembap rendah serta digitalisasi imej berkualiti tinggi untuk mengelak kerosakan iklim tropika Kelantan. Pendekatan ini menekankan dokumentasi dalaman dan akses terhad melalui program khas bagi memastikan kelestarian jangka panjang.

Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang, yang berpusat di Muzium Pahang Besar Pekan sejak 1955, mengendalikan koleksi manuskrip yang lebih berorientasikan konteks diraja dan adat Pahang, termasuk surat menyurat sultan, teks undang-undang adat Melayu serta manuskrip puisi klasik (Perbadanan Muzium Negeri Pahang, 2023).

Pendekatan pengurusan di sini menekankan integrasi dengan warisan negeri melalui kolaborasi dengan pakar tempatan dan institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, merangkumi usaha restorasi manual serta rekod pendokumentasian yang bertujuan merekodkan asal-usul dan konteks artifak. (Perbadanan Muzium Negeri Pahang, 2023). Selain itu, koleksi manuskrip turut diintegrasikan dalam program pendidikan dan pelancongan budaya, dengan penekanan kepada pemeliharaan kontekstual yang menghubungkan manuskrip dengan sejarah dan identiti negeri Pahang.

Walaupun kedua dua perbadanan muzium negeri ini komited terhadap pemuliharaan manuskrip, pendekatan yang diterapkan menunjukkan perbezaan yang dipengaruhi oleh faktor persekitaran, keutamaan institusi, sumber kepakaran serta objektif warisan negeri masing-masing. Secara relatif, usaha di Kelantan lebih menekankan aspek konservasi fizikal dan saintifik, manakala di Pahang tumpuan diberikan kepada pendokumentasian sejarah dan integrasi budaya dalam kerangka pemeliharaan kontekstual. Contohnya, di Kelantan lebih diberikan kepada konservasi saintifik khususnya dalam mengawal kelembapan dan degradasi bahan, selari dengan keutamaan pemeliharaan jangka Panjang koleksi manuskrip.

1.3 Permasalahan Kajian

Pengurusan artifak di Malaysia, khususnya yang melibatkan koleksi manuskrip, masih berdepan dengan pelbagai cabaran yang menuntut perhatian serius. Salah satu masalah utama yang dikenal pasti ialah ketiadaan sistem pengurusan koleksi yang benar-

benar piawai dan bersepadu. Menurut (Noraini Mohd. Yusof, 2018), banyak institusi di negara ini masih belum membangunkan prosedur dan dasar pengurusan yang menyeluruh, menyebabkan amalan pemeliharaan dan dokumentasi koleksi dilakukan secara tidak konsisten. Ketiadaan garis panduan yang jelas ini memberi kesan langsung kepada keberkesanan pemeliharaan koleksi warisan negara yang berharga, sekaligus mengganggu usaha konservasi jangka panjang.

Selain itu, kekangan tenaga pakar dan sumber manusia yang terlatih juga menjadi halangan utama dalam pengurusan artifak dan manuskrip. Pengurusan koleksi yang efektif memerlukan kemahiran khusus yang bukan sahaja melibatkan pengetahuan dalam konservasi, tetapi juga kepakaran dalam bidang pengurusan muzium dan sejarah artifak. Namun begitu, berdasarkan kajian (Siti Zaleha Abdul Wahab, 2015), masih terdapat kekurangan tenaga kerja yang berkecukupan dalam institusi berkaitan. Ketiadaan tenaga profesional yang mencukupi ini bukan sahaja membantutkan proses pemuliharaan, malah turut menjejaskan mutu pengurusan keseluruhan di muzium.

Di samping itu, isu ruang penyimpanan dan pameran yang terhad turut dikenalpasti sebagai salah satu masalah utama dalam pengurusan koleksi manuskrip di Malaysia. (Ahmad Fauzi Mohd. Noor, 2017) menjelaskan bahawa ruang yang tidak mencukupi menyukarkan penyusunan koleksi secara optimum. Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan terhadap aspek pemeliharaan, bahkan turut mengganggu penyampaian maklumat kepada pengunjung muzium melalui pameran yang kurang tersusun. Kekangan ruang yang wujud ini akhirnya menyulitkan pihak pengurusan dalam usaha mempersembahkan koleksi kepada khalayak umum dengan cara yang sistematik dan menarik.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat tiga soalan bagi mencapai objektif berkaitan dengan tajuk kajian ini. Persoalan tersebut adalah:

- 1.4.1** Apakah strategi pengurusan artifak manuskrip di Malaysia?
- 1.4.2** Apakah persamaan dan perbezaan antara strategi pengurusan artifak manuskrip di Malaysia?
- 1.4.3** Sejauh manakah strategi pengurusan artifak manuskrip yang paling berkesan?

1.5 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif bagi mencapai matlamat dalam kajian atau penyelidikan ini. Objektif tersebut adalah:

- 1.5.1** Mengenalpasti strategi pengurusan artifak manuskrip di Malaysia.
- 1.5.2** Mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara strategi pengurusan artifak manuskrip di Malaysia.
- 1.5.3** Menjelaskan strategi pengurusan artifak manuskrip yang paling berkesan.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi pengurusan artifak manuskrip yang diamalkan di Malaysia iaitu Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Kajian ini akan fokus kepada aspek pengurusan seperti perolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran artifak manuskrip di kedua-dua muzium yang berlainan negeri ini. Selain itu, kajian ini akan menilai persamaan dan perbezaan dalam pengurusan yang digunakan oleh kedua-dua muzium, serta menjelaskan pengurusan artifak manuskrip yang paling berkesan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia memberi fokus kepada strategi pengurusan artifak manuskrip di institusi permuziuman, khususnya Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Artifak manuskrip merupakan aset yang sangat bernilai kerana ia bukan sahaja menjadi bukti sejarah dan tamadun, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan identiti budaya. Kepentingan kajian ini terletak pada usahanya untuk mengenal pasti strategi pengurusan yang diamalkan oleh kedua-dua institusi ini, mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara strategi pengurusan artifak manuskrip di kedua-dua institusi ini, dan menjelaskan yang mana pengurusan artifak manuskrip yang paling berkesan.

1.7.1 Konservasi Warisan

Kajian ini penting dalam menyokong usaha konservasi warisan di institusi permuziuman. Dengan menganalisis strategi pengurusan di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, kajian ini dapat menilai sejauh mana institusi tersebut melaksanakan pendekatan konservasi yang sesuai dengan sifat bahan manuskrip, khususnya manuskrip warisan Melayu dan Islam yang menjadi sebahagian daripada koleksi negeri. Di Perbadanan Muzium Negeri Pahang pula, kajian ini meneliti bagaimana institusi tersebut mengurus artifak manuskrip dalam konteks pengurusan koleksi warisan negeri, termasuk aspek dokumentasi, penyimpanan dan pemuliharaan manuskrip yang mencerminkan sejarah, budaya dan pentadbiran negeri.

1.7.2 Pendekatan Pengurusan

Kajian ini menyumbang kepada peningkatan kefahaman tentang pendekatan pengurusan artifak manuskrip yang berbeza antara institusi permuziuman negeri yang mempunyai fokus dan keutamaan tersendiri. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan lebih menumpukan kepada pemeliharaan manuskrip warisan Melayu dan Islam yang berkait rapat dengan sejarah, adat dan tradisi negeri, manakala Perbadanan Muzium Negeri Pahang pula memberi penekanan kepada pengurusan manuskrip yang mencerminkan sejarah pentadbiran, budaya dan perkembangan negeri. Perbandingan ini penting bagi mengenal pasti kelebihan dan kekurangan strategi pengurusan yang diamalkan oleh kedua-dua institusi.

1.7.3 Kesedaran dan Sokongan

Kajian ini memberikan sumbangan kepada peningkatan kesedaran masyarakat umum serta pihak berkepentingan dalam bidang permuziuman mengenai kepentingan pemeliharaan artifak manuskrip sebagai warisan budaya yang bernilai. Dengan menekankan aspek konservasi warisan di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang, kajian ini dapat meningkatkan kefahaman terhadap cabaran dan keperluan yang dihadapi oleh institusi permuziuman negeri dalam melindungi artifak manuskrip daripada ancaman seperti kerosakan fizikal, kelembapan, serangan biologi dan pendedahan berlebihan kepada cahaya.

Selain itu, kajian ini turut memperkukuhkan pemahaman bahawa pelestarian artifak manuskrip bukan sahaja merupakan tanggungjawab institusi permuziuman, tetapi juga memerlukan sokongan berterusan daripada masyarakat, pihak kerajaan dan badan berkaitan. Akhir sekali, penemuan daripada kajian ini boleh dijadikan asas dalam merangka strategi pengurusan dan konservasi yang lebih berkesan, selaras dengan amalan terbaik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

1.8 Penutup

Bab ini telah membentangkan asas penting bagi kajian yang dijalankan, merangkumi keseluruhan elemen utama dalam penyelidikan seperti pengenalan isu, latar belakang kajian, pernyataan masalah, matlamat, objektif serta persoalan kajian. Turut diuraikan ialah skop kajian yang menjelaskan had serta fokus penyelidikan, kepentingan kajian kepada pelbagai pihak, dan definisi istilah utama bagi memastikan pemahaman yang jelas terhadap konsep-konsep yang digunakan. Kajian ini dijalankan berasaskan keperluan untuk memahami secara mendalam strategi pengurusan artifak manuskrip oleh dua institusi penting negara iaitu Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Kesimpulannya, Bab 1 menyediakan kerangka awal yang kukuh bagi keseluruhan penyelidikan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah merujuk beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan pengurusan artifak manuskrip di institusi permuziuman sebagai rujukan utama. Kajian-kajian ini memberi penekanan kepada aspek konservasi, dokumentasi, pemuliharaan dan pameran artifak, yang relevan dengan objektif kajian ini. Kajian lepas juga penting untuk membantu pengkaji memahami pendekatan-pendekatan sedia ada serta menilai keberkesanannya dalam konteks institusi seperti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Selain itu, sorotan ini turut memberi perhatian kepada isu-isu pelestarian warisan budaya dan cabaran teknologi dalam pemuliharaan manuskrip yang bersifat rapuh dan bernilai tinggi. Oleh itu, sorotan ini bukan sahaja melengkapkan kefahaman pengkaji terhadap literatur sedia ada, tetapi juga membantu dalam mengenal pasti jurang yang wujud dan menyokong keperluan bagi kajian ini dijalankan.

2.2 Pengurusan Koleksi Manuskrip

Pengurusan koleksi manuskrip di Malaysia merupakan satu cabang penting dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan intelektual bangsa. Kajian oleh Pusat

Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (2010) telah menekankan pentingnya aspek pengumpulan, pengkatalogan dan penulisan semula manuskrip Melayu bertulisan Jawi yang masih kurang diterokai secara menyeluruh. Hal ini mencerminkan keperluan kepada strategi pengurusan koleksi yang lebih sistematik bagi memastikan khazanah budaya Melayu ini tidak pupus ditelan zaman. Mereka juga menyorot cabaran dalam menguruskan koleksi manuskrip yang bersifat rapuh dan sensitif terhadap perubahan persekitaran serta menegaskan perlunya satu kerangka kerja bersepadu untuk menjamin kelangsungan nilai intelektual dan budaya yang terkandung dalam manuskrip-manuskrip tersebut.

Selain itu, kajian oleh (Shaik Azahar Shaik Hussain et al., 2021) memberi tumpuan terhadap dasar pengurusan koleksi Sarawakiana di Pustaka Negeri Sarawak, yang menggariskan keperluan dasar dan polisi pengurusan yang jelas dan menyeluruh. Kajian ini menekankan pentingnya pendekatan sistematik yang merangkumi proses pemilihan, penilaian, pemuliharaan, serta pendigitalan bahan agar koleksi yang bersifat sejarah dan estetik ini dapat terus diakses oleh generasi masa kini dan akan datang. Pendekatan ini bukan sahaja berupaya memelihara nilai sejarah manuskrip, malah turut menyokong usaha pendidikan dan penyelidikan dalam bidang kebudayaan serta warisan tempatan.

Dalam konteks kebangsaan pula, (Jabatan Muzium Malaysia, 2018) melalui pelan strategik 2018–2022 telah menggariskan pendekatan holistik dalam pengurusan koleksi manuskrip dengan memberi penekanan kepada aspek pemantapan sistem pengurusan

mengikut piawaian antarabangsa. Langkah ini meliputi pelaksanaan aktiviti pendokumentasian, penjagaan fizikal bahan, pendaftaran, penyimpanan yang selamat serta pembangunan kepakaran staf muzium dalam bidang berkaitan. Strategi ini bertujuan untuk bukan sahaja memelihara koleksi manuskrip yang sedia ada, tetapi juga memperkukuh kefungsian institusi muzium sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan yang berautoriti dalam bidang warisan intelektual.

2.3 Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip

Strategi pengurusan koleksi memainkan peranan yang amat penting dalam menjamin kelangsungan dan ketahanan bahan-bahan warisan yang dipamerkan atau disimpan di institusi berkaitan. Kajian oleh (Nurul Shakil Mohamad Khams, 2014) menjelaskan bahawa pengurusan koleksi manuskrip yang berkesan haruslah menyeimbangkan antara aspek pemuliharaan fizikal dengan kemudahan capaian awam. Kajian ini mengetengahkan keperluan kepada pemantauan berterusan terhadap keadaan bahan, selain daripada penekanan terhadap dokumentasi sistematik, serta susunan semula koleksi mengikut garis panduan standard seperti yang digariskan oleh ICCROM. Pendekatan ini jelas mencerminkan bahawa pengurusan koleksi bukan sahaja tertumpu kepada aspek fizikal bahan, malah turut mengambil kira kebolehaksesan maklumat kepada pengguna dan penyelidik.

Kajian oleh (Nurul Liana, 2018) pula memberi tumpuan terhadap pengurusan koleksi di Muzium Warisan India, Pulau Pinang. Penyelidikan ini menekankan peri pentingnya penggunaan kaedah pengurusan koleksi yang tersusun dan sistematik. Antara aspek yang ditekankan termasuklah pendaftaran koleksi, proses pemuliharaan, kaedah penyimpanan yang bersesuaian, serta tatacara pameran yang mampu mengekalkan keaslian dan nilai estetika bahan. Kajian ini menggariskan bahawa pengurusan koleksi yang cekap bukan sahaja memelihara bahan secara fizikal, tetapi turut membantu dalam memperkukuh penyampaian naratif sejarah dan identiti budaya kepada pengunjung.

Tambahan pula, kajian oleh (Haslina Mohd. Salleh et al., 2020) mengenai pengurusan koleksi di Muzium Negeri Kelantan membuktikan bahawa aspek penjagaan bahan koleksi pameran memerlukan perhatian yang teliti. Kajian ini menegaskan bahawa pengurusan yang sistematik dan tersusun mampu memastikan kualiti artifak terpelihara, selain menjadikannya lebih menarik untuk tontonan umum. Di samping itu, strategi pengurusan koleksi yang menyeluruh dan mesra pengunjung berupaya meningkatkan pengalaman pelawat serta menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan warisan di peringkat negeri dan nasional.

2.4 Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Menurut (Siti Hasnah binti Daud ,2014) pengurusan koleksi di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan memainkan peranan penting dalam memelihara warisan intelektual dan

merangkumi beberapa aspek utama seperti perolehan ,penyimpanan, penyelenggaraan dan dokumentasi koleksi warisan negeri. Muzium ini berperanan sebagai institusi penting dalam pemeliharaan sejarah dan budaya Kelantan melalui pengumpulan artifak serta bahan sejarah yang bernilai, termasuk manuskrip lama. Proses perolehan koleksi dilaksanakan melalui kaedah pembelian, sumbangan dan peminjaman , manakala pemyimpanan koleksi diberi perhatian bagi memastikan faktor persekitaran seperti suhu, kelembapan dan pencahayaan berada dalam keadaan terkawal bagi mengurangkan risiko kerosakan bahan.

(Siti Hasnah binti Daud ,2014) turut menjelaskan bahawa pengurusan dokumentasi koleksi di Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan melalui sistem inventori dan rekod manual yang merekodkan maklumat asas koleksi seperti asal-usul, keadaan fizikal dan nilai sejarah bahan. Dalam konteks koleksi manuskrip, dokumentasi ini amat penting kerana ia membantu mengenal pasti ciri-ciri manuskrip serta menyokong perancangan strategi pemuliharaan jangka panjang. Walaupun sistem dokumentasi ini bersifat asas, ia berfungsi sebagai langkah awal yang penting dalam pengurusan koleksi manuskrip secara sistematik.

Selain itu, kajian oleh (Nur Nadzirah Che Hussin, 2016) yang meneliti pengurusan penjagaan bahan koleksi pameran di Muzium Negeri Kelantan mendapati bahawa aspek penyelenggaraan dan penjagaan koleksi dilaksanakan secara berkala bagi mengekalkan kondisi fizikal bahan. Walaupun kajian ini memberi tumpuan kepada koleksi pameran secara umum, prinsip penjagaan yang dibincangkan seperti kawalan persekitaran,

pemantauan kerosakan dan pengendalian bahan yang berhati-hati turut relevan untuk diaplikasikan terhadap manuskrip lama yang bersifat rapuh dan sensitif.

Dalam konteks cabaran pengurusan koleksi, (Nur Nadzirah Che Hussin, 2016) juga menekankan bahawa keterbatasan kemudahan teknikal dan sumber kepakaran boleh mempengaruhi keberkesanan pemuliharaan koleksi. Oleh itu, peranan kakitangan muzium seperti kurator dan pegawai pengurusan koleksi adalah penting dalam memastikan prosedur pengurusan dipatuhi. Secara keseluruhan, pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dilihat berasaskan pendekatan pemeliharaan fizikal dan dokumentasi asas, sejajar dengan fungsi institusi ini sebagai penjaga warisan sejarah dan budaya negeri Kelantan.

2.5 Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Perbadanan Muzium Negeri Pahang, khususnya melalui Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan, berperanan penting dalam mengurus dan memelihara koleksi manuskrip sejarah negeri Pahang seperti *Hukum Kanun Pahang*, hikayat sejarah, dokumen pentadbiran dan surat-menyurat diraja bertulisan Jawi. Menurut penulisan yang diterbitkan dalam jurnal *Peradaban* oleh para pengkaji Universiti Malaya, koleksi manuskrip ini menjadi sumber utama untuk memahami sistem pemerintahan, undang-undang dan budaya masyarakat Melayu Pahang pada zaman tradisional. Manuskrip-manuskrip tersebut dianggap sebagai

khazanah ilmu yang perlu dipelihara secara sistematik bagi menjamin kesinambungan warisan intelektual Melayu.

Dari sudut pengurusan muzium, (Mohamad Hilmi Mat Said, Ahmad Farid Abd Jalal, Mohamad Kamil Mohamad dan Rahimin Affandi Abdul Rahim ,2025) menjelaskan bahawa Muzium Negeri Pahang telah mengadaptasi pendekatan permuziuman moden yang menekankan aspek pengumpulan, pendokumentasian dan pemuliharaan koleksi sejarah termasuk manuskrip. Menurut mereka, institusi muzium bukan sekadar berfungsi sebagai tempat penyimpanan artifak, tetapi turut berperanan sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan yang memperkasa pemahaman masyarakat terhadap sejarah Islam dan tradisi Melayu Pahang.

Kajian oleh (Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim dan Awang Azman Awang Pawi, 2022) pula meneliti secara khusus manuskrip *Hukum Kanun Pahang* yang menjadi salah satu koleksi penting berkaitan sejarah negeri Pahang. Mereka menegaskan bahawa manuskrip ini bukan sahaja mempunyai nilai perundangan tradisional, malah mencerminkan tahap pemikiran, sistem sosial dan struktur pentadbiran kerajaan Melayu Pahang. Pengurusan manuskrip seperti ini di muzium memerlukan kawalan rapi dari segi penyimpanan, konservasi serta interpretasi bagi memastikan kandungannya dapat difahami dengan tepat oleh pengkaji dan masyarakat umum.

Selain aspek pemeliharaan fizikal, pengurusan koleksi manuskrip di Muzium Negeri Pahang turut melibatkan penyampaian maklumat kepada pengunjung melalui pameran dan galeri bertema sejarah. Menurut perbincangan dalam jurnal *Peradaban*, pendekatan ini membantu menghubungkan manuskrip sebagai bahan ilmiah dengan pengalaman pembelajaran masyarakat awam, sekali gus memperkukuhkan peranan muzium sebagai institusi warisan yang hidup dan relevan dalam konteks semasa.

2.6 Penutup

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam bab ini telah meneliti kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Tumpuan utama perbincangan merangkumi aspek pemuliharaan, dokumentasi, penyimpanan serta pendekatan pameran manuskrip yang mencerminkan identiti sejarah dan budaya negeri masing-masing. Hal ini menunjukkan bahawa pengurusan manuskrip di peringkat muzium negeri memerlukan pendekatan yang terancang dan kontekstual bagi memastikan nilai sejarah dan intelektual manuskrip dapat dikekalkan.

Selain itu, kedua-dua perbadanan muzium negeri memperlihatkan perbezaan strategi pengurusan yang dipengaruhi oleh faktor persekitaran, sumber dan objektif pemeliharaan. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan lebih menekankan aspek pemuliharaan fizikal dan penyimpanan terkawal bagi melindungi manuskrip daripada kerosakan akibat faktor iklim,

manakala Perbadanan Muzium Negeri Pahang memberi penekanan kepada dokumentasi sejarah serta integrasi manuskrip dalam program pendidikan dan warisan budaya negeri. Walaupun berhadapan dengan cabaran seperti kekangan teknologi, kepakaran dan kemudahan, usaha berterusan yang dilaksanakan oleh kedua-dua institusi ini membuktikan komitmen mereka dalam memelihara manuskrip sebagai khazanah warisan yang bernilai tinggi. Justeru, kajian ini penting untuk menilai keberkesanan pendekatan pengurusan sedia ada serta mencadangkan penambahbaikan ke arah pemeliharaan manuskrip yang lebih sistematik dan mampan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merujuk kepada pendekatan sistematik yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan sesuatu kajian secara terancang dan terarah. Ia merangkumi kaedah, strategi serta prosedur yang digunakan untuk mengumpul, menganalisis dan mentafsir data bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif penyelidikan. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, metodologi ialah ilmu atau kaedah yang digunakan untuk melaksanakan penyelidikan dengan teratur dan berkesan. Bagi kajian ini pendekatan metodologi memainkan peranan penting untuk memahami secara mendalam strategi dan amalan pengurusan koleksi manuskrip di kedua-dua institusi muzium. Bagi kajian pengurusan koleksi perbandingan strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang sebagai kajian kes. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif sebagai kajian. Kaedah ini dipilih kerana memiliki kesesuaian dengan objektif kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memahami secara mendalam strategi pengurusan koleksi manuskrip di dua muzium utama, iaitu Perbadanan

Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh gambaran menyeluruh berkenaan strategi pengurusan koleksi manuskrip yang diamalkan oleh muzium berkenaan, khususnya dari sudut praktikal dan naratif yang tidak dapat dikumpulkan melalui data kuantitatif. Menurut (Creswell, 2013) pendekatan kualitatif adalah sesuai digunakan apabila kajian melibatkan penerokaan makna dan interpretasi mendalam terhadap fenomena sosial atau budaya dalam konteks tertentu.


Penyelidikan ini melalui beberapa fasa utama iaitu proses mengenal pasti isu kajian, pengumpulan data awal, pembangunan kerangka konseptual, pembentukan persoalan kajian, dan reka bentuk kajian yang bersesuaian. Dalam kajian ini, dua kaedah pengumpulan data utama digunakan, iaitu temu bual separa berstruktur dan pemerhatian tidak berstruktur. Pemilihan kaedah ini adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang memerlukan maklumat terperinci, naratif dan pengalaman individu yang terlibat secara langsung dalam pengurusan koleksi manuskrip.

Temu bual dijalankan secara mendalam terhadap kurator muzium yang mewakili bahagian penting dalam pengurusan koleksi, iaitu kurator bahagian perolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran. Soalan temu bual dibina secara terbuka untuk memberi ruang kepada informan berkongsi maklumat berdasarkan pengalaman sebenar dan pengetahuan praktikal mereka. Kajian ini memberi tumpuan kepada persoalan-persoalan seperti bagaimana proses perolehan manuskrip dijalankan, apakah strategi

pemeliharaan dan pemuliharaan yang digunakan, bagaimana penyelidikan terhadap manuskrip dilakukan, serta bagaimana manuskrip dipamerkan kepada khalayak umum. Penggunaan soalan terbuka dalam temu bual juga membolehkan pengkaji memperoleh maklum balas yang lebih mendalam dan berlapis (Merriam & Tisdell, 2016).


Selain temu bual, pemerhatian juga dilakukan secara langsung di kedua-dua muzium. Pemerhatian ini memberi fokus kepada dua aspek utama, iaitu strategi pemeliharaan koleksi dan pelaksanaan pameran manuskrip. Dalam konteks pemeliharaan, pengkaji meneliti bagaimana proses pembaikan, penyimpanan dan pemuliharaan manuskrip dijalankan, termasuk peralatan, persekitaran dan prosedur yang digunakan. Manakala bagi pameran, pemerhatian ditumpukan kepada susun atur ruang pameran, teknik penyampaian maklumat kepada pengunjung, serta pendekatan interpretasi visual yang digunakan dalam mempersembahkan koleksi manuskrip kepada khalayak.

Data yang diperoleh daripada temu bual dan pemerhatian kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses ini melibatkan pengecaman tema-tema utama daripada transkrip temu bual dan catatan pemerhatian yang relevan dengan objektif kajian. Analisis ini disokong dengan kaedah deskriptif bagi menghuraikan dapatan kajian secara sistematik, berdasarkan perbezaan strategi yang digunakan oleh kedua-dua muzium. Kaedah analisis tematik ini membolehkan pengkaji mengenal pasti corak, kategori dan makna yang muncul daripada data kualitatif secara berstruktur (Braun & Clarke, 2006).



Rajah 3.1 Reka Bentuk Kajian

3.3 Kaedah Kajian



Rajah 3.2 Kaedah Kajian

Dalam penyelidikan berkaitan dengan strategi pengurusan koleksi manuskrip di dua muzium iaitu Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang, pendekatan kajian yang sesuai adalah menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Kaedah kualitatif ini terdiri daripada dua jenis metod iaitu melalui kaedah temu bual dan pemerhatian bagi mendapatkan maklumat tentang strategi pengurusan koleksi manuskrip termasuklah dari segi persamaan dan perbezaan.

Melalui kaedah kualitatif iaitu temu bual, pengkaji akan menyediakan soalan untuk menemubual serta bertanya kurator dari bahagian perolehan, pemeliharaan, penyelidikan, dan pameran yang berkaitan dengan strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Manakala, bagi pemerhatian pula dilakukan dengan pengkaji perlu hadir ke tempat tersebut dan membuat pemerhatian terhadap dua bahagian iaitu pemeliharaan dan pameran koleksi manuskrip itu dilakukan di kedua-dua muzium ini.

3.3.1 Kaedah Kualitatif

Pendekatan kualitatif akan diterapkan bagi persoalan melalui temu bual yang terdiri daripada dua responden temubual iaitu temu bual bersama kurator muzium dan temu bual bersama pakar. Temubual bersama kurator muzium ini terdiri daripada ahli kurator dari bahagian perolehan, pemeliharaan, penyelidikan, dan pameran yang berkaitan dengan manuskrip. Metod yang digunakan melalui kaedah temu bual ini untuk mengumpulkan data bagi mengetahui strategi pengurusan koleksi manuskrip di kedua-dua muzium ini.

Kurator/ Kakitangan	Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang	Kaedah
Kurator Bahagian Perolehan	Fokus: Strategi mendapatkan manuskrip untuk koleksi	Fokus: Strategi mendapatkan manuskrip untuk koleksi	Temu bual

Kurator Bahagian Pemeliharaan	Fokus: Strategi fizikal dan digital untuk pelihara manuskrip	Fokus: Strategi fizikal dan digital untuk pelihara manuskrip	Temu bual dan Pemerhatian
Kurator Bahagian Penyelidikan	Fokus: Strategi untuk memastikan manuskrip dimanfaatkan melalui penyelidikan	Fokus: Strategi untuk memastikan manuskrip dimanfaatkan melalui penyelidikan	Temu bual
Kurator Bahagian Pameran	Fokus: Strategi mempamer dan mempromosi koleksi manuskrip	Fokus: Strategi mempamer dan mempromosi koleksi manuskrip	Temu bual dan Pemerhatian


Jadual 3.1 Kaedah Temu Bual Kurator Muzium

Bil.	Bahagian	Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
1.	Pemerolehan	Bagaimanakah pihak muzium menentukan kriteria pemilihan manuskrip yang sesuai untuk dijadikan sebahagian daripada koleksi tetap (permanent collection)?	
2.		Apakah proses yang dijalankan oleh pihak muzium untuk mengesahkan provenans (provenance verification) dan mendapatkan latar belakang sejarah serta pemilikan asal (historical and ownership background) manuskrip tersebut?	
3.		Dari sumber atau saluran mana pihak muzium memperoleh manuskrip baharu — contohnya melalui sumbangan (donation), pembelian (purchase), pinjaman jangka panjang (long-term loan) atau pemindahan institusi (institutional transfer)?	
4.		Apakah cabaran utama yang dihadapi pihak muzium dalam usaha untuk memperoleh atau mendapatkan akses kepada manuskrip bernilai tinggi atau yang jarang ditemui?	
5.		Apakah matlamat strategik utama yang digariskan oleh pihak muzium dalam pemerolehan manuskrip baharu untuk memperkaya koleksi sedia ada?	

6.	Pemeliharaan	Apabila manuskrip lama diterima, apakah aspek fizikal dan material composition yang akan diperiksa terlebih dahulu oleh pihak konservator, seperti keadaan kertas, dakwat, dan tanda-tanda degradasi (signs of deterioration)?
7.		Apakah jenis rawatan konservasi (conservation treatment) yang dilakukan sekiranya manuskrip didapati mengalami kerosakan fizikal atau biologi seperti acuan (mould), asidifikasi (acidification) atau tearing (koyakan)?
8.		Adakah pihak muzium menjalankan proses pendigitalan (digitization process) bagi manuskrip yang diterima, sebagai sebahagian daripada langkah preservation through digital surrogate?
9.		Dalam konteks pengurusan penstoran jangka panjang (long-term storage management), apakah piawaian kawalan persekitaran (environmental control standards) yang kritikal seperti suhu relatif (Relative Humidity, RH) yang mesti dipatuhi di bilik simpanan manuskrip (manuscript storage room), dan apakah strategi pengurusan risiko (risk management strategy) yang digunakan sekiranya berlaku kegagalan sistem HVAC (Heating, Ventilation, and Air Conditioning)? -Pemanasan, Pengudaraan, dan Penyamanan Udara
10.		Apakah bentuk pemantauan berkala (periodic monitoring) yang dijalankan oleh bahagian pemeliharaan bagi memastikan kestabilan keadaan (condition stability) manuskrip secara berterusan?
11.	Penyelidikan	Setelah manuskrip didaftarkan dalam senarai koleksi, bagaimanakah pihak muzium mengumpul dan mendokumentasikan maklumat kandungan (content documentation) serta konteks sejarah (historical context) manuskrip tersebut?
12.		Apakah faktor atau kriteria yang menentukan sesuatu manuskrip dipilih untuk kajian mendalam (in-depth study) terlebih dahulu — contohnya dari segi nilai sejarah, keadaan fizikal, atau keunikan isi kandungan?
13.		Adakah pihak muzium menjalin kolaborasi akademik (academic collaboration) dengan universiti, penyelidik bebas, atau institusi luar dalam projek kajian manuskrip (manuscript research projects)?

14.		Setelah penyelidikan selesai, dengan cara apakah pihak muzium menyebarkan hasil kajian (disseminate research outcomes) — melalui penerbitan ilmiah, seminar, pameran tematik, atau platform digital?
15.		Apakah kaedah yang digunakan oleh pihak muzium untuk menyediakan akses digital (katalog dan metadata) kepada koleksi manuskrip, dan apakah prosedur permohonan yang perlu diikuti oleh penyelidik luar untuk mengakses bahan tersebut?
16.	Pameran	Apakah proses kuratorial (curatorial process) yang digunakan untuk memilih manuskrip yang sesuai dan selamat untuk dipamerkan (safe for display) kepada khalayak umum?
17.		Semasa pameran berlangsung, apakah langkah preventive conservation yang diambil untuk memastikan manuskrip tidak terdedah kepada cahaya, suhu, dan kelembapan berlebihan (light, temperature, and humidity control)?
18.		Bagaimanakah pihak muzium menyampaikan interpretasi kandungan (interpretation of content) manuskrip supaya mudah difahami oleh pengunjung — melalui label teks, audiovisual, atau interactive media?
19.		Apakah bentuk teknologi pameran (exhibition technology) yang digunakan, seperti display case with environmental control, digital projection, atau augmented reality (AR) bagi meningkatkan pengalaman pengunjung?
20.		Apakah strategi promosi dan outreach yang digunakan oleh muzium bagi menarik minat orang ramai untuk menghadiri pameran manuskrip (manuscript exhibition)?

Jadual 3.2 Soalan Temu Bual Kurator Muzium di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang



Rajah 3.3 Kaedah Temu Bual Pakar

Bil.	Bahagian	Pengurusan Strategi Koleksi Manuskrip di Malaysia yang Berkesan
1.	Pemerolehan	Dalam konteks pengurusan manuskrip di muzium, apakah kriteria yang sepatutnya diberi keutamaan dalam pemilihan manuskrip untuk dijadikan koleksi tetap?
2.		Sejauh manakah pengesanan asal-usul dan pemilikan manuskrip penting untuk menjamin penjagaan dan pengurusan manuskrip secara berkesan di muzium?
3.		Antara kaedah pemerolehan manuskrip seperti sumbangan, pembelian dan pinjaman jangka panjang, kaedah manakah yang paling sesuai untuk memastikan penjagaan manuskrip jangka panjang di muzium?
4.		Apakah isu atau kelemahan yang lazim berlaku dalam pemerolehan manuskrip yang boleh memberi kesan kepada penjagaan manuskrip di muzium?
5.		Apakah pendekatan pemerolehan yang paling berkesan bagi menyokong penjagaan manuskrip secara berterusan dalam institusi muzium?
6.	Pemeliharaan	Apakah aspek fizikal manuskrip yang paling perlu dijaga bagi memastikan ketahanan manuskrip dalam simpanan muzium?

7.		Dalam penjagaan manuskrip di muzium, sejauh manakah pendekatan konservasi pencegahan lebih berkesan berbanding rawatan konservasi aktif?
8.		Bagaimanakah peranan pendigitalan manuskrip sebagai satu bentuk sokongan kepada penjagaan manuskrip di muzium, dan apakah batasannya?
9.		Sejauh manakah kawalan persekitaran seperti suhu dan kelembapan menyumbang kepada keberkesanan penjagaan manuskrip dalam simpanan muzium?
10.		Apakah bentuk pemantauan keadaan manuskrip yang paling sesuai dan praktikal untuk memastikan manuskrip sentiasa berada dalam keadaan stabil?
11.	Penyelidikan	Sejauh manakah dokumentasi kandungan dan konteks manuskrip membantu dalam penjagaan manuskrip jangka panjang di muzium?
12.		Apakah kriteria yang patut digunakan untuk menentukan manuskrip yang perlu diberi keutamaan dalam penyelidikan tanpa menjejaskan keadaan fizikal manuskrip?
13.		Bagaimanakah penyelidikan manuskrip dapat menyumbang kepada penambahbaikan amalan penjagaan manuskrip di muzium?
14.		Apakah kaedah penyebaran hasil penyelidikan manuskrip yang sesuai tanpa mendedahkan manuskrip asal kepada risiko kerosakan?
15.		Sejauh manakah penyediaan akses digital dapat menyokong penjagaan manuskrip di muzium dari sudut penggunaan dan kawalan akses?
16.	Pameran	Apakah pertimbangan utama dalam menentukan manuskrip yang selamat untuk dipamerkan di muzium?
17.		Sejauh manakah prinsip penjagaan pencegahan perlu diterapkan semasa manuskrip dipamerkan kepada umum?
18.		Apakah pendekatan yang paling sesuai untuk mempamerkan manuskrip tanpa menjejaskan keadaan fizikal bahan asal?
19.		Bagaimanakah penggunaan bahan sokongan seperti salinan digital atau reproduksi membantu mengurangkan risiko kerosakan manuskrip semasa pameran?

20.		Apakah strategi pameran manuskrip yang paling berkesan dalam menyeimbangkan antara akses awam dan penjagaan manuskrip?
-----	--	--

Jadual 3.3 Soalan Temu Bual bersama Pakar Pensyarah di Universiti

Di samping itu, kaedah temu bual bersama pakar dijalankan bagi mendapat pandangan daripada pakar tentang keberkesanan pengurusan manuskrip ini di kedua-dua muzium. Pakar yang terlibat adalah seorang pensyarah iaitu dari Universiti Malaysia Kelantan. Temu bual bersama pakar ini dilakukan untuk mendapatkan pandangan jelas sebelum pengkaji membuat perbandingan strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang.

Seterusnya, pengkaji juga menggunakan kaedah rujukan melalui sumber sekunder dalam penyelidikan ini. Antara sumber sekunder yang digunakan ialah rujukan internet dan buku untuk mengakses maklumat dari pelbagai sumber secara dalam talian. Pengkaji menggunakan laman web seperti Google Scholar untuk merujuk dan mencari kajian-kajian terdahulu yang relevan dengan topik kajian ini.

Akhir sekali, pengkaji menggunakan kaedah kajian literatur daripada kajian lepas, dimana ia dijadikan rujukan untuk mengidentifikasi permasalahan, penyelesaian yang dicadangkan, dan mendapatkan strategi tentang pengurusan manuskrip.

3.4 Analisis Data

Data yang diperoleh daripada kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk menganalisis data berbentuk teks seperti transkrip temu bual dan catatan pemerhatian. Analisis tematik ini dilakukan dengan menukarkan temu bual audio kepada teks. Kajian ini mengumpulkan data daripada dua sumber utama, iaitu temu bual separa berstruktur dan pemerhatian tidak berstruktur. Temu bual yang dijalankan melibatkan dua kumpulan informan. Pertama, kurator dari bahagian perolehan, pemeliharaan, penyelidikan, dan pameran yang berkaitan dengan strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Kedua, pakar seperti pensyarah dalam bidang pengurusan berkaitan dengan manuskrip. Semua temu bual dirakam dengan kebenaran informan, kemudian ditranskrip secara verbatim sebelum dianalisis. Data temu bual ini direkod supaya boleh dijadikan bukti dan diulang semula untuk mengetahui strategi pengurusan koleksi manuskrip.

Selain temu bual, data daripada pemerhatian turut dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Catatan pemerhatian dibuat semasa lawatan ke lokasi kajian, khususnya terhadap dua aspek iaitu proses pemeliharaan koleksi dan penyampaian pameran manuskrip. Pemerhatian ini merangkumi strategi pengurusan koleksi manuskrip melalui pemeliharaan manuskrip dan pameran manuskrip.

3.5 Penutup

Bab ini menghuraikan kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui dua kaedah utama iaitu temu bual separa berstruktur dan pemerhatian tidak berstruktur. Temu bual melibatkan kurator dan pakar, manakala pemerhatian dilakukan di lokasi kajian. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti tema dan corak yang berkaitan dengan strategi pengurusan koleksi manuskrip. Kaedah yang digunakan membolehkan penyelidik memperoleh maklumat secara mendalam dan menyeluruh berkaitan topik kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada penyelidikan yang telah dijalankan berdasarkan tajuk dan objektif kajian ini. Perbincangan dalam bab ini memberi tumpuan kepada hasil dapatan kajian berkaitan strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Data dan maklumat kajian diperoleh melalui kaedah temu bual bersama kurator muzium dan pakar, serta pemerhatian yang dijalankan di lokasi kajian. Dapatan kajian ini dianalisis secara kualitatif bagi mengenal pasti strategi pengurusan koleksi manuskrip, persamaan dan perbezaan antara kedua-dua muzium, serta strategi pengurusan yang paling berkesan. Hasil dapatan kajian yang dibincangkan dalam bab ini diharapkan dapat membantu pengkaji mencapai objektif kajian serta menjadi asas kepada perbincangan dan rumusan kajian dalam bab seterusnya.

4.2 Mengenalpasti Strategi Pengurusan Artifak Manuskrip di Malaysia.

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berkaitan strategi pengurusan artifak manuskrip di Malaysia. Perbincangan dalam bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium

Negeri Kelantan dan strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Strategi pengurusan yang dikenal pasti merangkumi aspek perolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran artifak manuskrip. Dapatan kajian ini diperoleh melalui temu bual bersama kurator muzium serta pemerhatian terhadap pengurusan koleksi manuskrip di kedua-dua muzium. Perbincangan terperinci bagi setiap strategi pengurusan akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya.

4.2.1 Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Bagi mengenal pasti strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, satu sesi temu bual separa berstruktur telah dijalankan bersama seorang kurator yang bertanggungjawab secara langsung terhadap pengurusan koleksi di institusi tersebut. Temu bual ini melibatkan Tuan Muhammad Ali Hussaini bin Md Aminnullah, yang berkhidmat sebagai kurator di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan mempunyai pengalaman kerja selama lima tahun dalam bidang permuziuman dan konservasi.

Berdasarkan temu bual, beliau memiliki latar belakang pendidikan dalam bidang seni bina serta pengajian peringkat sarjana dalam bidang seni dan reka bentuk, yang menyumbang kepada kefahaman teknikal dalam aspek penjagaan, pemuliharaan dan pengurusan bahan warisan. Pengalaman akademik dan praktikal tersebut membolehkan beliau terlibat secara aktif dalam pengurusan koleksi khazanah muzium yang merangkumi

artifak berskala besar seperti bangunan warisan sehinggalah kepada koleksi kecil dan sensitif seperti manuskrip lama.

Temu bual ini memberi tumpuan kepada empat aspek utama dalam strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, iaitu pemerolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran. Setiap aspek dibincangkan secara terperinci melalui soalan-soalan yang dirangka bagi mendapatkan gambaran jelas tentang strategi pengurusan, prosedur serta cabaran yang dihadapi oleh pihak muzium dalam mengurus koleksi manuskrip sebagai khazanah warisan negeri.

4.2.1.1 Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Berdasarkan dapatan temu bual, pemerolehan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan secara terancang dan berperingkat dengan mengambil kira kepentingan sejarah, nilai warisan serta keupayaan institusi dalam mengurus manuskrip yang bersifat rapuh dan bernilai tinggi. Proses pemerolehan tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya, sebaliknya melibatkan penilaian di peringkat jawatankuasa serta pertimbangan dari sudut penyelidikan, pemeliharaan dan potensi pameran. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pemerolehan manuskrip di muzium tersebut bukan sekadar bertujuan menambah bilangan koleksi, tetapi berperanan sebagai usaha strategik untuk memelihara dan mendokumentasikan warisan bertulis negeri Kelantan secara berterusan.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pihak muzium mengutamakan manuskrip yang mempunyai kaitan langsung dengan sejarah negeri, khususnya yang melibatkan institusi kesultanan, catatan sejarah tempatan dan amalan budaya masyarakat silam. Faktor seperti keadaan fizikal manuskrip, kos pemerolehan serta keperluan pemeliharaan jangka panjang turut diambil kira sebelum sesuatu manuskrip diterima sebagai koleksi tetap. Justeru, pemerolehan manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dapat dilihat sebagai satu proses yang bersifat selektif, berasaskan nilai dan keperluan institusi.

i) Kriteria Pemilihan Manuskrip

Bagi menjelaskan dengan lebih terperinci bagaimanakah pihak muzium menentukan kriteria pemilihan manuskrip yang sesuai untuk dijadikan sebahagian daripada koleksi tetap, dapatan temu bual menunjukkan bahawa penentuan kriteria pemilihan manuskrip untuk dijadikan koleksi tetap di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan melalui proses yang berstruktur dan melibatkan pertimbangan institusi. Menurut informan, setiap cadangan pemerolehan manuskrip akan dibincangkan terlebih dahulu dalam jawatankuasa penyelidikan melalui mesyuarat rasmi (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Pendekatan ini bertujuan memastikan keputusan pemerolehan dibuat secara kolektif dan tidak bersifat individu, khususnya memandangkan kos pemerolehan manuskrip yang lazimnya tinggi.

Dapatan temu bual turut menunjukkan bahawa faktor teras dalam pemilihan manuskrip adalah kandungan yang berkait rapat dengan sejarah dan naratif negeri Kelantan. Informan menjelaskan bahawa manuskrip yang menceritakan tentang raja-raja, rekod pentadbiran serta diari istana menjadi antara keutamaan dalam proses pemerolehan (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Hal ini disebabkan oleh amalan tradisi raja-raja terdahulu yang mempunyai penulis khas bagi merekodkan aktiviti, peristiwa dan perjalanan pentadbiran negeri. Oleh itu, manuskrip yang mempunyai hubungan langsung dengan sejarah negeri dianggap mempunyai nilai warisan yang tinggi dan relevan untuk dikumpulkan sebagai koleksi muzium.

Selain itu, informan menyatakan bahawa manuskrip berkaitan sejarah negeri kebiasaannya disimpan di institusi seperti Arkib Negara atau Pustaka Negara. Sehubungan itu, pihak muzium sering memperoleh manuskrip tersebut dalam bentuk salinan digital (*soft copy*) sebagai bahan rujukan dan dokumentasi (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Namun begitu, bagi manuskrip dalam bentuk fizikal, pihak muzium akan menilai nilai manuskrip tersebut terlebih dahulu sebelum pemerolehan dilakukan. Walaupun aspek fizikal dan kos turut diambil kira, informan menegaskan bahawa keutamaan utama tetap diberikan kepada manuskrip yang mengandungi penceritaan dan maklumat penting berkaitan sejarah negeri Kelantan.

ii) Proses Pengesahan Provenans dan Latar Belakang Manuskrip

Seterusnya, bagi menjawab persoalan apakah proses yang dijalankan oleh pihak muzium untuk mengesahkan *provenans* serta mendapatkan latar belakang sejarah dan pemilikan asal manuskrip, dapatan kajian menunjukkan bahawa proses ini dilaksanakan melalui penglibatan unit penyelidikan dalaman muzium. Menurut informan, bagi memastikan kepentingan dan signifikan sesebuah manuskrip, pihak muzium akan bergantung kepada penyelidik khas yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Penyelidik ini berperanan menilai kandungan manuskrip serta mencadangkan kepada kurator mengenai kepentingan manuskrip tersebut untuk dikaji dengan lebih mendalam.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa cadangan daripada penyelidik akan dijadikan asas dalam menentukan keperluan pemerolehan manuskrip, khususnya dari sudut nilai ilmiah dan potensi penyelidikan lanjutan. Informan menjelaskan bahawa manuskrip yang dikenal pasti sebagai penting akan dipertimbangkan untuk dijadikan bahan kajian seterusnya, termasuk untuk tujuan penghasilan jurnal atau produk penyelidikan lain (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Hal ini menunjukkan bahawa proses pengesahan provenans bukan sahaja bertujuan mengenal pasti asal usul manuskrip, malah turut berkait rapat dengan perancangan penyelidikan muzium pada masa hadapan.

Selain itu, informan menyatakan bahawa pengesahan *provenans* manuskrip turut melibatkan perbincangan di peringkat lembaga melalui mesyuarat rasmi. Dalam mesyuarat tersebut, keputusan akan dibuat untuk mengesahkan manuskrip berkenaan, termasuk kelulusan (*endorsement*) bagi tujuan pengumpulan, kajian dan pameran. Informan menegaskan bahawa manuskrip yang telah disahkan provenansnya adalah wajib melalui proses kajian sebelum dipamerkan kepada umum (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Pendekatan ini menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menitikberatkan ketepatan maklumat sejarah dan kesahihan pemilikan manuskrip sebelum ia dipersembahkan sebagai koleksi warisan negeri.

iii) Sumber Pemerolehan Manuskrip

Bagi menjawab persoalan dari sumber saluran manakah pihak muzium memperoleh manuskrip baharu menunjukkan bahawa dapatan temu bual, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan memperoleh manuskrip baharu melalui beberapa saluran utama yang melibatkan masyarakat setempat dan institusi berkaitan. Menurut informan, antara sumber pemerolehan manuskrip ialah individu persendirian, pihak masjid serta institusi pendidikan tradisional seperti pondok-pondok yang menyimpan kitab-kitab lama. Manuskrip yang berada dalam simpanan pihak ini kebiasaannya tidak disedari kepentingannya oleh pemilik asal, namun setelah melepasi tempoh usia tertentu, khususnya melebihi 50 tahun (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan), bahan tersebut akan diiktiraf sebagai manuskrip dan layak untuk dikumpulkan sebagai koleksi muzium.

Informan turut menjelaskan bahawa manuskrip bertulisan Jawi lebih mudah dikenal pasti dan dikumpulkan oleh pihak muzium. Walau bagaimanapun, bagi manuskrip yang menggunakan tulisan Jawi lama atau mempunyai kandungan yang sukar ditafsir, pihak muzium perlu mendapatkan khidmat penyelidik bagi memastikan nilai dan kepentingan manuskrip tersebut sebelum proses pemerolehan dilaksanakan (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Hal ini menunjukkan bahawa proses pemerolehan manuskrip bukan sekadar bergantung kepada usia bahan, tetapi turut melibatkan penilaian dari sudut kandungan, tulisan dan keperluan kepakaran khusus.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar manuskrip yang dimiliki oleh Muzium Negeri Kelantan diperoleh melalui sumbangan. Informan menyatakan bahawa sumbangan yang diterima lazimnya berada dalam keadaan fizikal yang rosak, seperti manuskrip yang berlipat atau tidak disimpan dengan baik. Sehubungan itu, pihak muzium akan melaksanakan langkah pemeliharaan awal dengan menyimpan manuskrip dalam kotak khas dan menggunakan bahan sokongan seperti kertas bebas asid (acid-free paper) bagi membantu meluruskan serta menyokong struktur manuskrip yang asal. Kebanyakan sumbangan manuskrip ini diterima daripada Istana Kelantan dan Arkib Negeri (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan), yang memainkan peranan penting dalam memperkayakan koleksi manuskrip warisan negeri.

iv) Cabaran dalam Pemerolehan Manuskrip

Berkaitan persoalan cabaran utama yang dihadapi oleh pihak muzium dalam usaha memperoleh manuskrip yang bernilai tinggi atau jarang ditemui, dapatan kajian menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam proses pemerolehan manuskrip bernilai tinggi adalah berkaitan dengan faktor kos. Menurut informan, pemilik manuskrip lazimnya mengetahui nilai pasaran bahan warisan yang berada dalam simpanan mereka, terutamanya manuskrip yang mempunyai nilai sejarah dan keagamaan yang tinggi seperti al-Quran tulisan tangan lama (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa nilai manuskrip tersebut boleh mencecah puluhan ribu ringgit, malah dalam sesetengah kes mencapai nilai yang sangat tinggi (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Keadaan ini menjadi kekangan utama kepada pihak muzium untuk memperoleh manuskrip yang penting dan jarang ditemui, khususnya apabila peruntukan kewangan yang tersedia adalah terhad. Faktor kos yang tinggi ini secara langsung mempengaruhi keupayaan muzium untuk mendapatkan manuskrip yang mempunyai kepentingan besar terhadap sejarah dan identiti negeri.

Selain itu, informan menegaskan bahawa kekangan kewangan ini memberi kesan terhadap usaha muzium dalam melengkapkan koleksi manuskrip yang bersifat signifikan kepada negeri. Walaupun pihak muzium menyedari kepentingan manuskrip tersebut

sebagai warisan negeri, keterbatasan dari sudut kewangan menjadikan proses pemerolehan perlu dilakukan secara selektif dan berhati-hati. Hal ini menunjukkan bahawa cabaran pemerolehan manuskrip di Muzium Negeri Kelantan bukan terletak pada kekurangan sumber manuskrip, sebaliknya lebih tertumpu kepada isu kos dan kemampuan institusi dalam mendapatkan bahan warisan yang bernilai tinggi.

v) Matlamat Strategik Pemerolehan Manuskrip

Akhir sekali, bagi menjawab persoalan apakah matlamat strategik utama yang digariskan oleh pihak muzium dalam pemerolehan manuskrip baharu, dapatan temu bual menunjukkan bahawa matlamat ini berkait rapat dengan aspek penjagaan dan kelestarian koleksi dalam jangka panjang. Menurut informan, pemerolehan manuskrip tidak hanya dilihat dari sudut penambahan koleksi fizikal semata-mata, sebaliknya turut mengambil kira keperluan untuk memastikan manuskrip dapat dijaga dan dipelihara dengan lebih berkesan melalui pendekatan yang bersesuaian dengan perkembangan semasa (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak muzium memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi digital sebagai salah satu strategi penting dalam pemerolehan dan pengurusan manuskrip. Informan menjelaskan bahawa kemudahan seperti pengimbas (*scanner*) digunakan bagi membolehkan kandungan manuskrip disampaikan dalam bentuk digital (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Pendekatan ini bertujuan mengurangkan keperluan pengendalian fizikal manuskrip asal

sekali gus membantu meminimumkan risiko kerosakan terhadap bahan yang sensitif dan bernilai tinggi.

Selain itu, informan turut menyatakan bahawa proses pendigitalan manuskrip merupakan satu usaha yang masih baharu dan memerlukan pihak muzium untuk terus menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi. Dalam konteks ini, matlamat strategik pemerolehan manuskrip turut melibatkan keperluan untuk “mengejar” perkembangan digital agar koleksi manuskrip yang dimiliki dapat diakses dan diurus dengan lebih sistematik pada masa hadapan (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Hal ini menunjukkan bahawa pemerolehan manuskrip di Muzium Negeri Kelantan bukan sahaja bertujuan memperkayakan koleksi sedia ada, malah menyokong usaha pemeliharaan dan penyampaian warisan melalui medium digital secara berperingkat.

4.2.1.2 Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



Gambar 4.1 Pemeliharaan Manuskrip di Stor Simpanan Arkib Negeri

Berdasarkan dapatan temu bual, aspek pemeliharaan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan merupakan satu komponen penting dalam strategi pengurusan manuskrip kerana manuskrip tergolong sebagai bahan warisan yang sangat rapuh dan terdedah kepada kerosakan fizikal serta biologi. Pihak muzium menyedari bahawa pemeliharaan manuskrip bukan sekadar melibatkan penjagaan luaran, malah memerlukan penilaian menyeluruh terhadap keadaan fizikal, bahan pembuatan, persekitaran simpanan serta pemantauan berterusan. Oleh itu, pendekatan pemeliharaan yang diamalkan adalah bersifat berhati-hati, berperingkat dan sering melibatkan kerjasama dengan institusi lain yang mempunyai kemudahan dan kepakaran khusus.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pemeliharaan manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan tidak dilaksanakan secara bersendirian oleh pihak muzium semata-mata. Sebaliknya, proses ini banyak melibatkan kolaborasi dengan Arkib Negeri dan Arkib Negara, khususnya bagi rawatan konservasi yang memerlukan kemudahan makmal, kawalan suhu serta peralatan teknikal yang lebih lengkap. Keadaan ini memperlihatkan bahawa pemeliharaan manuskrip dilaksanakan berdasarkan keupayaan institusi dan prinsip pengurusan risiko bagi memastikan kelestarian manuskrip dalam jangka panjang.

i) Penilaian Fizikal dan Komposisi Material Manuskrip

Bagi menjawab persoalan apa komposisi material yang akan diperiksa terlebih dahulu apabila manuskrip lama diterima, dapatan temu bual menunjukkan bahawa pemeriksaan awal terhadap manuskrip lama di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menumpukan kepada tahap kebolehbacaan dan keadaan fizikal manuskrip tersebut. Menurut informan, aspek utama yang akan dinilai terlebih dahulu ialah sama ada manuskrip masih boleh dibaca atau tidak. Sekiranya manuskrip berada dalam keadaan terlalu rapuh sehingga tidak boleh dibaca, keadaan ini akan menghadkan keupayaan pihak muzium untuk menjalankan sebarang usaha lanjut, khususnya bagi tujuan penyelidikan dan penghasilan produk akademik (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa selain kebolehbacaan, pihak konservator turut meneliti ciri fizikal lain seperti corak (*pattern*), bentuk pembingkai (*framing*) serta jenis kertas yang digunakan dalam manuskrip (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Pemerhatian terhadap aspek-aspek ini bertujuan untuk mengenal pasti anggaran usia manuskrip serta memahami sifat bahan yang membentuk manuskrip tersebut. Penilaian terhadap material composition ini penting bagi membantu pihak muzium menentukan pendekatan pemeliharaan yang sesuai dengan keadaan dan sifat bahan manuskrip.

Selain itu, informan menegaskan bahawa kebolehbacaan manuskrip menjadi faktor penentu utama dalam proses pemeriksaan awal (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Hal ini kerana manuskrip yang tidak dapat dibaca akan menyukarkan usaha untuk mendapatkan maklumat kandungan serta menghalang penghasilan bahan penyelidikan seperti jurnal atau produk kajian lain. Oleh itu, pemeriksaan fizikal dan bahan manuskrip di Muzium Negeri Kelantan bukan sahaja bertujuan menilai keadaan konservasi, malah turut berkait rapat dengan potensi manuskrip tersebut untuk menyumbang kepada aktiviti penyelidikan dan pemeliharaan ilmu warisan negeri.

ii) Rawatan Konservasi Manuskrip yang Mengalami Kerosakan

Berkaitan persoalan apakah jenis rawatan konservasi yang dilakukan sekiranya manuskrip didapati mengalami kerosakan fizikal atau biologi, dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak muzium mengamalkan pendekatan konservasi minimum iaitu dilaksanakan secara berperingkat dan bergantung kepada tahap kerosakan manuskrip tersebut. Menurut informan, rawatan awal yang dilakukan adalah menggunakan teknik pembaikan kertas yang sejenis, iaitu dengan menyesuaikan bahan sokongan mengikut jenis kertas asal manuskrip (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Pendekatan ini penting bagi memastikan keserasian bahan dan mengelakkan kesan sampingan terhadap struktur manuskrip.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bagi manuskrip yang mengalami kerosakan teruk, pihak muzium akan menumpukan kepada langkah pembingkaian (*framing*) sebagai kaedah sokongan bagi menstabilkan keadaan fizikal manuskrip. Informan menjelaskan bahawa kebanyakan kerja rawatan konservasi yang kompleks tidak dilaksanakan sepenuhnya di pihak muzium, sebaliknya lebih tertumpu kepada aspek penjagaan asas. Oleh itu, sekiranya rawatan lanjut diperlukan dan tidak dapat dilaksanakan di muzium, pihak muzium akan menjalinkan kolaborasi dengan Arkib Negara yang mempunyai kemudahan dan kepakaran khusus (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Selain itu, informan menyatakan bahawa Arkib Negara memiliki kemudahan seperti makmal konservasi, bilik kawalan suhu serta peralatan khusus untuk menangani kerosakan biologi, termasuk kehadiran bakteria atau hama pada kertas manuskrip. Dalam proses rawatan tersebut, manuskrip akan disimpan di dalam kotak khas dan ditempatkan dalam bilik bersuhu terkawal. Walau bagaimanapun, informan menegaskan bahawa kawalan suhu perlu dilakukan secara berhati-hati kerana suhu yang terlalu sejuk juga boleh memberi kesan negatif kepada keadaan manuskrip (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Hal ini menunjukkan bahawa rawatan konservasi manuskrip di Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan melalui pendekatan berhati-hati dan kerjasama antara institusi bagi memastikan keselamatan koleksi warisan.

iii) Pendigitalan Manuskrip sebagai Langkah Pemeliharaan

Menjawab persoalan adakah pihak muzium menjalankan proses pendigitalan bagi manuskrip yang diterima, dapatan temu bual menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mula melaksanakan proses pendigitalan manuskrip sebagai sebahagian daripada usaha pemeliharaan koleksi. Menurut informan, inisiatif pendigitalan ini dilaksanakan bagi mengurangkan risiko kerosakan terhadap manuskrip fizikal, memandangkan manuskrip merupakan bahan warisan yang rapuh dan mudah terjejas sekiranya kerap dikendalikan (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses pendigitalan manuskrip dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak Arkib Negeri Kelantan, selaras dengan pendekatan muzium yang banyak bergantung kepada kepakaran institusi tersebut. Informan menjelaskan bahawa pendigitalan membolehkan manuskrip diakses dalam bentuk digital, sekali gus memudahkan proses pembacaan dan rujukan tanpa perlu membuka atau menyentuh manuskrip asal. Contohnya, manuskrip boleh diakses dalam bentuk fail digital seperti format PDF (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan), yang lebih praktikal dan selamat dari sudut pemeliharaan.

Selain itu, informan menegaskan bahawa walaupun proses pendigitalan ini masih berada pada peringkat awal, ia merupakan satu usaha yang penting dan perlu diteruskan (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Pendigitalan

bukan sahaja berperanan sebagai langkah pencegahan terhadap kerosakan fizikal, malah turut menyokong pengurusan koleksi manuskrip secara lebih sistematik pada masa hadapan. Hal ini menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium Negeri Kelantan semakin memberi perhatian kepada penggunaan teknologi digital sebagai strategi pemeliharaan manuskrip yang bersesuaian dengan keperluan semasa.

iv) Kawalan Persekitaran dan Pengurusan Risiko Penyimpanan

Bagi menjawab persoalan apakah piawaian kawalan persekitaran yang kritikal dalam penyimpanan manuskrip serta strategi pengurusan risiko, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan penstoran jangka panjang manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan memerlukan kemudahan bilik simpanan khas yang dilengkapi dengan sistem kawalan persekitaran. Menurut informan, penjagaan manuskrip tidak boleh dilakukan di ruang biasa kerana manuskrip memerlukan bilik khas yang mempunyai sistem kawalan tersendiri (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan), termasuk almari simpanan yang tidak boleh diakses atau diubah secara sewenang-wenangnya. Keperluan ini menunjukkan bahawa kawalan persekitaran merupakan aspek kritikal dalam memastikan kelestarian manuskrip dalam jangka panjang.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa penggunaan teknologi merupakan keperluan utama dalam pengurusan penstoran manuskrip. Informan menegaskan bahawa pendekatan penjagaan yang terlalu bersifat lama atau kaku tidak lagi sesuai untuk tujuan pemeliharaan manuskrip (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium

Negeri Kelantan). Oleh itu, penggunaan teknologi dan kepakaran khusus adalah penting bagi memastikan manuskrip dapat dipelihara dengan berkesan. Sehubungan itu, pihak muzium turut menekankan keperluan untuk mewujudkan pasukan konservator manuskrip yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang ini.

Selain itu, informan menjelaskan bahawa manuskrip milik Muzium Negeri Kelantan disimpan di Arkib Negeri (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan) kerana institusi tersebut mempunyai kemudahan bilik simpanan khas yang lebih sistematik dan efisien. Keputusan ini dibuat berikutan kekangan ruang dan ketiadaan kompleks khas di pihak muzium sendiri. Informan turut menyatakan bahawa manuskrip hanya akan dibawa keluar untuk tempoh tertentu, seperti dua hingga tiga minggu (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan) bagi tujuan tertentu, sebelum disimpan semula di Arkib Negeri. Pendekatan ini menunjukkan bahawa strategi pengurusan risiko manuskrip di Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan melalui kerjasama antara institusi bagi memastikan manuskrip disimpan dalam persekitaran yang lebih terkawal dan selamat.

v) Pemantauan Berkala Keadaan Manuskrip

Akhir sekali, bagi menjawab persoalan apakah bentuk pemantauan berkala yang dijalankan bagi memastikan kestabilan keadaan manuskrip secara berterusan, dapatan temu bual menunjukkan bahawa pemantauan manuskrip Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak Arkib Negeri yang bertanggungjawab

mengawal aspek penjagaan dan pemeliharaan koleksi manuskrip. Menurut informan, kebanyakan manuskrip disimpan di Arkib, dan keadaan ini menyebabkan akses kepada manuskrip menjadi lebih terhad berbanding penyimpanan di ruang muzium sendiri (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Walau bagaimanapun, langkah ini diambil bagi memastikan manuskrip berada dalam persekitaran yang lebih terkawal dan selamat.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemantauan terhadap manuskrip lama melibatkan pemeriksaan khusus terhadap bahan berasaskan kertas yang mudah terjejas oleh faktor biologi seperti hama dan serangan serangga. Informan menjelaskan bahawa manuskrip yang disimpan dalam almari memerlukan rawatan penjagaan secara berkala, termasuk penggunaan bahan atau ubat-ubatan tertentu bagi menghalau bau dan mencegah serangan hama (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Cadangan untuk melaksanakan rawatan ini akan dibawa ke peringkat jawatankuasa bagi mendapatkan kelulusan sebelum tindakan lanjut dijalankan.

Selain itu, informan menyatakan bahawa pemantauan berkala terhadap manuskrip dilaksanakan sebanyak tiga kali setahun (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Kekerapan pemantauan ini bertujuan memastikan keadaan manuskrip sentiasa berada dalam keadaan stabil dan sebarang tanda awal kerosakan dapat dikenal pasti dengan segera. Pendekatan ini menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium

Negeri Kelantan melaksanakan pemantauan secara berterusan dan terancang sebagai sebahagian daripada strategi pemeliharaan manuskrip jangka panjang.

4.2.1.3 Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Berdasarkan dapatan temu bual, aktiviti penyelidikan merupakan komponen penting dalam strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Penyelidikan tidak hanya berfungsi untuk memahami kandungan manuskrip, malah menjadi asas kepada proses dokumentasi, interpretasi, pameran serta penyebaran ilmu kepada masyarakat. Pihak muzium melihat penyelidikan sebagai satu keperluan utama sebelum sesuatu manuskrip boleh dimanfaatkan sepenuhnya, sama ada untuk tujuan akademik atau pameran awam.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses penyelidikan manuskrip di muzium ini dilaksanakan secara sistematik dan melibatkan pelbagai pihak, termasuk penyelidik dalaman dan luar. Penyelidikan juga berperanan penting dalam menentukan nilai signifikan manuskrip, mengenal pasti konteks sejarah serta memastikan maklumat yang dipersembahkan kepada umum adalah tepat dan berautoriti. Justeru, penyelidikan dilihat sebagai penghubung antara pemerolehan, pemeliharaan dan pameran dalam pengurusan manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

i) Pendokumentasian Kandungan dan Konteks Sejarah Manuskrip

Bagi menjawab persoalan bagaimanakah pihak muzium mengumpul dan mendokumentasikan maklumat kandungan serta konteks sejarah manuskrip setelah didaftarkan sebagai koleksi, dapatan temu bual menunjukkan bahawa di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan melaksanakan melalui penglibatan penyelidik dan pegawai yang bertanggungjawab terhadap bidang koleksi. Menurut informan, maklumat berkaitan manuskrip akan diuruskan oleh penyelidik dan penjaga koleksi, yang kebiasaannya terdiri daripada penolong kurator yang dilantik untuk mengendalikan koleksi khas.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendokumentasian manuskrip kini banyak dilaksanakan melalui kaedah digital. Informan menjelaskan bahawa setelah manuskrip didaftarkan, maklumat berkaitan akan dimasukkan ke dalam sistem digital bagi memudahkan proses penyimpanan, rujukan dan carian maklumat (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Selain itu, pendekatan pendigitalan seperti pengimbasan manuskrip turut dilaksanakan bagi memudahkan pihak berkepentingan mendapatkan gambaran awal kandungan manuskrip tanpa perlu mengendalikan bahan fizikal secara langsung.

Selain pendokumentasian dalaman, informan turut menjelaskan bahawa pihak muzium akan mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada pihak yang menyimpan atau mempunyai pengetahuan berkaitan manuskrip tersebut. Sebagai contoh, bagi manuskrip yang melibatkan sejarah raja-raja, pihak muzium akan berhubung dengan

pegawai khas atau pihak protokol bagi mendapatkan maklumat konteks sejarah yang tepat (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Walau bagaimanapun, informan menegaskan bahawa terdapat maklumat tertentu yang bersifat sensitif dan tidak boleh didedahkan kepada umum. Oleh itu, pihak muzium akan mengurus dan menjaga maklumat tersebut secara berhemah bagi memastikan sensitiviti dan kepentingan tertentu terus dipelihara.

ii) Kriteria Pemilihan Manuskrip untuk Penyelidikan Mendalam

Berkaitan persoalan apakah faktor atau kriteria yang menentukan sesuatu manuskrip dipilih untuk kajian mendalam terlebih dahulu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kandungan manuskrip itu sendiri. Menurut informan, isi kandungan merupakan aspek paling penting kerana ia menentukan nilai ilmu, sejarah dan makna yang terkandung dalam manuskrip tersebut. Manuskrip yang mempunyai kandungan yang signifikan dan relevan akan diberi keutamaan untuk dikaji dengan lebih mendalam.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa selain kandungan, keadaan fizikal manuskrip turut diambil kira dalam proses pemilihan. Informan menjelaskan bahawa manuskrip perlu berada dalam keadaan yang masih boleh dibaca bagi membolehkan kajian dijalankan secara berkesan. Aspek fizikal lain seperti pemingkaian dan hiasan (*framing* kerawang) dalam manuskrip juga dinilai kerana elemen tersebut boleh memberikan petunjuk kepada nilai seni dan konteks asal manuskrip (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Selain itu, informan menegaskan bahawa keunikan manuskrip menjadi salah satu kriteria penting dalam pemilihan untuk kajian mendalam. Sebagai contoh, manuskrip al-Quran lama sering mempunyai bingkai hiasan di bahagian tepi yang membawa maksud tertentu dan mencerminkan pengaruh budaya atau kerajaan asal, seperti Kerajaan Pattani atau Kerajaan Turki (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Keunikan ini membantu pihak muzium memahami hubungan sejarah dan budaya, termasuk kaitan wilayah Nusantara pada masa lalu. Oleh itu, keunikan isi kandungan dan elemen visual manuskrip dilihat sebagai nilai penting yang mendorong pemilihan manuskrip untuk penyelidikan mendalam.

iii) Kolaborasi Akademik dalam Penyelidikan Manuskrip

Bagi menjawab persoalan adakah pihak muzium menjalinkan kolaborasi akademik dengan universiti, penyelidik bebas atau institusi luar, dapatan temu bual menunjukkan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sememangnya menjalin kolaborasi akademik dengan penyelidik luar dalam usaha penjagaan dan penyelidikan koleksi manuskrip. Menurut informan, penglibatan penyelidik luar adalah penting khususnya dalam menghasilkan hasil penyelidikan berbentuk penulisan ilmiah seperti jurnal, yang menjadi salah satu output utama aktiviti penyelidikan muzium.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak muzium telah menerbitkan jurnal penyelidikan secara konsisten, iaitu sehingga edisi ke-43, yang diterbitkan setiap tahun sebagai simbol dan rekod aktiviti kajian yang dijalankan. Informan menjelaskan bahawa

penyelidik luar yang terlibat kebiasaannya terdiri daripada pensyarah universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan. Antara institusi pengajian tinggi yang terlibat termasuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sekudai serta Universiti Malaysia Kelantan (UMK) (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Selain itu, informan turut menyatakan bahawa kolaborasi ini melibatkan penyelidik dalam negeri yang berperanan menyumbang kepakaran akademik terhadap kajian manuskrip. Sebagai contoh, penglibatan pensyarah UMK seperti Profesor Azuki menunjukkan hubungan kerjasama yang aktif antara muzium dan institusi pengajian tinggi (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Pendekatan ini membuktikan bahawa Muzium Negeri Kelantan memanfaatkan kolaborasi akademik sebagai strategi penting dalam memperkukuh kualiti penyelidikan serta memperkaya kefahaman terhadap koleksi manuskrip yang dimiliki.

iv) Penyebaran Hasil Penyelidikan kepada Umum

Menjawab persoalan bagaimanakah pihak muzium menyebarkan hasil penyelidikan manuskrip kepada masyarakat, dapatan kajian menunjukkan penyebaran hasil penyelidikan di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan secara berperingkat dan terancang. Menurut informan, sebelum sesuatu hasil kajian diterbitkan dalam bentuk buku atau penerbitan rasmi, pihak muzium akan menganjurkan program ilmiah seperti seminar atau

kolokium berskala kecil sebagai simbol pelancaran awal (*launch*) terhadap hasil kajian tersebut (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penganjuran seminar atau kolokium ini bertujuan untuk memperkenalkan dapatan kajian kepada khalayak yang berkepentingan, termasuk pengkaji, pihak institusi dan masyarakat umum. Informan memberikan contoh kajian berkaitan Masjid Kampung Laut, di mana setelah proses penyelidikan dan pengumpulan maklumat sejarah dijalankan, pihak muzium menghasilkan sebuah buku sebagai hasil kajian tersebut (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Pelancaran buku ini kemudiannya disertai dengan penganjuran kolokium atau seminar.

Selain itu, informan menjelaskan bahawa seminar atau kolokium ini lazimnya diadakan di muzium itu sendiri. Pendekatan ini bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyebaran ilmu, malah turut mengukuhkan peranan muzium sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan. Hal ini menunjukkan bahawa Muzium Negeri Kelantan menggunakan pendekatan berasaskan program ilmiah dan penerbitan sebagai strategi utama dalam menyebarkan hasil penyelidikan manuskrip kepada masyarakat.

v) Akses Penyelidikan dan Pendekatan Digital

Akhir sekali, bagi menjawab persoalan apakah kaedah yang digunakan oleh pihak muzium untuk menyediakan akses digital kepada manuskrip serta prosedur permohonan

bagi penyelidik luar, dapatan temu bual menunjukkan penyediaan akses digital kepada koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan masih berada pada peringkat awal penerokaan. Menurut informan, inisiatif ini dirancang sebagai satu projek perintis (*pilot project*) yang disasarkan untuk dilaksanakan sebagai persediaan memasuki tahun berikutnya (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Hal ini menunjukkan bahawa pihak muzium sedang mengambil langkah awal ke arah pembangunan akses digital secara lebih tersusun dan sistematik.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada masa ini, pendekatan akses digital yang dirujuk oleh pihak muzium adalah berdasarkan amalan standard yang dilaksanakan oleh Arkib. Informan menjelaskan bahawa Arkib mempunyai kemudahan seperti pengimbas digital (*digital scanner*) yang digunakan bagi tujuan pendigitalan manuskrip (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Pendekatan ini dijadikan rujukan awal oleh pihak muzium dalam merancang kaedah penyediaan akses digital kepada koleksi manuskrip pada masa hadapan.

Selain itu, informan turut memberi gambaran bahawa prosedur permohonan akses digital untuk penyelidik luar masih belum di muktamadkan sepenuhnya kerana pelaksanaan sistem tersebut masih dalam fasa pembangunan. Oleh itu, akses kepada manuskrip pada masa ini lebih tertumpu kepada pendekatan sedia ada melalui institusi Arkib Negeri (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Hal ini menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sedang berada dalam proses

peralihan ke arah penggunaan akses digital, dengan perancangan awal dilaksanakan secara berhati-hati bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan pada masa akan datang.

4.2.1.4 Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



Gambar 4.2 Manuskrip Muzium Disimpan di Arkib Negeri

Berdasarkan dapatan temu bual, pameran manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan secara berhati-hati dan terancang memandangkan manuskrip merupakan artifak yang sangat sensitif terhadap faktor persekitaran serta pengendalian fizikal. Pihak muzium melihat pameran bukan sekadar medium untuk mempamerkan koleksi kepada umum, tetapi sebagai satu platform pendidikan yang memerlukan keseimbangan antara keperluan interpretasi kepada pengunjung dan tanggungjawab pemeliharaan manuskrip dalam jangka panjang.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak semua manuskrip sesuai untuk dipamerkan secara langsung. Pemilihan manuskrip, tempoh pameran, kaedah interpretasi serta penggunaan teknologi pameran semuanya dirancang dengan teliti bagi memastikan kandungan manuskrip dapat difahami oleh pengunjung tanpa menjejaskan keadaan fizikal manuskrip tersebut. Oleh itu, strategi pameran manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan lebih bersifat selektif, berfokus dan bersesuaian dengan kemampuan institusi.

i) Proses Kuratorial dalam Pemilihan Manuskrip untuk Pameran

Bagi menjawab persoalan apakah proses kuratorial yang digunakan untuk memilih manuskrip yang sesuai dan selamat untuk dipamerkan kepada khalayak umum, dapatan temu bual menunjukkan bahawa pemilihan manuskrip untuk tujuan pameran di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan melalui proses kuratorial yang menitikberatkan aspek keselamatan dan kefahaman kandungan. Menurut informan, manuskrip yang dipilih untuk dipamerkan ialah manuskrip yang telah melalui proses kajian terlebih dahulu. Manuskrip yang telah dikaji dianggap lebih sesuai untuk dipamerkan kerana kandungannya telah difahami dan disahkan, sekali gus mengurangkan risiko salah tafsir oleh pengunjung (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam usaha menyampaikan kandungan manuskrip kepada pengunjung tanpa mendedahkan manuskrip fizikal kepada risiko kerosakan, pihak muzium menggunakan pendekatan interpretasi berasaskan simbol dan visual. Informan memberikan contoh manuskrip berkaitan perubatan tradisional, seperti

amalan ‘melanggang perut’, yang telah dikaji bersama seorang ahli herba (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Hasil kajian tersebut kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk simbol atau ilustrasi untuk membantu pengunjung memahami fungsi dan konteks manuskrip, memandangkan helaian manuskrip asal tidak boleh dibuka atau dikendalikan secara langsung.

Selain itu, informan menjelaskan bahawa koleksi manuskrip di Muzium Negeri Kelantan banyak berkaitan dengan budaya dan kehidupan masyarakat, yang turut merangkumi unsur agama (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Oleh itu, pemilihan manuskrip untuk pameran juga mengambil kira kesesuaian kandungan dengan naratif pameran serta keupayaannya untuk menyampaikan nilai budaya dan keagamaan kepada khalayak umum.

ii) Langkah Konservasi Pencegahan Semasa Pameran

Berkaitan persoalan apakah langkah konservasi pencegahan yang diambil semasa pameran bagi mengelakkan manuskrip terdedah kepada cahaya, suhu dan kelembapan, dapatan kajian menekankan kepentingan penyediaan ruang pameran yang khusus dan sesuai. Menurut informan, pengawalan persekitaran pameran merupakan aspek yang amat penting bagi institusi muzium kerana tanpa pemantauan yang berterusan, manuskrip berisiko mengalami kerosakan. Oleh itu, manuskrip perlu ditempatkan di ruang yang betul bagi mengelakkan pendedahan kepada faktor persekitaran yang boleh menyebabkan kemerosotan keadaan fizikal.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyimpanan manuskrip di Arkib Negeri dianggap sebagai pilihan yang lebih selamat kerana institusi tersebut mempunyai ruang khas yang lebih sesuai untuk tujuan pemeliharaan. Informan menjelaskan bahawa sebelum ini manuskrip disimpan di Muzium Islam, namun disebabkan kekangan kewangan dan isu sewaan, manuskrip tersebut terpaksa disimpan semula di Arkib Negeri atas arahan pihak kerajaan (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Keputusan ini dibuat bagi memastikan manuskrip berada dalam persekitaran yang lebih terkawal sementara menunggu pembangunan kompleks muzium yang dirancang dalam tempoh empat tahun.

Selain itu, informan turut menjelaskan bahawa manuskrip tidak boleh dipamerkan secara berterusan dalam tempoh yang lama. Menurut beliau, pameran manuskrip seharusnya dilaksanakan secara berkala, sama ada setiap enam bulan atau lebih ideal setiap tiga bulan, sebelum manuskrip ditukar atau disimpan semula (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan). Langkah ini bertujuan mengelakkan pendedahan berlebihan kepada cahaya dan persekitaran pameran. Pada masa ini, pameran manuskrip ditutup berikutan kekangan kos, dan manuskrip disimpan di Arkib sebagai langkah terbaik untuk memastikan keselamatannya terjaga.

iii) Interpretasi Kandungan Manuskrip kepada Pengunjung

Menjawab persoalan bagaimana pihak muzium menyampaikan interpretasi kandungan manuskrip supaya mudah difahami oleh pengunjung, dapatan temu bual

menunjukkan penyampaian interpretasi kandungan manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan melalui pendekatan visual dan demonstratif. Menurut informan, kandungan manuskrip yang sukar difahami secara teks semata-mata akan diterjemahkan dalam bentuk suasana, aktiviti atau amalan tradisional bagi membantu pengunjung memahami konteks sebenar manuskrip tersebut semula (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak muzium menggunakan contoh amalan tradisional seperti ‘melanggang perut’ dan ‘melanggir keris’ sebagai medium interpretasi kandungan manuskrip. Informan menjelaskan bahawa manuskrip berkaitan amalan ini akan dipersembahkan melalui visual atau rakaman video yang menunjukkan proses sebenar pelaksanaan amalan tersebut. Sebagai contoh, bagi manuskrip berkaitan penjagaan besi atau keris, video akan menunjukkan kaedah penjagaan untuk mengelakkan karat dan pengoksidaan pada besi semula (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Selain itu, informan turut menyatakan bahawa dalam situasi tertentu, pihak muzium menyediakan pengalaman interaktif yang membolehkan pengunjung merasai sendiri teknik atau amalan yang dipersembahkan, terutamanya semasa pameran khas. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak dilaksanakan secara berterusan dan hanya diaplikasikan pada pameran tertentu sahaja. Pendekatan interpretasi ini menunjukkan bahawa Muzium Negeri Kelantan menggunakan kaedah pelbagai deria bagi

menyampaikan kandungan manuskrip secara lebih berkesan dan mudah difahami oleh pengunjung.

iv) Penggunaan Teknologi dalam Pameran Manuskrip

Bagi menjawab persoalan apakah bentuk teknologi pameran yang digunakan di Muzium Negeri Kelantan, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi pameran di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan masih tertumpu kepada pendekatan berasaskan pameran fizikal manuskrip. Menurut informan, teknologi seperti *augmented reality* (AR) merupakan satu pendekatan yang masih baharu dan belum dilaksanakan sepenuhnya di pihak muzium. Pada masa ini, pihak muzium lebih mengekalkan pameran manuskrip dalam bentuk fizikal sebagai bukti kewujudan dan keaslian koleksi warisan yang dimiliki (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi digital masih berada pada peringkat penerokaan. Informan menjelaskan bahawa walaupun terdapat usaha untuk meneroka bentuk penyampaian digital, fokus utama adalah untuk memudahkan pembacaan kandungan manuskrip, khususnya manuskrip bertulisan Jawi lama, dengan menukarkannya kepada bentuk yang lebih mudah difahami. Walau bagaimanapun, akses digital secara dalam talian (*online*) kepada kandungan manuskrip masih belum disediakan pada masa ini.

Selain itu, informan menegaskan bahawa akses terhadap kandungan penuh manuskrip adalah terhad dan tidak dibuka kepada semua pihak. Pengunjung atau penyelidik

hanya boleh mengetahui maklumat asas seperti tajuk manuskrip, manakala kandungan asal manuskrip perlu diakses secara fizikal dengan kehadiran ke muzium. Pendekatan ini menunjukkan bahawa walaupun teknologi pameran moden masih belum digunakan secara meluas, pihak muzium tetap berperanan mempamerkan manuskrip sebagai bukti fizikal kewujudan warisan.

v) Strategi Promosi dan Jangkauan Pameran Manuskrip

Akhir sekali, bagi menjawab persoalan apakah strategi promosi dan jangkauan yang digunakan oleh muzium untuk menarik minat orang ramai terhadap pameran manuskrip, dapatan temu bual menunjukkan bahawa strategi promosi dan outreach pameran manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dilaksanakan dengan mengambil kira kesesuaian tema pameran serta kumpulan sasaran pengunjung. Menurut informan, pameran manuskrip sememangnya mempunyai kelompok peminat tersendiri, justeru pendekatan promosi perlu disesuaikan dengan konteks dan lokasi pameran. Sebagai contoh, sekiranya pameran melibatkan manuskrip berkaitan keris atau institusi diraja, pameran tersebut akan diadakan di kawasan persekitaran istana bagi mewujudkan keserasian antara tema, lokasi dan kandungan pameran (Ali Hussaini, 2025, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Kelantan).

Selain itu, pemilihan lokasi yang strategik dan jarang digunakan untuk pameran manuskrip turut berperanan sebagai daya tarikan kepada orang ramai. Informan menjelaskan bahawa pameran manuskrip yang dilaksanakan dalam konteks istana atau

berkaitan warisan diraja mampu menarik perhatian pengunjung kerana sifatnya yang eksklusif dan jarang didedahkan kepada umum. Pendekatan ini secara tidak langsung meningkatkan nilai pengalaman pengunjung serta memperkukuh minat masyarakat terhadap koleksi manuskrip yang dipamerkan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan elemen digital yang disusun secara kemas dan efisien merupakan antara strategi penting dalam menyampaikan maklumat pameran kepada orang ramai. Penggunaan medium digital membantu memudahkan pemahaman pengunjung terhadap kandungan manuskrip, terutamanya bagi masyarakat awam yang kurang pendedahan tentang manuskrip lama. Gabungan antara pemilihan lokasi yang sesuai, tema yang relevan dan sokongan elemen digital dilihat sebagai pendekatan utama pihak muzium dalam mempromosikan pameran manuskrip kepada khalayak umum.

4.2.2 Strategi Pengurusan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Bahagian ini menghuraikan dapatan kajian berkaitan strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang berdasarkan temu bual separa berstruktur yang telah dijalankan bersama Tuan Ahnaf Wafi bin Alias. Beliau merupakan pegawai penyelidik dan bekas kurator Muzium Negeri Pahang yang telah berkhidmat selama lebih sepuluh tahun dalam bidang permuziuman dan penyelidikan di Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Sultan Abdullah (Al-Asar). Pengalaman beliau yang luas dalam pengurusan, penyelidikan dan pembangunan koleksi manuskrip memberikan gambaran yang

komprehensif terhadap amalan pengurusan manuskrip yang dilaksanakan oleh institusi ini (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi pengurusan manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang bersifat lebih terbuka dan meluas dari segi skop koleksi, di samping menekankan aspek penyelamatan manuskrip, pemanjangan jangka hayat bahan warisan serta pengembangan ilmu melalui penyelidikan dan penggunaan teknologi. Strategi ini dilaksanakan melalui empat komponen utama, iaitu pemerolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran, yang saling berkait antara satu sama lain.

4.2.2.1 Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Berdasarkan dapatan temu bual, strategi pemerolehan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang dilaksanakan secara sistematik dan berpandukan matlamat jangka panjang pemeliharaan warisan bertulis Melayu. Pemerolehan manuskrip tidak dilihat sebagai satu proses pengumpulan secara rawak, sebaliknya dilaksanakan melalui pertimbangan yang teliti terhadap nilai keilmuan, keunikan kandungan serta kepentingan manuskrip tersebut dalam konteks sejarah dan tamadun Melayu (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium Negeri Pahang tidak menghadkan skop pemerolehan manuskrip kepada bahan yang berasal dari negeri Pahang

sahaja. Sebaliknya, manuskrip dari seluruh Alam Melayu turut dipertimbangkan untuk diperoleh, khususnya manuskrip yang mempunyai hubungan sejarah, intelektual atau pengaruh budaya dengan negeri Pahang. Pendekatan ini mencerminkan kefahaman pihak muzium bahawa sejarah dan tradisi keilmuan Melayu bersifat saling berkait antara wilayah, dan tidak terikat secara sempit kepada sempadan negeri semasa. Oleh itu, pemerolehan manuskrip dilihat sebagai usaha memperkukuh naratif sejarah Pahang dalam konteks yang lebih luas (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain itu, pemerolehan manuskrip juga dianggap sebagai satu bentuk usaha penyelamatan warisan. Banyak manuskrip lama berada dalam simpanan persendirian tanpa penjagaan yang sesuai, sekali gus terdedah kepada risiko kerosakan akibat faktor persekitaran dan biologi. Justeru, pihak muzium memainkan peranan penting dalam mengambil alih tanggungjawab penjagaan manuskrip tersebut bagi memastikan kelangsungan fizikal dan kandungannya untuk generasi akan datang.

i) Kriteria Pemilihan Manuskrip

Soalan pertama dalam bahagian pemerolehan memberi tumpuan kepada kaedah pihak muzium menentukan kriteria pemilihan manuskrip yang sesuai untuk dijadikan sebahagian daripada koleksi tetap. Berdasarkan temu bual bersama kurator Perbadanan Muzium Negeri Pahang, pemilihan manuskrip dilaksanakan melalui penilaian yang teliti dengan menekankan aspek kualiti, keilmuan serta kepentingan kandungan manuskrip tersebut.

Menurut informan, kriteria utama yang diberi keutamaan ialah kualiti manuskrip, termasuklah faktor zaman penghasilan, identiti penulis serta keadaan penyalinan teks. Manuskrip yang dihasilkan pada zaman awal atau ditulis oleh tokoh penting dalam sejarah keilmuan Melayu dianggap mempunyai nilai yang lebih tinggi. Selain itu, manuskrip yang tidak banyak disalin atau jarang ditemui turut diberi keutamaan kerana sifatnya yang unik dan sukar diperoleh. Contohnya, manuskrip Hukum Kanun Pahang dikenal pasti sebagai manuskrip yang tidak banyak ditulis semula, justeru menjadi antara koleksi yang sangat bernilai dan diusahakan secara maksimum untuk diperoleh oleh pihak muzium (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain aspek kualiti, isi kandungan dan bidang ilmu yang dibawa oleh manuskrip turut menjadi kriteria penting dalam proses pemilihan. Manuskrip yang mengetengahkan bidang ilmu yang kurang diangkat atau jarang dibincangkan, seperti ilmu pelayaran dan ilmu falak, diberi keutamaan kerana sumbangannya terhadap pemahaman sejarah keilmuan masyarakat Melayu. Penekanan terhadap nilai ilmu ini menunjukkan bahawa pemilihan manuskrip bukan sekadar berasaskan nilai fizikal atau usia, tetapi turut mengambil kira kepentingan intelektual dan sumbangan manuskrip tersebut kepada khazanah ilmu warisan.

Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa skop pemilihan manuskrip oleh Muzium Negeri Pahang tidak terhad kepada manuskrip yang berasal dari negeri Pahang sahaja. Sebaliknya, pihak muzium mengamalkan pendekatan yang lebih luas dengan

mengumpul manuskrip unggul dari seluruh Alam Melayu. Contohnya, manuskrip *Shiratal Mustaqim* yang ditulis oleh Nur al-Din al-Raniri, seorang ulama terkenal dari Aceh, turut dijadikan koleksi kerana kepentingannya sebagai antara karya awal dalam tradisi penulisan Islam di Alam Melayu. Walaupun manuskrip tersebut tidak berasal secara langsung dari Pahang, hubungannya dengan sejarah keilmuan rantau ini, termasuk kaitan penulisnya dengan Pahang, menjadikannya relevan untuk dikumpulkan dan dikembangkan sebagai koleksi ilmu yang bernilai tinggi (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Secara keseluruhannya, kriteria pemilihan manuskrip di Muzium Negeri Pahang merangkumi penilaian terhadap kualiti manuskrip, keunikan penulisan, nilai ilmu serta kepentingannya dalam konteks sejarah dan peradaban Melayu. Pendekatan ini mencerminkan usaha pihak muzium untuk membina koleksi manuskrip yang bukan sahaja mewakili warisan negeri Pahang, tetapi juga memperkaya khazanah ilmu warisan Alam Melayu secara menyeluruh.

ii) Proses Pengesahan Provenans dan Latar Belakang Manuskrip

Dalam usaha memastikan keaslian dan kesahihan sesuatu manuskrip sebelum dijadikan sebagai koleksi tetap, pihak Perbadanan Muzium Negeri Pahang melaksanakan proses pengesahan *provenans* secara berperingkat dan sistematik. Berdasarkan temu bual bersama kurator, proses awal pengesahan bermula dengan penelitian terhadap sumber pemerolehan manuskrip itu sendiri. Manuskrip yang diterima lazimnya diperoleh daripada

pengumpul tertentu, khususnya individu yang merupakan keturunan kepada penulis asal manuskrip berkenaan. Sumber seperti ini dianggap lebih dipercayai kerana mempunyai hubungan langsung dengan sejarah pemilikan manuskrip tersebut (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain itu, terdapat juga manuskrip yang diperoleh melalui pembelian daripada individu yang dikenali dan mempunyai kepakaran dalam bidang manuskrip Melayu. Individu-individu ini biasanya terdiri daripada pengumpul berpengalaman atau pakar yang telah lama terlibat dalam bidang manuskrip dan sejarah. Hubungan rapat serta latar belakang kepakaran sumber pemerolehan ini menjadi antara faktor penting dalam membantu pihak muzium menilai kesahihan dan latar belakang manuskrip yang diperoleh. Hal ini menunjukkan bahawa pihak muzium tidak menerima manuskrip secara terbuka tanpa saringan, sebaliknya mengutamakan sumber yang diyakini dan berautoriti.

Seterusnya, bagi mengukuhkan proses pengesahan, pihak muzium menubuhkan jawatankuasa khas yang berperanan menilai keaslian manuskrip secara kolektif. Semua manuskrip yang dicadangkan untuk pemerolehan akan dibentangkan kepada jawatankuasa ini untuk penelitian lanjut. Penilaian dilakukan berdasarkan beberapa aspek seperti sumber manuskrip, latar belakang pemilikan, nilai sejarah serta kesesuaiannya dengan dasar koleksi muzium. Jawatankuasa ini juga akan membuat proses pemilihan secara teliti sebelum satu keputusan muktamad dibuat.

Akhir sekali, satu mesyuarat khusus akan diadakan bagi menentukan sama ada manuskrip tersebut wajar diambil sebagai koleksi muzium atau sebaliknya. Keputusan pemerolehan hanya dibuat selepas perbincangan dan persetujuan bersama dicapai dalam mesyuarat tersebut. Pendekatan ini menunjukkan bahawa proses pengesahan provenans manuskrip di Muzium Negeri Pahang dilaksanakan secara formal, berstruktur dan berasaskan pertimbangan profesional, bagi memastikan setiap manuskrip yang diperoleh benar-benar sahih serta mempunyai nilai warisan yang signifikan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

iii) Sumber Pemerolehan Manuskrip

Berdasarkan dapatan temu bual, pihak Perbadanan Muzium Negeri Pahang memperoleh manuskrip baharu melalui pelbagai saluran pemerolehan, sekali gus menunjukkan pendekatan yang fleksibel dan menyeluruh dalam memperkaya koleksi manuskrip sedia ada. Antara sumber utama pemerolehan manuskrip ialah daripada pengumpul manuskrip persendirian yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan. Contohnya, manuskrip turut diperoleh daripada individu seperti Dr. Fauzi, bekas pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), yang diketahui memiliki koleksi manuskrip yang signifikan dan bernilai tinggi (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain pengumpul individu, pihak muzium juga menerima manuskrip daripada koleksi persendirian pelbagai pihak, termasuk individu atau institusi yang menyimpan

manuskrip lama tetapi tidak lagi berupaya mengurus atau memeliharanya dengan baik. Dalam sesetengah kes, manuskrip diperoleh daripada perpustakaan-perpustakaan tertentu yang tidak lagi dapat meneruskan operasi atau pembangunan koleksi mereka. Apabila perpustakaan ini dilupuskan atau ditutup, manuskrip yang masih mempunyai nilai warisan akan diserahkan kepada muzium atau pusat kajian bagi memastikan bahan tersebut terus dipelihara dan tidak terabai.

Dapatan temu bual turut menunjukkan bahawa kaedah pembelian merupakan antara saluran pemerolehan yang paling kerap digunakan oleh pihak muzium, khususnya bagi manuskrip yang masih berada dalam keadaan baik dan lengkap. Pembelian dilakukan secara terancang bagi mendapatkan manuskrip yang mempunyai nilai sejarah dan keilmuan yang tinggi. Sebaliknya, manuskrip yang diterima melalui sumbangan lazimnya berada dalam keadaan rosak atau tidak lengkap. Walaupun begitu, manuskrip tersebut masih dianggap penting kerana berpotensi untuk dipelihara, didokumentasikan atau dijadikan bahan rujukan kajian pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, sumber pemerolehan manuskrip di Muzium Negeri Pahang merangkumi pembelian, sumbangan, pengambilalihan daripada perpustakaan yang dilupuskan serta kerjasama dengan pengumpul persendirian. Kepelbagaian saluran ini membolehkan pihak muzium memperoleh manuskrip daripada latar belakang yang berbeza, sekali gus memperkukuhkan peranan institusi ini sebagai pusat pemeliharaan dan

pengembangan khazanah manuskrip warisan Melayu (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

iv) Cabaran dalam Pemerolehan Manuskrip

Berdasarkan temu bual bersama kurator Perbadanan Muzium Negeri Pahang, cabaran utama dalam usaha pemerolehan manuskrip bernilai tinggi dan jarang ditemui berpunca daripada faktor pemilik manuskrip itu sendiri, khususnya individu atau ahli keluarga yang mewarisi manuskrip berkenaan. Menurut informan, terdapat pemilik manuskrip yang enggan memberikan kerjasama kepada pihak muzium kerana mempunyai ikatan emosi yang kuat terhadap manuskrip tersebut dan tidak sanggup melepaskannya untuk diserahkan kepada institusi muzium. Sikap ini lazimnya didorong oleh perasaan sayang dan keinginan untuk menyimpan manuskrip sebagai warisan keluarga (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Walau bagaimanapun, informan menjelaskan bahawa keadaan ini sebenarnya boleh mendatangkan risiko kerosakan manuskrip dalam jangka panjang. Manuskrip yang disimpan di kediaman persendirian tanpa kawalan persekitaran yang sesuai berpotensi mengalami kerosakan fizikal dan biologi, seperti kerapuhan kertas, serangan serangga atau pertumbuhan kulat. Berbeza dengan penyimpanan di muzium, manuskrip yang diserahkan kepada institusi ini akan dijaga mengikut kaedah pemeliharaan yang lebih sistematik dan profesional. Justeru, antara cabaran utama pihak muzium ialah memberikan kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat bahawa muzium berperanan sebagai pusat penjagaan yang mampu memastikan kelangsungan hayat manuskrip untuk tempoh yang lebih panjang.

Dalam menangani isu ini, pihak muzium turut menawarkan pendekatan yang lebih fleksibel kepada pemilik manuskrip, seperti menyediakan pusat penjagaan khas di muzium tanpa memberikan akses terbuka kepada orang ramai sekiranya pemilik tidak membenarkan akses penuh. Pendekatan ini bertujuan meyakinkan pemilik bahawa manuskrip mereka tetap dilindungi, dihormati dan dijaga dengan rapi tanpa menjejaskan hak pemilikan asal. Namun begitu, proses membina kepercayaan dan kesedaran dalam kalangan masyarakat masih menjadi satu cabaran berterusan dalam usaha pemerolehan manuskrip warisan.

Selain faktor pemilik, kekangan kewangan turut dikenal pasti sebagai cabaran dalam pemerolehan manuskrip bernilai tinggi. Manuskrip yang jarang ditemui lazimnya mempunyai nilai pasaran yang tinggi, dan pemilik sering menetapkan harga yang mahal. Walaupun terdapat tanggapan umum bahawa muzium berhadapan dengan kekurangan dana, informan menjelaskan bahawa di negeri Pahang, pihak muzium menerima peruntukan khas daripada kerajaan negeri bagi tujuan pembelian dan pemerolehan manuskrip. Peruntukan ini membolehkan pihak muzium memperoleh manuskrip penting secara berperingkat, walaupun proses tersebut masih perlu melalui pertimbangan bajet dan keutamaan tertentu (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

v) Matlamat Strategik Pemerolehan Manuskrip

Berdasarkan dapatan temu bual bersama kurator Perbadanan Muzium Negeri Pahang, matlamat strategik utama dalam pemerolehan manuskrip baharu adalah untuk menyelamatkan manuskrip yang berisiko mengalami kerosakan serta memanjangkan jangka hayat manuskrip tersebut. Manuskrip dikenal pasti sebagai bahan warisan yang sangat rapuh dan mudah terjejas oleh faktor persekitaran seperti suhu, kelembapan dan pengendalian yang tidak sesuai. Oleh itu, pemerolehan manuskrip oleh pihak muzium dilihat sebagai satu langkah penting bagi memastikan manuskrip dapat disimpan dalam persekitaran yang lebih terkawal dan selamat (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain aspek penyelamatan fizikal, pihak muzium turut menekankan kepentingan pemeliharaan jangka panjang melalui penyimpanan manuskrip di ruang khas dalam muzium yang dilengkapi dengan sistem penjagaan yang bersesuaian. Langkah ini bukan sahaja bertujuan melindungi manuskrip daripada kerosakan lanjut, malah membolehkan pihak muzium menjalankan pemantauan secara berterusan terhadap keadaan manuskrip. Pendekatan ini mencerminkan usaha strategik pihak muzium untuk memastikan manuskrip kekal dalam keadaan stabil dan boleh diwarisi oleh generasi akan datang.

Di samping itu, pemerolehan manuskrip baharu juga bertujuan untuk mengembangkan penyelidikan dan pemahaman terhadap kandungan manuskrip secara lebih mendalam. Setelah manuskrip diselamatkan dan dipelihara, pihak muzium akan

menjalankan kajian lanjut terhadap isi kandungannya bagi menyingkap nilai sejarah, budaya dan keilmuan yang terkandung di dalam manuskrip tersebut. Proses ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan pakar-pakar dalam pelbagai bidang berkaitan, termasuk penyelidik akademik dan institusi pengajian tinggi. Kerjasama ini membolehkan manuskrip bukan sahaja dipelihara dari segi fizikal, tetapi turut dimanfaatkan sebagai sumber ilmu dan rujukan akademik yang bernilai.

Secara keseluruhannya, matlamat strategik pemerolehan manuskrip di Muzium Negeri Pahang bukan sekadar untuk menambah bilangan koleksi, tetapi lebih kepada usaha menyelamatkan, memelihara dan menghidupkan kembali khazanah ilmu yang terkandung dalam manuskrip warisan. Pendekatan ini memperlihatkan peranan muzium sebagai institusi pemeliharaan warisan yang bukan sahaja menjaga bahan fizikal, tetapi turut memastikan kandungan manuskrip terus dikaji dan dimanfaatkan secara berterusan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

4.2.2.2 Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang



Gambar 4.3 Penggunaan *Acid Free Paper* pada Manuskrip

Berdasarkan dapatan temu bual, pemeliharaan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang merupakan aspek yang sangat dititikberatkan kerana manuskrip diklasifikasikan sebagai artifak warisan yang mudah terjejas oleh faktor fizikal, biologi dan persekitaran. Pihak muzium menyedari bahawa manuskrip lama lazimnya dihasilkan menggunakan bahan organik seperti kertas, dakwat dan kulit yang mempunyai tahap ketahanan yang rendah terhadap perubahan suhu, kelembapan dan serangan mikroorganisma. Oleh itu, strategi pemeliharaan manuskrip dilaksanakan secara berhati-hati dan berperingkat bagi memastikan kestabilan fizikal manuskrip dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pemeliharaan manuskrip di Muzium Negeri Pahang tidak dilaksanakan secara terasing, sebaliknya dilihat sebagai satu proses berterusan yang saling berkait dengan pemerolehan dan penyelidikan. Setiap manuskrip yang diterima akan melalui penilaian awal sebelum sebarang tindakan pemeliharaan diputuskan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan manuskrip bukan hanya bersifat teknikal, tetapi turut melibatkan pertimbangan pengurusan dan keupayaan institusi.

i) Penilaian Fizikal dan Komposisi Material Manuskrip

Bagi menjawab persoalan bagaimanakah pihak muzium menilai keadaan fizikal manuskrip sebaik sahaja manuskrip diterima sebagai koleksi, dapatan temu bual menunjukkan proses pemeliharaan manuskrip bermula dengan penjagaan berskala yang dijalankan di peringkat muzium. Pemeriksaan awal terhadap manuskrip lama yang diterima memberi tumpuan kepada keadaan fizikal bahan tersebut, khususnya bagi menentukan tahap kerosakan dan keperluan rawatan lanjut. Walau bagaimanapun, pihak muzium tidak melaksanakan kerja konservasi pemulihan yang kompleks secara dalaman sekiranya manuskrip telah mengalami kerosakan yang serius. Dalam keadaan sedemikian, manuskrip akan dirujuk kepada pegawai atau institusi luar yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang konservasi, seperti Perpustakaan Negeri, Arkib, serta pakar konservasi dari luar negara termasuk dari Turki (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa aspek kertas merupakan komponen utama yang diperiksa terlebih dahulu dalam proses penilaian fizikal manuskrip. Kertas dikenal pasti sebagai bahan yang paling terdedah kepada kerosakan, terutamanya akibat interaksi dengan dakwat yang digunakan dalam penulisan manuskrip. Menurut informan, sebahagian manuskrip lama menggunakan dakwat yang dihasilkan daripada bahan seperti jelaga, yang bersifat tidak stabil dan boleh menyebabkan tindak balas kimia terhadap kertas. Keadaan ini menyebabkan dakwat seolah-olah “memakan” kertas dan mengakibatkan kesan terbakar, kerapuhan serta kerosakan struktur manuskrip dari semasa ke semasa.

Selain menilai jenis dan keadaan kertas, pemeriksaan awal juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap kebolehselamatan manuskrip tersebut. Sekiranya manuskrip masih berada dalam keadaan yang boleh dikawal dan distabilkan, langkah penjagaan berskala akan diteruskan di peringkat muzium. Namun, bagi manuskrip yang berada pada tahap kerosakan yang kritikal dan tidak dapat diselamatkan melalui penjagaan asas, pihak muzium akan mengambil langkah mendapatkan khidmat konservator luar yang mempunyai kemudahan makmal, peralatan dan kepakaran khusus. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan manuskrip di Muzium Negeri Pahang dilaksanakan secara berhati-hati dan berasaskan penilaian profesional, dengan keutamaan diberikan kepada keselamatan fizikal dan kelangsungan jangka panjang manuskrip warisan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

ii) Rawatan Konservasi Manuskrip yang Mengalami Kerosakan

Berdasarkan dapatan temu bual bersama kurator Perbadanan Muzium Negeri Pahang, rawatan konservasi terhadap manuskrip yang mengalami kerosakan fizikal atau biologi dilaksanakan melalui pendekatan teknikal dan pencegahan. Rawatan awal lazimnya melibatkan proses pembersihan asas menggunakan cecair tertentu yang sesuai bagi menanggalkan kotoran permukaan tanpa menjejaskan struktur asal manuskrip. Proses ini dijalankan secara berhati-hati bagi mengelakkan kerosakan lanjut, terutamanya terhadap kertas manuskrip yang bersifat rapuh dan sensitif (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain pembersihan, pihak muzium turut menggunakan bahan kimia dan ubat-ubatan khusus bagi menangani kerosakan biologi seperti serangan serangga dan gegat. Penggunaan ubat gegat ini bertujuan untuk mengawal dan mencegah pembiakan organisma perosak yang boleh menjejaskan keadaan fizikal manuskrip dalam jangka masa panjang. Rawatan kimia ini dilaksanakan secara terkawal dan mengikut prosedur tertentu bagi memastikan keselamatan manuskrip serta persekitaran simpanannya.

Di samping rawatan langsung terhadap manuskrip, pihak muzium juga menekankan kepentingan kawalan persekitaran sebagai sebahagian daripada strategi konservasi. Manuskrip akan disimpan dalam keadaan suhu yang sesuai dan stabil, serta dilindungi daripada pendedahan berlebihan kepada cahaya, terutamanya cahaya langsung yang boleh mempercepatkan proses degradasi kertas dan dakwat. Pendekatan ini menunjukkan bahawa

rawatan konservasi di Muzium Negeri Pahang bukan sahaja tertumpu kepada pembaikan kerosakan sedia ada, tetapi turut merangkumi langkah pencegahan bagi memastikan manuskrip kekal terpelihara dalam jangka masa panjang (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

iii) Pendigitalan Manuskrip sebagai Langkah Pemeliharaan

Berdasarkan temu bual bersama kurator Perbadanan Muzium Negeri Pahang, pihak muzium telah melaksanakan proses pendigitalan manuskrip secara berperingkat melalui Al-Asar, Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Sultan Abdullah. Pendigitalan ini melibatkan manuskrip-manuskrip yang berada dalam koleksi muzium dan telah dimulakan sebagai sebahagian daripada usaha pemeliharaan jangka panjang terhadap bahan warisan yang bersifat rapuh (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Informan menjelaskan bahawa sebahagian besar manuskrip sedia ada telah berjaya didigitalkan, manakala selebihnya masih dalam proses pendigitalan. Pelaksanaan pendigitalan secara berperingkat ini menunjukkan pendekatan yang terancang dan realistik, selaras dengan keupayaan sumber serta keperluan pemeliharaan fizikal manuskrip. Proses ini membolehkan kandungan manuskrip direkodkan dalam bentuk digital tanpa perlu kerap mengendalikan bahan asal, sekali gus mengurangkan risiko kerosakan fizikal akibat sentuhan atau pendedahan berulang.

Selain berfungsi sebagai langkah perlindungan, pendigitalan manuskrip juga berperanan sebagai kaedah sokongan kepada aktiviti penyelidikan dan dokumentasi. Melalui format digital, manuskrip dapat diakses untuk tujuan kajian tanpa menjejaskan keadaan fizikal bahan asal. Walaupun tidak semua manuskrip telah didigitalkan sepenuhnya, usaha berterusan pihak muzium ke arah pendigitalan menyeluruh mencerminkan komitmen institusi ini dalam memelihara dan memodenkan pengurusan koleksi manuskrip warisan agar kekal relevan dan lestari untuk generasi akan datang (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

iv) Kawalan Persekitaran dan Pengurusan Risiko Penyimpanan

Berdasarkan dapatan temu bual bersama kurator Perbadanan Muzium Negeri Pahang, pengurusan penstoran jangka panjang manuskrip dilaksanakan dengan menitikberatkan kawalan persekitaran yang sesuai dan stabil. Manuskrip disimpan di dalam bilik stor khas yang direka untuk memenuhi keperluan pemeliharaan bahan warisan, khususnya dari segi suhu dan keadaan persekitaran yang terkawal. Penetapan suhu yang sesuai bertujuan mengelakkan degradasi kertas dan dakwat akibat perubahan suhu yang mendadak atau keadaan persekitaran yang tidak stabil (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain kawalan suhu, aspek pengudaraan dan perletakan manuskrip turut diberi perhatian dalam sistem penstoran. Manuskrip disusun dan ditempatkan dalam keadaan yang betul bagi memastikan aliran udara yang baik serta mengurangkan risiko kelembapan berlebihan yang boleh menyebabkan pertumbuhan kulat atau serangan mikroorganisma.

Susun atur dan persekitaran stor ini dirancang bagi menyokong penjagaan jangka panjang manuskrip agar kekal dalam keadaan stabil dan selamat.

Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa pihak muzium telah menyediakan sistem sokongan dan pelan tindakan kecemasan sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan risiko. Sistem sokongan ini merangkumi penyediaan tempat khas serta pelan pemindahan manuskrip sekiranya berlaku bencana seperti kebakaran, banjir atau gangguan persekitaran yang lain. Langkah ini bertujuan memastikan manuskrip dapat dilindungi dan diselamatkan dengan segera sekiranya berlaku situasi luar jangka. Walaupun setakat ini tiada insiden besar yang berlaku, kewujudan pelan tindakan ini mencerminkan tahap kesiapsiagaan pihak muzium dalam mengurus risiko terhadap koleksi manuskrip warisan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

v) Pemantauan Berkala Keadaan Manuskrip

Berdasarkan temu bual bersama kurator Perbadanan Muzium Negeri Pahang, pemantauan berkala terhadap manuskrip dilaksanakan secara sistematik melalui bahagian khusus iaitu Bahagian Koleksi dan Konservasi. Bahagian ini bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan keadaan manuskrip sentiasa berada pada tahap yang stabil dan selamat. Penubuhan bahagian khusus ini menunjukkan komitmen pihak muzium dalam mengurus pemeliharaan manuskrip secara berterusan dan terancang, khususnya bagi manuskrip yang bersifat rapuh dan bernilai tinggi (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Menurut informan, pihak muzium telah menyediakan pelan tindakan pemeliharaan yang menjadi panduan utama dalam proses pemantauan manuskrip. Pelan tindakan ini merangkumi langkah-langkah pemeriksaan, pemantauan serta tindakan susulan yang perlu diambil sekiranya terdapat tanda-tanda kemerosotan keadaan manuskrip. Pemantauan ini tidak bersifat pasif, sebaliknya melibatkan tindakan proaktif bagi mengelakkan kerosakan daripada terus berlaku atau menjadi lebih serius.

Dari segi kekerapan, pemantauan keadaan manuskrip dilaksanakan secara berjadual iaitu setiap dua bulan sekali. Dalam tempoh ini, manuskrip akan dibuka dan diperiksa bagi menilai keadaan fizikalnya, termasuk tanda-tanda kerapuhan, perubahan warna, serangan biologi atau kesan persekitaran lain. Pihak muzium menegaskan bahawa manuskrip tidak dibiarkan tersimpan terlalu lama tanpa pemeriksaan, terutamanya manuskrip yang dikenal pasti sebagai sangat rapuh. Pemantauan yang lebih teliti akan diberikan kepada manuskrip kategori ini bagi memastikan sebarang perubahan dapat dikesan lebih awal.

Secara keseluruhannya, bentuk pemantauan berkala yang diamalkan oleh Muzium Negeri Pahang melibatkan pemeriksaan fizikal berjadual, pelaksanaan pelan tindakan pemeliharaan serta penglibatan bahagian khusus yang berfokus kepada koleksi dan konservasi. Pendekatan ini membolehkan kestabilan keadaan manuskrip dipantau secara berterusan dan membantu pihak muzium mengambil langkah pencegahan yang sesuai demi memastikan kelangsungan jangka panjang manuskrip warisan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

4.2.2.3 Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Berdasarkan dapatan temu bual, aktiviti penyelidikan merupakan komponen penting dalam strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Penyelidikan bukan sahaja bertujuan untuk memahami kandungan manuskrip, tetapi turut berfungsi sebagai asas kepada proses dokumentasi, pemeliharaan dan pameran. Pihak muzium melihat penyelidikan sebagai satu mekanisme utama untuk menilai nilai signifikan manuskrip serta memastikan maklumat yang disampaikan kepada masyarakat adalah tepat dan berautoriti (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyelidikan manuskrip di Muzium Negeri Pahang dilaksanakan secara berfokus dan melibatkan tenaga penyelidik yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang manuskrip Melayu, sejarah dan tamadun. Pendekatan ini membolehkan manuskrip bukan sahaja difahami dari sudut kandungan teks, tetapi juga dari aspek konteks sejarah, budaya dan intelektual.

i) Pendokumentasian Kandungan dan Konteks Sejarah Manuskrip

Bagi menjawab persoalan bagaimanakah pihak muzium mengumpul dan mendokumentasikan maklumat kandungan serta konteks sejarah manuskrip selepas didaftarkan sebagai koleksi, dapatan temu bual menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium Negeri Pahang tidak menjalankan dokumentasi kandungan manuskrip secara dalaman. Sebaliknya, pihak muzium membuka akses kepada pengkaji luar yang mempunyai

kepakaran dalam bidang berkaitan untuk menjalankan kajian terhadap manuskrip tersebut (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Menurut informan, manuskrip akan dibuka kepada penyelidik daripada institusi pengajian tinggi yang berkaitan dengan bidang kandungan manuskrip. Sebagai contoh, manuskrip yang berkaitan dengan bidang perubatan akan dikaji oleh penyelidik atau pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan dari Universiti Islam Antrabangsa (UIA). Pengkaji tersebut akan mengemukakan proposal penyelidikan kepada pihak muzium sebelum kajian dijalankan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan temu bual turut menunjukkan bahawa penyelidikan ini lazimnya dijalankan melalui sokongan geran penyelidikan, dan hasil kajian yang diperoleh akan diserahkan semula kepada pihak muzium. Melalui pendekatan ini, dokumentasi kandungan dan konteks sejarah manuskrip dilaksanakan secara tidak langsung melalui kerjasama dengan pihak akademik, selaras dengan keupayaan dan kepakaran yang diperlukan untuk mengkaji manuskrip secara mendalam (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

ii) Kriteria Pemilihan Manuskrip untuk Penyelidikan Mendalam

Berdasarkan dapatan temu bual, apakah kriteria utama yang menentukan pemilihan manuskrip untuk kajian mendalam di Perbadanan Muzium Negeri Pahang ialah keunikan

manuskrip tersebut serta kaitannya secara langsung dengan sejarah negeri Pahang. Menurut informan, manuskrip yang dianggap unik dan hanya wujud dalam konteks negeri Pahang akan diberikan keutamaan untuk dikaji secara lebih mendalam (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Informan menjelaskan bahawa manuskrip Hukum Kanun Pahang merupakan contoh manuskrip yang memenuhi kriteria tersebut. Manuskrip ini dianggap unik kerana kandungannya khusus berkaitan dengan negeri Pahang dan tidak terdapat di tempat lain. Keunikan ini menjadikan manuskrip tersebut penting untuk dikaji kerana ia mampu memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang sejarah dan sistem perundangan negeri Pahang pada masa lalu (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain itu, dapatan temu bual menunjukkan bahawa manuskrip yang dipilih untuk kajian mendalam juga dinilai berdasarkan potensinya untuk menyumbang kepada pengetahuan sejarah negeri. Menurut informan, melalui kajian terhadap manuskrip seperti Hukum Kanun Pahang, penyelidik dapat meneliti bagaimana undang-undang digunakan dan diamalkan dalam konteks sejarah Pahang. Hal ini menunjukkan bahawa nilai kandungan manuskrip dari sudut sejarah dan kepentingannya terhadap identiti negeri merupakan pertimbangan utama dalam pemilihan manuskrip untuk penyelidikan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

iii) Kolaborasi Akademik dalam Penyelidikan Manuskrip

Berdasarkan dapatan temu bual bagi menjawab soalan adakah pihak muzium menjalin kolaborasi dengan universiti atau penyelidik luar adalah Perbadanan Muzium Negeri Pahang mengamalkan pendekatan terbuka dalam menjalin kolaborasi akademik bagi tujuan penyelidikan manuskrip. Menurut informan, pihak muzium membuka peluang kerjasama kepada pelbagai pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing, khususnya dalam kalangan institusi pengajian tinggi dan penyelidik luar (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa setakat ini pihak muzium telah menjalinkan kolaborasi dengan kira-kira 10 hingga 15 buah universiti. Antara institusi yang terlibat termasuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kerjasama ini dilaksanakan berdasarkan kesesuaian kepakaran akademik dengan kandungan manuskrip yang dikaji, dan pendekatan ini membolehkan manuskrip dianalisis oleh pakar dalam bidang yang berkaitan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain kolaborasi di peringkat tempatan, dapatan temu bual turut menunjukkan penglibatan penyelidik antarabangsa dalam kajian manuskrip. Informan menyatakan bahawa pihak muzium bekerjasama dengan penyelidik dari luar negara seperti London, Oasis dan Singapura. Penglibatan penyelidik antarabangsa ini mencerminkan keterbukaan pihak muzium dalam memanfaatkan kepakaran luar bagi menyokong penyelidikan

manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

iv) Penyebaran Hasil Penyelidikan kepada Umum

Berdasarkan dapatan temu bual, penyebaran hasil penyelidikan manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang dilaksanakan secara berperingkat dan bergantung kepada perancangan pihak muzium. Menurut informan, setelah sesuatu penyelidikan selesai dijalankan, langkah awal yang diambil ialah mendokumentasikan hasil kajian tersebut sebelum ia dibawa ke peringkat penyebaran yang lebih luas (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa penerbitan hasil penyelidikan tidak dilakukan secara serta-merta atau serentak. Informan menjelaskan bahawa pihak muzium akan menilai kesesuaian penerbitan berdasarkan faktor bajet, masa dan keperluan semasa. Sekiranya peruntukan kewangan mencukupi, pihak muzium akan menerbitkan hasil kajian tersebut secara berperingkat, dengan memastikan setiap penyelidikan diterbitkan pada masa yang sesuai (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain itu, informan turut menyatakan bahawa tidak semua hasil penyelidikan terus diterbitkan dalam bentuk buku. Sebaliknya, pihak muzium akan mempertimbangkan bentuk penyebaran yang bersesuaian mengikut keadaan, termasuk pendokumentasian awal

sebelum diteruskan kepada penerbitan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa penyebaran ilmu di Perbadanan Muzium Negeri Pahang dilaksanakan secara terancang dengan mengambil kira kekangan dan keutamaan institusi (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

v) Akses Penyelidikan dan Pendekatan Digital

Berdasarkan dapatan temu bual, Perbadanan Muzium Negeri Pahang menyediakan akses awal kepada koleksi manuskrip melalui penggunaan sistem digital. Menurut informan, pihak muzium menggunakan sistem Koha serta sistem Muzium Pahang bagi membolehkan pengguna mengetahui kewujudan manuskrip yang terdapat dalam koleksi muzium. Melalui sistem ini, penyelidik dan orang awam dapat menyemak sama ada sesuatu manuskrip tersedia atau tidak tanpa perlu hadir secara fizikal ke muzium (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Walau bagaimanapun, dapatan temu bual menunjukkan bahawa akses digital tersebut terhad kepada maklumat kewujudan koleksi sahaja. Bagi tujuan pinjaman atau akses fizikal terhadap manuskrip, penyelidik perlu hadir sendiri ke muzium. Informan menjelaskan bahawa proses pinjaman masih dilaksanakan secara fizikal dan tidak dilakukan sepenuhnya melalui sistem digital, khususnya bagi manuskrip yang terdapat dalam koleksi muzium (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa prosedur pinjaman manuskrip adalah bergantung kepada proposal penyelidikan serta jenis manuskrip yang ingin diakses. Menurut informan, bayaran bagi tujuan pinjaman juga ditentukan berdasarkan pertimbangan tersebut. Pendekatan ini menunjukkan bahawa walaupun akses maklumat awal disediakan secara digital, pengendalian dan penggunaan manuskrip masih dikawal secara fizikal bagi memastikan keselamatan dan pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

4.2.2.4 Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang



Gambar 4.4 Manuskrip Dipamerkan dalam Showcase Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Berdasarkan dapatan temu bual, pameran merupakan salah satu komponen dalam strategi pengurusan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Pameran berperanan sebagai medium untuk memperkenalkan koleksi manuskrip kepada masyarakat umum serta menyampaikan maklumat berkaitan kandungan dan kepentingan manuskrip

tersebut. Pendekatan pameran yang dilaksanakan oleh pihak muzium mengambil kira keperluan pemeliharaan manuskrip di samping keperluan penyampaian maklumat kepada pengunjung.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan manuskrip dalam pameran tidak dilaksanakan secara sewenang-wenangnya, sebaliknya dirancang mengikut pertimbangan tertentu oleh pihak muzium. Hal ini kerana manuskrip merupakan koleksi yang sensitif dan memerlukan kawalan rapi dari segi pengendalian dan pendedahan kepada persekitaran. Oleh itu, strategi pameran manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang dilaksanakan dengan mengambil kira aspek keselamatan, kesesuaian pameran dan tahap akses pengunjung.

i) Proses Kuratorial dalam Pemilihan Manuskrip untuk Pameran

Berdasarkan dapatan temu bual, proses pemilihan manuskrip untuk tujuan pameran di Perbadanan Muzium Negeri Pahang dilaksanakan melalui pertimbangan kuratorial yang berasaskan konsep dan *storyline* pameran. Menurut informan, pemilihan manuskrip tidak dibuat secara rawak, sebaliknya bergantung kepada jalan cerita atau tema yang ingin disampaikan dalam sesuatu pameran. Pendekatan ini memastikan manuskrip yang dipamerkan selari dengan mesej dan fokus pameran yang dirancang (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Informan menjelaskan bahawa pemilihan manuskrip turut mengambil kira konteks dan jenis pameran di lokasi tertentu. Sebagai contoh, bagi pameran di Kutubkhanah, manuskrip yang dipilih adalah berkaitan dengan koleksi buku dan bahan yang mempunyai hubungan dengan institusi diraja serta aspek pentadbiran. Oleh itu, manuskrip yang berkaitan dengan pentadbiran British atau hal ehwal pentadbiran akan diberi keutamaan untuk dipamerkan kerana bersesuaian dengan tema pameran di lokasi tersebut (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain itu, dapatan temu bual menunjukkan bahawa pemilihan manuskrip juga disesuaikan dengan tema pameran di muzium yang berbeza. Informan menyatakan bahawa di Muzium Sultan Abdullah, pemilihan manuskrip dibuat berdasarkan tema pameran yang ditetapkan, contohnya pameran yang berkaitan dengan Islam akan mempamerkan manuskrip yang mempunyai kandungan berkaitan dengan Islam. Pendekatan ini menunjukkan bahawa proses kuratorial pameran manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Pahang dilaksanakan secara tematik dan kontekstual bagi memastikan kesesuaian manuskrip dengan pameran yang dianjurkan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

ii) Langkah Konservasi Pencegahan Semasa Pameran

Berdasarkan dapatan temu bual, Perbadanan Muzium Negeri Pahang mengambil langkah *preventive conservation* dengan menggunakan peralatan pameran yang khusus bagi tujuan pemeliharaan manuskrip. Menurut informan, pihak muzium menggunakan

showcase jenis *frameless* yang sesuai untuk mempamerkan manuskrip dan koleksi berkaitan. *Showcase* ini direka khas untuk tujuan konservasi dan mempunyai keupayaan untuk mengawal keadaan persekitaran, khususnya dari segi suhu, bagi memastikan manuskrip berada dalam keadaan yang selamat semasa pameran berlangsung (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain penggunaan *showcase* khas, dapatan temu bual turut menunjukkan bahawa pihak muzium menggunakan teknologi tertentu bagi membantu mengawal suhu dan keadaan persekitaran dalam ruang pameran. Informan menyatakan bahawa teknologi dan bahan penjagaan yang digunakan berfungsi untuk mengekalkan persekitaran yang sesuai bagi manuskrip agar tidak terdedah kepada faktor yang boleh menyebabkan kerosakan. Langkah ini menunjukkan bahawa aspek kawalan suhu dan kelembapan diberi perhatian dalam pelaksanaan pameran manuskrip di Muzium Negeri Pahang (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dari segi pencahayaan pula, dapatan temu bual menunjukkan bahawa Muzium Negeri Pahang tidak meletakkan sumber cahaya secara langsung di dalam *showcase* yang mempamerkan manuskrip. Menurut informan, lampu atau pencahayaan diletakkan di luar dan pada jarak yang jauh daripada manuskrip bagi mengelakkan pendedahan secara langsung kepada cahaya. Pendekatan ini dianggap lebih selamat kerana dapat mengurangkan risiko kerosakan seperti pemudaran atau pembakaran manuskrip akibat

pendedahan cahaya yang berlebihan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

iii) Interpretasi Kandungan Manuskrip kepada Pengunjung

Berdasarkan dapatan temu bual tentang menyampaikan interpretasi kandungan manuskrip, Perbadanan Muzium Negeri Pahang menyampaikan interpretasi kandungan manuskrip kepada pengunjung melalui penyediaan ringkasan maklumat serta penggunaan label atau kapsyen pameran. Menurut informan, pihak muzium akan menyediakan ringkasan berkaitan kandungan manuskrip bagi memberi gambaran umum kepada pengunjung tentang isi kandungan manuskrip yang dipamerkan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa ringkasan dan kapsyen yang disediakan adalah bersifat padat dan tidak terlalu terperinci. Informan menjelaskan bahawa tujuan ringkasan tersebut adalah untuk membolehkan pengunjung memahami secara keseluruhan kandungan manuskrip tanpa perlu menghuraikan maklumat secara mendalam. Sebagai contoh, manuskrip 'Tok Shabudin' yang mengandungi penulisan berkaitan kitab maulid atau kelahiran Nabi SAW dipamerkan bersama ringkasan yang menjelaskan tema utama manuskrip tersebut sahaja (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa interpretasi kandungan manuskrip di muzium ini mempunyai had tertentu. Menurut informan, maklumat yang dipaparkan kepada pengunjung adalah dalam bentuk ringkas, dan pengunjung yang ingin mendapatkan maklumat lebih terperinci perlu menjalankan penyelidikan lanjut dengan hadir ke muzium. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pameran manuskrip berfungsi sebagai pengenalan awal kepada kandungan manuskrip, manakala kajian mendalam disediakan melalui saluran penyelidikan (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

iv) Penggunaan Teknologi dalam Pameran Manuskrip

Berdasarkan dapatan temu bual, Perbadanan Muzium Negeri Pahang menggunakan pelbagai bentuk teknologi pameran bagi menyokong penyampaian maklumat berkaitan koleksi manuskrip kepada pengunjung. Menurut informan, antara teknologi yang digunakan termasuk *augmented reality* (AR), *virtual reality* (VR), *multi-touch table* berbentuk skrin sentuh serta penggunaan peranti seperti *iPad* untuk tujuan akses maklumat oleh orang ramai (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa penggunaan teknologi ini membolehkan pengunjung melihat dan mendengar kandungan manuskrip secara lebih interaktif. Informan menjelaskan bahawa melalui kemudahan teknologi tersebut, pengunjung dapat mengakses maklumat manuskrip satu persatu, termasuk mendengar bacaan atau lirik berkaitan manuskrip yang dipamerkan. Pendekatan ini dilihat dapat membantu pengunjung

memahami kandungan manuskrip dengan lebih mudah tanpa perlu mengendalikan manuskrip asal secara langsung (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa teknologi pameran yang digunakan mengambil kira aspek kebolehcapaian bahasa. Menurut informan, maklumat yang disediakan melalui teknologi pameran ditawarkan dalam beberapa bahasa, termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan tulisan Jawi. Pihak muzium juga menyediakan kod QR untuk membolehkan pengunjung mengimbas dan mendapatkan maklumat tambahan berkaitan manuskrip. Pendekatan ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi pameran di Muzium Negeri Pahang bukan sahaja bersifat interaktif, malah bertujuan meluaskan akses maklumat kepada pelbagai lapisan pengunjung (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

v) Strategi Promosi dan Jangkauan Pameran Manuskrip

Berdasarkan dapatan temu bual, Perbadanan Muzium Negeri Pahang melaksanakan strategi promosi pameran manuskrip melalui kerjasama dengan pelbagai pihak berkaitan. Menurut informan, promosi tidak hanya bergantung kepada aktiviti penyelidikan semata-mata, sebaliknya turut melibatkan sokongan daripada Jabatan Penyelidikan dan unit berkaitan dalam usaha mempromosikan pameran kepada masyarakat umum (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Dapatan temu bual turut menunjukkan bahawa pihak muzium menjalin kerjasama dengan agensi media bagi tujuan promosi. Informan menyatakan bahawa Muzium Negeri Pahang bekerjasama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta media cetak seperti *The Star* untuk mempromosikan muzium dan koleksi yang dipamerkan. Selain itu, informan menjelaskan bahawa sebahagian koleksi yang terdapat di muzium turut dipromosikan melalui institusi istana, memandangkan hubungan antara muzium dan istana adalah saling berkaitan. Penglibatan Sultan yang berkenan mencemar duli ke muzium dan memberikan komen positif turut menyumbang kepada imej dan kredibiliti muzium di mata masyarakat (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

Selain promosi melalui media dan institusi berkaitan, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi masyarakat terhadap muzium juga memainkan peranan dalam menarik kehadiran pengunjung. Menurut informan, orang ramai melihat muzium sebagai tempat yang penting untuk dilawati, bukan sahaja sebagai pusat pendidikan tetapi juga sebagai ruang untuk beriadah dan mengurangkan tekanan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa strategi promosi Muzium Negeri Pahang bukan hanya tertumpu kepada penyebaran maklumat pameran, malah turut membina imej muzium sebagai institusi pendidikan dan ruang rekreasi minda kepada masyarakat umum (Ahnaf Wafi, 2026, Transkrip Temu Bual, Pejabat Muzium Negeri Pahang).

4.3 Mengenalpasti Persamaan dan Perbezaan antara Strategi Pengurusan Artifak Manuskrip di Malaysia.

Bahagian ini membincangkan perbandingan strategi pengurusan koleksi manuskrip yang diamalkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang berdasarkan dapatan temu bual bersama kurator di kedua-dua institusi. Perbandingan ini dilaksanakan selaras dengan Objektif Kajian 2, iaitu untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan pendekatan pengurusan manuskrip yang merangkumi aspek pemerolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran.

Analisis persamaan dan perbandingan ini memberi tumpuan kepada amalan sebenar yang dilaksanakan oleh kedua-dua muzium dalam mengurus koleksi manuskrip warisan, bermula daripada proses pemilihan dan pemerolehan manuskrip, kaedah pemeliharaan dan konservasi, pengurusan penyelidikan serta pendokumentasian, sehinggalah kepada strategi pameran dan penyampaian ilmu kepada khalayak. Setiap aspek ini dianalisis bagi menilai tahap keseragaman amalan serta perbezaan yang dipengaruhi oleh faktor seperti dasar institusi, kemudahan fizikal, kepakaran, sumber kewangan dan keperluan organisasi.

Bagi memudahkan pemahaman dan memperlihatkan persamaan dan perbandingan secara sistematik, dapatan kajian ini dipersembahkan dalam bentuk jadual diikuti dengan huraian deskriptif. Penyusunan ini bertujuan untuk menonjolkan persamaan dan perbezaan antara kedua-dua muzium secara jelas dan berstruktur, sekali gus membolehkan penilaian

yang lebih menyeluruh terhadap keberkesanan strategi pengurusan manuskrip yang diamalkan oleh institusi permuziuman di Malaysia.

4.3.1 Persamaan dan Perbezaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Bahagian ini membincangkan perbandingan strategi pengurusan koleksi manuskrip yang diamalkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang berdasarkan dapatan temu bual bersama kurator di kedua-dua institusi. Perbandingan ini dilaksanakan selaras dengan Objektif Kajian 2, iaitu untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan pendekatan pengurusan manuskrip yang merangkumi aspek pemerolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran.

Analisis perbandingan ini memberi tumpuan kepada amalan sebenar yang dilaksanakan oleh kedua-dua muzium dalam mengurus koleksi manuskrip warisan, bermula daripada proses pemilihan dan pemerolehan manuskrip, kaedah pemeliharaan dan konservasi, pengurusan penyelidikan serta pendokumentasian, sehinggalah kepada strategi pameran dan penyampaian ilmu kepada khalayak. Setiap aspek ini dianalisis bagi menilai tahap keseragaman amalan serta perbezaan yang dipengaruhi oleh faktor seperti dasar institusi, kemudahan fizikal, kepakaran, sumber kewangan dan keperluan organisasi.

Bagi memudahkan pemahaman dan memperlihatkan perbandingan secara sistematik, dapatan kajian ini dipersembahkan dalam bentuk jadual diikuti dengan huraian deskriptif.

Penyusunan ini bertujuan untuk menonjolkan persamaan dan perbezaan antara kedua-dua muzium secara jelas dan berstruktur, sekali gus membolehkan penilaian yang lebih menyeluruh terhadap keberkesanan strategi pengurusan manuskrip yang diamalkan oleh institusi permuziuman di Malaysia.

4.3.1.1 Persamaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Aspek Pemerolehan	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Perbadanan Muzium Negeri Pahang
Kriteria Pemilihan Manuskrip	Pemilihan berdasarkan nilai kandungan, kepentingan sejarah negeri dan kebolehbacaanya.	Pemilihan berdasarkan kualiti manuskrip, nilai ilmu, keunikan isi kandungan dan latar penulis.
Pengesahan <i>Provenans</i>	Dilaksanakan melalui penyelidikan dan perbincangan dalaman sebelum manuskrip diterima.	Dilaksanakan melalui penilaian jawatankuasa khas dan mesyuarat institusi.
Sumber Pemerolehan	Diperoleh melalui sumbangan individu, istana dan Arkib Negeri.	Diperoleh melalui pengumpul persendirian, institusi, Arkib Negeri dan pembelian.
Cabaran Pemerolehan	Berhadapan kekangan kos dan akses kepada manuskrip bernilai tinggi.	Berhadapan kekangan kos dan kesukaran mendapatkan manuskrip jarang ditemui

Matlamat	Menyelamatkan manuskrip dan memastikan penjagaan jangka panjang.	Menyelamatkan manuskrip dan memangjangkan jangka hayat koleksi.
-----------------	--	---

Jadual 4.1 Persamaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Kedua-dua

Muzium

Berdasarkan dapatan kajian, kedua-dua muzium mengamalkan pendekatan yang hampir sama dalam menentukan kriteria pemilihan manuskrip untuk dijadikan koleksi tetap. Muzium Kelantan dan Muzium Pahang sama-sama menilai manuskrip berdasarkan nilai kandungan, kepentingan sejarah serta keupayaannya menyumbang kepada pemahaman warisan dan identiti negeri. Penekanan ini menunjukkan bahawa pemerolehan manuskrip bukan dilakukan semata-mata untuk menambah bilangan koleksi, tetapi bagi memastikan setiap manuskrip mempunyai nilai intelektual dan sejarah yang jelas.

Dari segi pengesahan *provenans*, kedua-dua muzium menekankan keperluan proses penyelidikan dan kelulusan institusi sebelum manuskrip diterima secara rasmi. Proses ini melibatkan perbincangan dalaman dan jawatankuasa yang bertanggungjawab menilai kesahihan pemilikan asal serta latar belakang manuskrip. Pendekatan ini bertujuan mengelakkan penerimaan manuskrip yang meragukan dari segi keaslian atau konteks sejarahnya.

Selain itu, kedua-dua muzium memperoleh manuskrip melalui pelbagai saluran seperti sumbangan individu, institusi berkaitan dan arkib, di samping pembelian dalam keadaan tertentu. Walaupun sumber pemerolehan berbeza secara teknikal, kedua-duanya berhadapan cabaran yang sama, khususnya dari segi kos dan kesukaran mendapatkan manuskrip bernilai tinggi atau jarang ditemui. Kekangan ini memberi kesan terhadap keupayaan muzium untuk memperluas koleksi manuskrip secara berterusan.

Dari sudut matlamat strategik, persamaan yang paling ketara ialah usaha menyelamatkan manuskrip warisan dan memanjangkan jangka hayat koleksi. Kedua-dua muzium melihat pemerolehan sebagai langkah awal dalam memastikan manuskrip dapat dipelihara dengan lebih sistematik, dikaji secara mendalam dan diwariskan kepada generasi akan datang. Pendekatan ini memperlihatkan keselarasan visi kedua-dua institusi dalam pengurusan koleksi manuskrip warisan.

4.3.1.2 Perbezaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Aspek Pemerolehan	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Perbadanan Muzium Negeri Pahang
Kriteria Pemilihan Manuskrip	Pemilihan berdasarkan nilai kandungan sejarah, kepentingan sejarah negeri dan kebolehbacaanya.	Pemilihan berdasarkan kualiti manuskrip, nilai ilmu, keunikan isi kandungan dan latar penulis.

Pengesahan Provenans	Dilaksanakan melalui penyelidikan dalaman dan perbincangan jawatankuasa muzium.	Dilaksanakan melalui penilaian jawatankuasa khas dan penilaian melalui mesyuarat institusi.
Sumber Pemerolehan	Diperoleh melalui sumbangan individu, istana dan Arkib Negeri.	Diperoleh melalui pengumpul persendirian, institusi, Arkib Negeri dan pembelian.
Cabaran Pemerolehan	Berhadapan kekangan kemudahan dan kepakaran pemuliharaan selepas manuskrip rosak.	Berhadapan kekangan kos tinggi manuskrip bernilai dan kesukaran mendapatkan manuskrip jarang ditemui
Matlamat Pemerolehan	Menyelamatkan manuskrip tempatan yang berisiko rosak atau hilang.	Memperkaya koleksi manuskrip sebagai sumber rujukan dan penyelidikan yang lebih luas.

Jadual 4.2 Perbezaan Strategi Pemerolehan Koleksi Manuskrip di Kedua-dua Muzium

Perbezaan strategi pemerolehan antara Muzium Kelantan dan Muzium Pahang dapat dilihat dengan jelas dari segi fokus dan keutamaan institusi. Muzium Kelantan lebih menumpukan kepada pemerolehan manuskrip yang berkaitan secara langsung dengan sejarah, budaya dan pentadbiran negeri Kelantan. Pendekatan ini menjadikan pemerolehan sebagai satu usaha penyelamatan manuskrip tempatan yang berisiko rosak atau hilang,

termasuk manuskrip yang diperoleh dalam keadaan tidak sempurna melalui sumbangan pihak tertentu.

Sebaliknya, Muzium Pahang mengamalkan strategi pemerolehan yang lebih luas dengan memberi penekanan kepada kualiti manuskrip, keunikan isi kandungan, nilai ilmu serta latar penulis tanpa terhad kepada konteks negeri Pahang semata-mata. Dengan sokongan peruntukan kerajaan negeri, Muzium Pahang lebih aktif memperoleh manuskrip melalui pembelian dan pengumpul persendirian, sekali gus membolehkan institusi ini memperkayakan koleksi sebagai sumber rujukan dan penyelidikan yang lebih menyeluruh.

Selain itu, perbezaan turut ketara dari segi cabaran yang dihadapi selepas pemerolehan. Muzium Kelantan berhadapan kekangan kemudahan dan kepakaran pemuliharaan dalaman, manakala Muzium Pahang lebih terkesan dengan kos tinggi manuskrip bernilai dan jarang ditemui. Perbezaan ini secara langsung mempengaruhi hala tuju dan keutamaan strategi pemerolehan yang diamalkan oleh kedua-dua muzium.

4.3.2 Persamaan dan Perbezaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Strategi pemeliharaan koleksi manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang menunjukkan komitmen yang jelas terhadap usaha melindungi bahan warisan bertulis daripada kerosakan fizikal, biologi dan persekitaran. Berdasarkan dapatan temu bual, kedua-dua institusi menyedari bahawa manuskrip

merupakan bahan yang sangat rapuh dan memerlukan pengurusan pemeliharaan yang sistematik serta berterusan bagi memastikan kelangsungan jangka hayat koleksi.

Walaupun kedua-dua institusi berkongsi matlamat yang sama dalam memastikan kestabilan dan keselamatan manuskrip, pendekatan pemeliharaan yang diamalkan tidak sepenuhnya seragam. Persamaan dapat dikenal pasti dari segi penekanan terhadap pemeriksaan keadaan fizikal manuskrip, kawalan persekitaran, pendigitilan sebagai langkah sokongan serta pemantauan berkala. Namun begitu, perbezaan wujud dari segi kemudahan pemeliharaan dalaman, tahap kepakaran konservasi, kekerapan pemantauan serta pergantungan kepada institusi luar seperti arkib dan perpustakaan dalam melaksanakan rawatan konservasi.

4.3.2.1 Persamaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Aspek Pemeliharaan	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Perbadanan Muzium Negeri Pahang
Pemeriksaan Awal Manuskrip	Pemeriksaan awal menumpukan kepada tahap kebolehbacaan manuskrip dan keadaan fizikal asas sebelum tindakan lanjut diambil.	Pemeriksaan awal turut memberi perhatian kepada keadaan fizikal manuskrip bagi menentukan tahap keselamatan dan kebolehlaksanaan pemeliharaan.

Rawatan Konservasi	Rawatan asas dan pencegahan dijalankan, manakala rawatan teknikal dirujuk kepada institusi berkepakaran.	Rawatan konservasi dilaksanakan secara terhad dan selebihnya melibatkan pakar
Penstoran Manuskrip	Manuskrip disimpan di ruang khas atau Arkib Negeri yang mempunyai kawalan persekitaran sesuai.	Manuskrip disimpan dalam bilik stor khas dengan kawalan suhu, pencahayaan dan pengudaraan.
Pemantauan Berkala	Pemantauan dilakukan secara berkala bagi mengesan serangan biologi dan kemerosotan fizikal.	Pemantauan dijalankan secara berkala berdasarkan pelan tindakan pemeliharaan.

Jadual 4.3 Persamaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Kedua-dua Muzium

Analisis terhadap dapatan temu bual mendapati bahawa Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang berkongsi persamaan yang ketara dari segi falsafah dan pendekatan asas dalam pemeliharaan koleksi manuskrip. Kedua-dua institusi melihat manuskrip sebagai bahan warisan yang sangat rapuh, bernilai tinggi dan memerlukan pengendalian yang berhati-hati sejak peringkat awal penerimaan koleksi. Oleh itu, pemeriksaan awal terhadap keadaan fizikal manuskrip dijadikan langkah asas sebelum sebarang tindakan lanjutan dilakukan. Pemeriksaan ini melibatkan penilaian terhadap tahap

kerapuhan kertas, keadaan dakwat, kebolehbacaan teks serta kemungkinan berlakunya kerosakan akibat faktor biologi seperti serangan serangga atau kulat.

Dari aspek rawatan konservasi, kedua-dua muzium menunjukkan persamaan dalam mengutamakan kaedah pemeliharaan preventif berbanding rawatan pemulihan yang agresif. Langkah-langkah seperti pembersihan asas, kawalan persekitaran penyimpanan serta penggunaan bahan sokongan seperti kertas bebas asid dan bekas simpanan yang sesuai dilaksanakan bagi memperlahankan kadar kemerosotan fizikal manuskrip. Namun, bagi manuskrip yang mengalami kerosakan serius dan memerlukan rawatan teknikal, kedua-dua muzium mengambil pendekatan yang sama dengan merujuk atau bekerjasama dengan institusi luar yang mempunyai kepakaran khusus dan kemudahan makmal konservasi yang lengkap. Pendekatan ini menunjukkan kesedaran institusi terhadap had kepakaran dalaman serta keperluan mematuhi amalan konservasi profesional.

Selain itu, kedua-dua muzium turut menekankan kepentingan kawalan persekitaran dalam pengurusan penstoran jangka panjang manuskrip. Manuskrip disimpan di ruang khas yang mempunyai kawalan suhu, kelembapan dan pengudaraan yang sesuai bagi mengurangkan risiko kerosakan akibat perubahan persekitaran yang tidak stabil. Walaupun lokasi penyimpanan mungkin berbeza, prinsip asas yang diamalkan adalah sama, iaitu memastikan manuskrip berada dalam keadaan persekitaran yang terkawal dan selamat. Kawalan persekitaran ini dilihat sebagai elemen penting dalam memastikan manuskrip

dapat dipelihara untuk tempoh jangka panjang tanpa mengalami kerosakan fizikal yang ketara.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua institusi melaksanakan pemantauan berkala terhadap keadaan manuskrip sebagai sebahagian daripada strategi pemeliharaan berterusan. Pemantauan ini dilakukan secara sistematik bagi mengesan sebarang perubahan keadaan fizikal manuskrip, kehadiran serangga perosak atau tanda-tanda awal kemerosotan bahan. Amalan pemantauan berkala ini membolehkan tindakan awal diambil sebelum kerosakan menjadi lebih serius. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa kedua-dua muzium tidak hanya bergantung kepada penyimpanan pasif semata-mata, sebaliknya mengamalkan pengurusan koleksi yang aktif dan berterusan.

Secara keseluruhannya, persamaan dalam strategi pemeliharaan antara Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang menunjukkan bahawa kedua-dua institusi berkongsi kefahaman yang sama terhadap prinsip pemeliharaan manuskrip berasaskan pencegahan, kawalan persekitaran dan pemantauan berjadual.

4.3.2.2 Perbezaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Aspek Pemeliharaan	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Pemeriksaan Awal Manuskrip	Penilaian awal memberi tumpuan kepada kebolehbacaan manuskrip dan corak fizikal seperti jenis kertas, lipatan dan bingkai hiasan sebelum kajian atau pemuliharaan lanjut dilakukan. asas sebelum tindakan lanjut diambil.	Pemeriksaan awal lebih menumpukan kepada keadaan kertas dan kesan dakwat yang boleh menyebabkan hakisan atau “pembakaran” kertas, khususnya dakwat tradisional. tahap keselamatan dan kebolehlaksanaan pemeliharaan.
Rawatan Konservasi	Tidak melaksanakan rawatan konservasi teknikal secara dalaman; manuskrip rosak dirujuk kepada Arkib atau institusi luar yang mempunyai makmal dan peralatan khusus.	Menggunakan rawatan asas seperti pembersihan, penggunaan bahan kimia dan ubat gegat secara dalaman, selain kawalan suhu dan cahaya; rawatan berat juga dirujuk kepada pihak luar.
Proses Pendigitalan	Proses pendigitilan masih terhad dan tidak dilaksanakan secara menyeluruh; lebih bergantung kepada kerjasama dengan Arkib.	Pendigitilan telah dimulakan secara berperingkat melalui Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Sultan Abdullah, dengan sebahagian manuskrip telah didigitalkan.
Penstoran Manuskrip	Manuskrip disimpan di Arkib Negeri kerana muzium tidak	Manuskrip disimpan di bilik stor khas muzium dengan kawalan

	mempunyai kompleks atau ruang simpanan khas yang lengkap.	persekitaran serta pelan sandaran jika berlaku bencana.
Pemantauan Berkala	Pemantauan dilakukan dengan kerjasama pihak Arkib Negeri dan dilaksanakan sekitar tiga kali setahun, khususnya bagi manuskrip lama dan rapuh.	Pemantauan dilakukan oleh bahagian koleksi dan konservasi muzium secara lebih kerap, iaitu sekitar sekali setiap dua bulan, dengan pemeriksaan fizikal langsung terhadap manuskrip.

Jadual 4.4 Perbezaan Strategi Pemeliharaan Koleksi Manuskrip di Kedua-dua Muzium

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang jelas dalam strategi pemeliharaan koleksi manuskrip yang diamalkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang, khususnya dari aspek pelaksanaan pemeriksaan awal, kaedah rawatan konservasi, pengurusan pendigitalan, penstoran jangka panjang serta pemantauan berkala. Perbezaan ini dipengaruhi oleh keupayaan infrastruktur, tahap kepakaran dalaman serta bentuk kerjasama institusi yang dijalinan oleh kedua-dua muzium.

Dari segi pemeriksaan awal manuskrip, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menekankan aspek kebolehbacaan manuskrip sebagai keutamaan utama sebelum sebarang

tindakan lanjut diambil. Pemeriksaan ini melibatkan penilaian terhadap corak lipatan, jenis kertas dan elemen hiasan untuk menentukan potensi kajian serta keperluan pemeliharaan. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang memberi fokus yang lebih mendalam terhadap keadaan material manuskrip, khususnya kesan penggunaan dakwat tradisional yang berisiko menyebabkan hakisan atau kerosakan serius pada kertas. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan di Muzium Negeri Pahang lebih bersifat teknikal dan berpanduan kepada risiko degradasi bahan.

Dari aspek rawatan konservasi, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan tidak melaksanakan rawatan konservasi teknikal secara dalaman kerana kekangan kepakaran dan kemudahan. Manuskrip yang mengalami kerosakan fizikal atau biologi akan dirujuk kepada institusi luar seperti Arkib Negeri atau pihak berkepakaran khusus untuk tujuan pemuliharaan. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang melaksanakan rawatan konservasi asas secara dalaman, termasuk pembersihan, penggunaan bahan kimia dan ubat gegat serta kawalan cahaya dan suhu. Walaupun rawatan berskala besar masih dirujuk kepada pihak luar, keupayaan menjalankan rawatan awal ini membolehkan tindakan pencegahan diambil dengan lebih cepat dan berkesan.

Dalam konteks pendigitilan manuskrip, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan masih berada pada tahap terhad dan lebih bergantung kepada kerjasama dengan pihak Arkib Negeri. Pendigitilan belum dilaksanakan secara menyeluruh dan berfungsi lebih sebagai langkah sokongan kepada pemeliharaan fizikal. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri

Pahang telah memulakan usaha pendigitilan secara berperingkat melalui Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Sultan Abdullah, dengan sebahagian manuskrip telah berjaya didigitalkan. Usaha ini mencerminkan komitmen yang lebih sistematik dalam memperluas akses penyelidikan serta mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan manuskrip fizikal.

Dari segi penstoran jangka panjang, perbezaan yang ketara dapat dilihat dari lokasi dan pengurusan ruang simpanan. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menyimpan koleksi manuskrip di Arkib Negeri kerana ketiadaan ruang simpanan khas yang lengkap di muzium. Kawalan persekitaran seperti suhu dan pengudaraan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Arkib. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang mempunyai bilik stor khas dengan kawalan persekitaran yang sistematik serta pelan tindakan sandaran sekiranya berlaku bencana, sekali gus memberikan kawalan dalaman yang lebih menyeluruh terhadap pemeliharaan manuskrip.

Akhir sekali, dari aspek pemantauan berkala, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menjalankan pemantauan dengan kerjasama pihak Arkib Negeri dan dilaksanakan sekitar tiga kali setahun, terutamanya terhadap manuskrip lama dan rapuh. Kekerapan pemantauan ini dipengaruhi oleh faktor akses yang terhad selepas manuskrip disimpan di Arkib. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang melaksanakan pemantauan secara dalaman dengan kekerapan yang lebih tinggi, iaitu sekitar sekali setiap dua bulan, melibatkan pemeriksaan fizikal langsung dan tindakan segera sekiranya dikesan tanda-

tanda awal kerosakan. Pendekatan ini menunjukkan tahap pemantauan yang lebih proaktif dan berterusan.

Secara keseluruhannya, perbezaan strategi pemeliharaan antara kedua-dua muzium mencerminkan variasi dari segi kapasiti pengurusan, kemudahan fizikal dan kepakaran dalaman.

4.3.3 Persamaan dan Perbezaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Strategi penyelidikan merupakan salah satu elemen penting dalam pengurusan koleksi manuskrip kerana ia berkait secara langsung dengan usaha memahami kandungan, konteks sejarah serta nilai ilmu yang terkandung dalam manuskrip tersebut. Berdasarkan dapatan temu bual, kedua-dua Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang melaksanakan aktiviti penyelidikan sebagai sebahagian daripada pengurusan koleksi manuskrip, namun pendekatan dan pelaksanaannya berbeza mengikut keupayaan institusi dan keperluan masing-masing.

Perbandingan dalam bahagian ini memfokuskan kepada beberapa aspek utama penyelidikan manuskrip, iaitu kaedah pendokumentasian maklumat manuskrip, kriteria pemilihan manuskrip untuk kajian mendalam, bentuk kolaborasi akademik, kaedah penyebaran hasil kajian serta penyediaan akses penyelidikan kepada pihak luar. Aspek-

aspek ini dianalisis untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan strategi penyelidikan yang diamalkan oleh kedua-dua muzium berdasarkan dapatan temu bual bersama kurator.

4.3.3.1 Persamaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Aspek Pemeliharaan	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Perbadanan Muzium Negeri Pahang
Pendokumentasian Maklumat Kandungan dan Konteks Sejarah Manuskrip	Maklumat manuskrip dikumpul dan didokumentasikan selepas pendaftaran koleksi melalui rekod bertulis dan sistem digital dengan penglibatan penyelidik atau pegawai koleksi.	Maklumat manuskrip didokumentasikan selepas pendaftaran koleksi melalui rekod bertulis dan sistem digital dengan penglibatan penyelidik atau pegawai koleksi.
Kriteria Pemilihan Manuskrip untuk Kajian Mendalam	Manuskrip dipilih berdasarkan keunikan isi kandungan, nilai ilmu dan kebolehbacaan manuskrip bagi tujuan kajian mendalam.	Manuskrip dipilih berdasarkan keunikan isi kandungan, nilai ilmu dan kebolehbacaan manuskrip bagi tujuan kajian mendalam.
Kolaborasi Akademik dengan Pihak Luar	Penyelidikan dijalankan melalui kerjasama dengan universiti tempatan, penyelidik	Penyelidikan dijalankan melalui kerjasama dengan universiti tempatan, penyelidik

	bebas dan pakar bidang berkaitan.	bebas dan pakar bidang berkaitan.
Penyebaran Hasil Kajian Penyelidikan	Hasil kajian didokumentasikan dan disebarkan melalui penerbitan, seminar, kolokium atau pameran yang bersesuaian.	Hasil kajian didokumentasikan dan disebarkan melalui penerbitan, seminar, kolokium atau pameran yang bersesuaian.
Akses Penyelidikan kepada Penyelidik Luar	Akses penyelidikan disediakan secara terkawal melalui prosedur permohonan dan pertimbangan pihak muzium.	Akses penyelidikan disediakan secara terkawal melalui prosedur permohonan dan pertimbangan pihak muzium.

Jadual 4.5 Persamaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Kedua-dua Muzium

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang mempunyai persamaan yang ketara dalam pelaksanaan strategi penyelidikan koleksi manuskrip, khususnya dari segi pendekatan pendokumentasian maklumat manuskrip, kriteria pemilihan manuskrip untuk kajian mendalam, penglibatan kolaborasi akademik, penyebaran hasil kajian serta penyediaan akses penyelidikan secara terkawal. Persamaan ini mencerminkan kesedaran bersama terhadap kepentingan penyelidikan sebagai asas kepada pemeliharaan dan pengembangan ilmu warisan bertulis.

Dari segi pendokumentasian maklumat manuskrip, kedua-dua muzium melaksanakan proses pengumpulan maklumat kandungan dan konteks sejarah manuskrip secara sistematik selepas manuskrip didaftarkan dalam senarai koleksi. Pendokumentasian dilakukan melalui rekod bertulis dan penggunaan sistem digital bagi memudahkan penyimpanan, carian dan rujukan maklumat. Dalam kedua-dua institusi, maklumat manuskrip tidak dikumpulkan secara bersendirian oleh kurator semata-mata, sebaliknya melibatkan penyelidik atau pegawai koleksi yang mempunyai kepakaran tertentu. Pendekatan ini memastikan kandungan manuskrip ditafsir secara lebih tepat serta mengelakkan salah tafsir terhadap maklumat yang bersifat sensitif atau khusus.

Dari aspek kriteria pemilihan manuskrip untuk kajian mendalam, kedua-dua muzium menunjukkan persamaan dengan mengutamakan keunikan dan nilai kandungan manuskrip sebagai faktor utama. Manuskrip yang mempunyai keistimewaan dari segi isi kandungan, sama ada berkaitan undang-undang, perubahan tradisional, agama atau adat, diberi keutamaan untuk dikaji terlebih dahulu. Selain itu, keadaan fizikal manuskrip turut diambil kira, khususnya kebolehbacaan teks, bagi memastikan kajian dapat dijalankan secara berkesan tanpa menjejaskan keselamatan manuskrip tersebut.

Dalam konteks kolaborasi akademik, kedua-dua Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang mengamalkan pendekatan terbuka dengan menjalin kerjasama bersama institusi pengajian tinggi, penyelidik bebas dan pakar

bidang tertentu. Kolaborasi ini melibatkan pensyarah dan penyelidik dari universiti tempatan serta, dalam beberapa kes, penyelidik luar negara. Kerjasama ini bukan sahaja bertujuan memperkukuh kualiti penyelidikan manuskrip, malah membantu muzium mendapatkan tafsiran ilmiah yang lebih mendalam berdasarkan kepakaran khusus yang tidak tersedia sepenuhnya di peringkat dalaman.

Seterusnya, dari segi penyebaran hasil kajian, kedua-dua muzium berkongsi persamaan dalam memastikan hasil penyelidikan tidak terhenti pada peringkat dalaman semata-mata. Hasil kajian didokumentasikan dan disebarikan melalui penerbitan, laporan kajian, seminar, kolokium atau pameran yang bersesuaian. Penyebaran ini dilaksanakan secara berperingkat, bergantung kepada keperluan, kesesuaian kandungan serta kekangan bajet. Pendekatan ini menunjukkan komitmen kedua-dua institusi dalam memperluaskan manfaat penyelidikan kepada masyarakat dan komuniti akademik.

Akhir sekali, dari aspek akses penyelidikan, kedua-dua muzium menyediakan akses kepada penyelidik luar secara terkawal melalui prosedur permohonan yang ditetapkan. Akses penuh terhadap manuskrip fizikal tidak diberikan secara terbuka bagi mengelakkan risiko kerosakan, sebaliknya penyelidik perlu mengemukakan cadangan kajian atau proposal untuk pertimbangan pihak muzium. Pendekatan ini mencerminkan keseimbangan antara keperluan penyelidikan dan tanggungjawab pemeliharaan manuskrip sebagai bahan warisan yang rapuh dan bernilai tinggi.

Secara keseluruhannya, persamaan strategi penyelidikan di kedua-dua muzium memperlihatkan komitmen bersama dalam menjadikan manuskrip sebagai sumber ilmu yang sahih dan berautoriti. Walaupun terdapat perbezaan dari segi pelaksanaan praktikal, asas penyelidikan yang dikongsi ini menjadi landasan penting dalam pengurusan koleksi manuskrip secara beretika dan berterusan.

4.3.3.2 Perbezaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Aspek Pemeliharaan	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Perbadanan Muzium Negeri Pahang
Pendokumentasian Maklumat Kandungan dan Konteks Sejarah Manuskrip	Pendokumentasian dilakukan dengan berhati-hati kerana melibatkan maklumat sensitif berkaitan institusi diraja dan adat; pengumpulan maklumat dibuat melalui pegawai koleksi, penyelidik serta rujukan kepada pihak protokol atau pegawai khas.	Pendokumentasian dilaksanakan secara lebih terbuka dengan membuka manuskrip kepada penyelidik universiti dan pakar bidang; maklumat diperoleh melalui kajian berasaskan proposal penyelidikan dan hasil kajian direkodkan secara sistematik.
Kriteria Pemilihan Manuskrip untuk Kajian Mendalam	Pemilihan manuskrip lebih menumpukan kepada kandungan yang boleh	Pemilihan manuskrip memberi keutamaan kepada keunikan dan kepentingan sejarah negeri

	difahami dan dibaca serta berkait rapat dengan budaya, adat dan sejarah tempatan Kelantan.	Pahang, contohnya manuskrip Hukum Kanun Pahang yang bersifat eksklusif dan berautoriti.
Kolaborasi Akademik dengan Pihak Luar	Kolaborasi akademik lebih tertumpu kepada institusi tempatan dan penyelidik dalam negara, khususnya bagi kajian yang bersesuaian dengan sensitiviti kandungan manuskrip.	Kolaborasi akademik lebih luas melibatkan banyak universiti tempatan dan antarabangsa serta penyelidik luar negara, bergantung kepada kepakaran bidang yang diperlukan.
Penyebaran Hasil Kajian Penyelidikan	Penyebaran hasil kajian lebih menumpukan kepada penggunaan dalam pameran, interpretasi muzium dan aktiviti pendidikan awam berbanding penerbitan akademik berskala besar.	Penyebaran hasil kajian dilaksanakan secara lebih sistematik melalui dokumentasi, penerbitan berperingkat dan perancangan berdasarkan bajet serta keperluan institusi.
Akses Penyelidikan kepada Penyelidik Luar	Akses penyelidikan diberikan secara terhad dan tertakluk kepada pertimbangan kandungan manuskrip serta tahap sensitiviti maklumat.	Akses penyelidikan disediakan melalui sistem seperti Koha untuk semakan koleksi, manakala akses fizikal manuskrip tertakluk kepada

		permohonan rasmi dan penilaian proposal.
--	--	--

Jadual 4.6 Perbezaan Strategi Penyelidikan Koleksi Manuskrip di Kedua-dua Muzium

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua muzium menjalankan aktiviti penyelidikan manuskrip sebagai sebahagian daripada pengurusan koleksi, terdapat perbezaan yang ketara dari segi pendekatan, skop dan tahap keterbukaan penyelidikan yang diamalkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Perbezaan ini dapat dikenal pasti melalui aspek pendokumentasian maklumat manuskrip, kriteria pemilihan manuskrip untuk kajian mendalam, kolaborasi akademik, penyebaran hasil kajian serta penyediaan akses penyelidikan kepada pihak luar.

Dari segi pendokumentasian maklumat kandungan dan konteks sejarah manuskrip, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan melaksanakan proses ini secara berhati-hati kerana sebahagian manuskrip melibatkan maklumat sensitif yang berkait dengan institusi diraja, adat dan sejarah tempatan. Pengumpulan maklumat lazimnya dilakukan melalui pegawai koleksi dan penyelidik yang dirujuk kepada pihak tertentu seperti pegawai protokol atau individu berautoriti. Pendekatan ini memastikan maklumat yang direkodkan adalah terkawal dan tidak menjejaskan sensitiviti kandungan manuskrip. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang mengamalkan pendokumentasian yang lebih terbuka dengan

membenarkan penyelidik universiti dan pakar bidang menjalankan kajian terhadap manuskrip berdasarkan proposal yang dikemukakan. Hasil kajian tersebut kemudiannya direkodkan secara sistematik sebagai sebahagian daripada dokumentasi rasmi muzium.

Perbezaan seterusnya dapat dilihat dari segi kriteria pemilihan manuskrip untuk kajian mendalam. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan cenderung memilih manuskrip yang boleh dibaca dan difahami serta mempunyai kaitan rapat dengan budaya, adat dan sejarah masyarakat setempat. Pemilihan ini dibuat bagi memastikan kajian yang dijalankan bersesuaian dengan konteks tempatan dan tidak melibatkan kandungan yang terlalu sensitif. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang memberi keutamaan kepada manuskrip yang mempunyai keunikan dan nilai sejarah yang tinggi terhadap negeri Pahang, khususnya manuskrip yang bersifat eksklusif seperti Hukum Kanun Pahang. Manuskrip tersebut dianggap penting kerana berpotensi menyumbang kepada pemahaman semula sejarah dan sistem perundangan negeri.

Dari aspek kolaborasi akademik, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan lebih menumpukan kepada kerjasama dengan institusi tempatan dan penyelidik dalam negara, selaras dengan keperluan untuk mengawal sensitiviti kajian serta kesesuaian kepakaran. Kolaborasi ini lazimnya dijalankan secara terpilih dan bergantung kepada kandungan manuskrip yang dikaji. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang menunjukkan jaringan kolaborasi akademik yang lebih luas dengan melibatkan pelbagai universiti tempatan dan antarabangsa serta penyelidik luar negara. Pendekatan ini membolehkan

kajian manuskrip dilaksanakan dari pelbagai disiplin dan perspektif ilmiah yang lebih menyeluruh.

Selain itu, perbezaan turut dapat diperhatikan dalam aspek penyebaran hasil kajian penyelidikan. Di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hasil penyelidikan lebih banyak dimanfaatkan dalam konteks pameran, interpretasi muzium dan program pendidikan awam bagi meningkatkan kefahaman pengunjung terhadap kandungan manuskrip. Penyebaran dalam bentuk penerbitan akademik berskala besar adalah lebih terhad. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang mengamalkan penyebaran hasil kajian secara lebih sistematik melalui dokumentasi rasmi, penerbitan berperingkat serta perancangan penerbitan yang disesuaikan dengan bajet dan keperluan institusi. Pendekatan ini menunjukkan usaha untuk memastikan hasil penyelidikan dapat dimanfaatkan dalam jangka panjang oleh komuniti akademik dan umum.

Akhir sekali, dari segi akses penyelidikan kepada penyelidik luar, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menyediakan akses secara terhad dan tertakluk kepada pertimbangan kandungan manuskrip serta tahap sensitiviti maklumat yang terlibat. Akses penuh terhadap manuskrip fizikal tidak diberikan secara terbuka bagi mengelakkan risiko penyalahgunaan atau kerosakan. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Pahang menyediakan akses yang lebih tersusun melalui penggunaan sistem seperti Koha untuk semakan kewujudan koleksi, manakala akses fizikal manuskrip diberikan berdasarkan

permohonan rasmi dan penilaian proposal penyelidikan. Prosedur ini membolehkan kawalan institusi dikekalkan tanpa menafikan keperluan penyelidikan luar.

Secara keseluruhannya, perbezaan strategi penyelidikan antara kedua-dua muzium memperlihatkan pendekatan pengurusan ilmu yang berbeza selaras dengan peranan, kapasiti dan keutamaan institusi masing-masing. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan mengamalkan strategi penyelidikan yang lebih terkawal dan berfokus kepada konteks tempatan, manakala Perbadanan Muzium Negeri Pahang menunjukkan pendekatan yang lebih terbuka, sistematik dan berorientasikan pengembangan ilmu secara meluas.

4.3.4 Persamaan dan Perbezaan Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Bahagian ini meneliti strategi pameran koleksi manuskrip yang dilaksanakan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang. Fokus perbincangan adalah kepada kaedah pemilihan manuskrip untuk pameran, langkah penjagaan semasa pameran serta pendekatan penyampaian maklumat kepada pengunjung. Pameran manuskrip mempunyai keperluan khusus berbanding koleksi lain kerana sifat manuskrip yang rapuh dan sensitif terhadap faktor persekitaran.

Oleh itu, strategi pameran manuskrip di kedua-dua muzium dilihat sebagai satu proses yang melibatkan pertimbangan kuratorial, pemeliharaan serta komunikasi warisan. Analisis dalam bahagian seterusnya akan memfokuskan kepada persamaan dan perbezaan

pendekatan pameran yang diamalkan oleh kedua-dua institusi berdasarkan dapatan temu bual.

4.3.4.1 Persamaan Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Aspek Pemeliharaan	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Perbadanan Muzium Negeri Pahang
Pemilihan Manuskrip untuk Pameran	Manuskrip yang telah melalui proses kajian dan pengesahan dipilih untuk pameran bagi memastikan kandungan yang dipamerkan sahih dan sesuai untuk tontonan umum.	Manuskrip yang telah dikaji dan mempunyai nilai kandungan yang jelas dipilih untuk dipamerkan sebagai bukti material warisan.
Pendedahan Kandungan Manuskrip	Kandungan manuskrip tidak dipamerkan secara langsung dengan membuka helaian asal, sebaliknya disampaikan melalui interpretasi visual dan media sokongan.	Kandungan manuskrip tidak dibuka kepada umum, hanya tajuk dan interpretasi dipamerkan bagi melindungi fizikal manuskrip.
Langkah Preventive Conservation	Manuskrip dipamerkan dalam tempoh terhad dan perlu ditukar atau disimpan semula bagi	Manuskrip tidak dipamerkan secara berterusan dan tempoh

Semasa Pameran	mengelakkan pendedahan berpanjangan.	pameran dikawal bagi mengurangkan risiko kerosakan.
Kawalan Persekitaran Pameran	Penekanan kepada ruang khas dan pemantauan cahaya serta suhu semasa pameran,	Pameran manuskrip menitikberatkan perlindungan daripada cahaya, suhu dan kelembapan yang tidak sesuai,
Pendekatan Interpretasi Kepada Pengunjung	Maklumat manuskrip disampaikan melalui visual, video dan elemen sokongan agar mudah difahami tanpa menyentuh manuskrip.	Interpretasi kandungan manuskrip disampaikan dalam bentuk penerangan dan bahan sokongan bagi tujuan pendidikan.

Jadual 4.7 Persamaan Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Kedua-dua Muzium.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang mempunyai persamaan yang ketara dalam pendekatan pameran manuskrip, khususnya dari sudut pemilihan, perlindungan fizikal serta penyampaian maklumat kepada pengunjung. Kedua-dua institusi menekankan bahawa hanya manuskrip yang telah melalui proses kajian dan pengesahan akan dipilih untuk dipamerkan. Pendekatan ini bertujuan memastikan manuskrip yang dipersembahkan kepada khalayak umum mempunyai nilai ilmiah yang sahih serta tidak menimbulkan kekeliruan dari segi kandungan dan konteks sejarah.

Dari segi pendedahan kandungan manuskrip, kedua-dua muzium tidak membenarkan helaian manuskrip asal dibuka atau disentuh oleh pengunjung. Sebaliknya, kandungan manuskrip disampaikan melalui kaedah interpretasi seperti visual, penerangan, video atau bahan sokongan lain. Pendekatan ini mencerminkan kesedaran institusi terhadap sifat manuskrip yang rapuh dan berisiko tinggi mengalami kerosakan jika terdedah secara langsung.

Selain itu, kedua-dua muzium turut mengamalkan prinsip *preventive conservation* semasa pameran dijalankan. Manuskrip tidak dipamerkan secara berpanjangan dan perlu disimpan semula selepas tempoh tertentu bagi mengurangkan pendedahan terhadap cahaya, suhu dan kelembapan. Langkah ini menunjukkan persamaan dalam pemahaman bahawa pameran manuskrip perlu diseimbangkan antara keperluan pendidikan awam dan tanggungjawab pemeliharaan jangka panjang.

Dari sudut kawalan persekitaran pameran, kedua-dua institusi menekankan kepentingan ruang khas serta pemantauan faktor persekitaran asas seperti cahaya dan suhu. Walaupun kaedah teknikal mungkin berbeza, matlamat utama adalah sama iaitu memastikan manuskrip berada dalam keadaan yang stabil dan selamat sepanjang tempoh pameran.

Akhir sekali, kedua-dua muzium menggunakan pendekatan interpretasi yang berfokus kepada pemahaman pengunjung. Kandungan manuskrip diterjemahkan dalam bentuk yang lebih mudah difahami tanpa menjejaskan keselamatan fizikal manuskrip. Pendekatan ini memperlihatkan persamaan peranan muzium sebagai institusi pendidikan dan pemeliharaan warisan bertulis.

4.3.4.2 Perbezaan Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Aspek Pemeliharaan	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Perbadanan Muzium Negeri Pahang
Pemilihan Manuskrip untuk Pameran	Manuskrip dipilih selepas dikaji dan difahami kandungannya; digunakan untuk menjelaskan amalan budaya dan agama.	Manuskrip dipilih berdasarkan <i>storyline</i> dan tema pameran seperti pentadbiran, Islam dan institusi diraja.
<i>Preventive Conservation</i> Semasa Pameran	Pameran sangat terhad; manuskrip perlu ditukar atau dihentikan pameran setiap 3–6 bulan.	Menggunakan <i>showcase frameless</i> dengan kawalan suhu dan pencahayaan luaran.
Interprestasi Kandungan Manuskrip	Interpretasi melalui visual semula seperti video, simbol dan demonstrasi budaya.	Interpretasi melalui ringkasan kandungan, label dan kapsyen.

Penggunaan Teknologi Pameran	Teknologi pameran masih terhad; fokus kepada pendekatan fizikal.	Menggunakan AR, VR, <i>multi-touch table</i> , <i>iPad</i> dan <i>QR Code</i> .
Strategi Promosi dan Outreach	Pameran bersifat setempat dan bergantung kepada kesesuaian tema.	Promosi melalui media, kerjasama agensi dan sokongan institusi diraja.

Jadual 4.8 Perbezaan Strategi Pameran Koleksi Manuskrip di Kedua-dua Muzium.

Perbezaan strategi pameran manuskrip antara Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang dapat dikenal pasti dengan jelas melalui pendekatan kuratorial yang diamalkan oleh kedua-dua institusi. Di Muzium Negeri Kelantan, manuskrip hanya dipamerkan selepas melalui proses kajian dan kefahaman kandungan. Manuskrip digunakan sebagai sumber rujukan untuk menjelaskan amalan budaya dan agama, seperti amalan tradisional ‘melanggang perut’ dan ‘melanggir keris’. Oleh itu, manuskrip tidak dibuka secara langsung kepada pengunjung, sebaliknya kandungannya diterjemahkan melalui visual semula dan penerangan kontekstual.

Sebaliknya, Muzium Negeri Pahang memilih manuskrip untuk pameran berdasarkan *storyline* dan tema pameran yang ingin disampaikan. Pemilihan ini bergantung kepada konteks lokasi pameran seperti Kutubkhanah dan Muzium Sultan Abdullah, dengan

manuskrip berkaitan pentadbiran, Islam atau sejarah institusi diraja dipamerkan bagi menyokong naratif pameran tersebut.

Dari sudut *preventive conservation*, Muzium Negeri Kelantan menghadkan tempoh pameran manuskrip antara tiga hingga enam bulan bagi mengelakkan pendedahan berlebihan terhadap cahaya dan persekitaran. Malah, pameran manuskrip boleh dihentikan sepenuhnya sekiranya kos dan kemudahan tidak mengizinkan, dan manuskrip disimpan di Arkib Negeri yang mempunyai kemudahan lebih sesuai. Sebaliknya, Muzium Negeri Pahang menggunakan *showcase* khas jenis *frameless* yang mampu mengawal suhu dalaman serta meletakkan pencahayaan di luar *showcase* bagi mengelakkan pendedahan cahaya secara langsung kepada manuskrip.

Perbezaan turut ketara dari segi interpretasi dan penggunaan teknologi pameran. Muzium Negeri Kelantan menekankan interpretasi melalui visual semula seperti video dan demonstrasi terpilih bagi membantu pengunjung memahami isi manuskrip tanpa menyentuh bahan asal. Muzium Negeri Pahang pula menggunakan teknologi pameran yang lebih maju seperti VR, AR, *multi-touch table*, *iPad* dan *QR Code* bagi membolehkan pengunjung mengakses maklumat manuskrip dalam pelbagai bahasa termasuk Bahasa Melayu, Inggeris dan Jawi.

Akhir sekali, dari sudut promosi dan *outreach*, Muzium Negeri Kelantan melaksanakan pameran secara setempat dan bersifat tematik bagi menarik minat kumpulan

sasaran tertentu. Muzium Negeri Pahang pula menjalankan promosi yang lebih meluas melalui kerjasama media dan sokongan institusi diraja, yang secara tidak langsung meningkatkan imej muzium sebagai pusat pendidikan dan rujukan warisan.

4.4 Menjelaskan Strategi Pengurusan Artifak Manuskrip yang Paling Berkesan.

Bahagian ini membincangkan strategi pengurusan artifak manuskrip yang paling berkesan berdasarkan dapatan temu bual bersama seorang pakar akademik dari Universiti Malaysia Kelantan. Pakar yang ditemu bual ialah Puan Nur Athmar binti Hashim, seorang pensyarah akademik dengan pengalaman lebih 12 tahun dalam bidang arkeologi dan pengurusan warisan. Beliau memiliki kelayakan Sarjana dalam bidang Arkeologi serta mempunyai penglibatan langsung dalam konservasi manuskrip melalui latihan dan kolaborasi bersama institusi berkaitan seperti Muzium Negara, Jabatan Muzium Malaysia (JMM), pihak arkeologi dan Arkib.

Pengalaman Puan Nur Athmar dalam bidang konservasi manuskrip turut diperkukuhkan melalui bimbingan akademik daripada mantan pensyarah pakar, iaitu Dr. Mukhtaruddin Musa. Menurut beliau, konservasi manuskrip tergolong dalam bidang Konservasi Organik yang bukan sahaja menumpukan kepada aspek kerosakan fizikal, malah merangkumi pemahaman terhadap kandungan dan nilai ilmu yang terkandung dalam manuskrip itu sendiri. Pendekatan ini menekankan kepentingan keseimbangan antara pemeliharaan material dan makna intelektual manuskrip sebagai artifak warisan.

Sehubungan itu, pandangan pakar ini digunakan sebagai asas utama dalam menilai keberkesanan strategi pengurusan manuskrip. Penilaian ini tidak bertujuan untuk menentukan institusi muzium yang paling baik, sebaliknya untuk mengenal pasti prinsip dan pendekatan pengurusan manuskrip yang paling berkesan berdasarkan amalan profesional dan pengalaman akademik. Analisis seterusnya akan menghuraikan strategi pengurusan manuskrip yang paling berkesan mengikut empat aspek utama, iaitu pemerolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran, dengan mengaitkan pandangan pakar kepada dapatan pengurusan manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang.

4.4.1 Strategi Pemerolehan Manuskrip yang Paling Berkesan.

Berdasarkan temu bual bersama pakar akademik dalam bidang pengurusan dan konservasi manuskrip, Puan Nur Athmar binti Hashim, strategi pemerolehan manuskrip yang berkesan perlu bermula dengan pemilihan manuskrip yang mempunyai nilai signifikan sejarah, budaya dan keilmuan yang tinggi serta masih berada dalam keadaan fizikal yang realistik untuk dipelihara. Menurut beliau, manuskrip yang dipilih seharusnya menyumbang kepada kefahaman sejarah negeri atau negara, di samping membawa nilai ilmu yang jelas, bukan sekadar bahan lama tanpa konteks yang kukuh. Sebagai contoh, manuskrip yang berkaitan dengan sejarah pentadbiran, adat atau ilmu tradisional tempatan lebih wajar diberi keutamaan berbanding manuskrip yang kandungannya terlalu umum atau telah banyak didokumentasikan sebelum ini. Dalam masa yang sama, penilaian keadaan fizikal atau *condition assessment* perlu dibuat kerana manuskrip yang terlalu rapuh boleh

menyebabkan kos konservasi melebihi nilai pemerolehan itu sendiri (Athmar Hashim, 2025, Transkrip Temu Bual, Talian Google Meet).

Pendekatan ini selari dengan amalan pemerolehan di Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Sultan Abdullah (Al-Asar), Perbadanan Muzium Negeri Pahang, yang menekankan kualiti manuskrip, latar belakang penulis serta keunikan subjek ilmu seperti undang-undang, ilmu falak dan pelayaran. Contohnya, manuskrip Hukum Kanun Pahang diberi keutamaan kerana ia bukan sahaja unik dari segi kandungan, malah mempunyai kepentingan langsung terhadap sejarah negeri Pahang. Sebaliknya, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan lebih menumpukan kepada manuskrip yang berkait rapat dengan identiti tempatan seperti agama, adat dan budaya masyarakat Melayu Kelantan. Walaupun pendekatan ini penting dari sudut pemuliharaan warisan setempat, sebahagian manuskrip diterima dalam keadaan fizikal yang kurang stabil kerana kebanyakannya diperoleh melalui sumbangan.

Dari sudut pengesahan asal-usul atau *provenans*, pakar menegaskan bahawa aspek ini amat kritikal bagi menjamin kesahihan sejarah serta mengelakkan muzium daripada menyimpan bahan yang bermasalah dari segi perundangan atau etika. Sebagai contoh, sekiranya manuskrip diperoleh tanpa maklumat pemilik terdahulu atau sejarah pemilikan yang jelas, muzium berisiko menghadapi tuntutan hak milik pada masa hadapan. Amalan ini dilaksanakan dengan lebih sistematik di Perbadanan Muzium Negeri Pahang melalui penubuhan jawatankuasa khas yang menilai keaslian manuskrip sebelum sebarang

keputusan pemerolehan dibuat. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan pula sering perlu menjalankan penyelidikan tambahan terhadap manuskrip sumbangan bagi mengesahkan latar belakang dan konteks sejarahnya, terutamanya manuskrip yang datang daripada institusi keagamaan atau individu persendirian.

Dari segi kaedah pemerolehan, Puan Athmar berpandangan bahawa sumbangan merupakan kaedah yang paling sesuai untuk penjagaan jangka panjang kerana kosnya lebih rendah dan mampu mengukuhkan hubungan antara muzium dan komuniti. Sebagai contoh, sumbangan manuskrip daripada masjid, pondok pengajian atau istana bukan sahaja menyelamatkan manuskrip daripada kerosakan, malah membuka ruang kepada penyelidikan dan pemeliharaan yang lebih terancang. Namun begitu, beliau menegaskan bahawa pembelian tetap diperlukan bagi manuskrip bernilai tinggi supaya bahan tersebut tidak jatuh ke tangan pengumpul persendirian, terutamanya dari luar negara (Athmar Hashim, 2025). Pendekatan gabungan ini lebih ketara di Muzium Pahang yang mempunyai peruntukan kewangan khusus, manakala Muzium Negeri Kelantan lebih bergantung kepada sumbangan akibat kekangan bajet.

Selain itu, pakar turut menekankan bahawa antara kelemahan utama dalam pemerolehan manuskrip ialah ketiadaan dokumentasi sejarah pemilikan yang lengkap serta isu hak cipta dan pemilikan intelektual. Contohnya, manuskrip yang diwarisi secara turun-temurun sering tidak disertakan dengan rekod bertulis, sekali gus menyukarkan proses

pengesahan dan pendaftaran koleksi. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak kepada pendekatan pemerolehan yang lebih sistematik dan berasaskan dasar yang jelas.

Secara keseluruhannya, strategi pemerolehan manuskrip yang paling berkesan ialah pendekatan yang berlandaskan dasar pengurusan koleksi yang jelas, pemilihan manuskrip yang signifikan dan mampu diurus, pengesahan *provenans* yang ketat serta penggunaan kaedah pemerolehan yang fleksibel mengikut keupayaan institusi. Berdasarkan analisis ini, pengurusan pemerolehan di Perbadanan Muzium Negeri Pahang dilihat lebih berkesan dari segi struktur dan sistem, manakala Perbadanan Muzium Negeri Kelantan memainkan peranan penting dalam menyelamatkan manuskrip warisan tempatan namun memerlukan pengukuhan dari segi dasar dan sumber bagi memastikan keberkesanan jangka panjang.

4.4.2 Strategi Pemeliharaan Manuskrip yang Paling Berkesan.

Berdasarkan pandangan pakar akademik, Puan Nur Athmar binti Hashim, pemeliharaan manuskrip merupakan teras utama dalam pengurusan koleksi kerana manuskrip tergolong dalam artifak organik yang sangat sensitif terhadap faktor persekitaran dan pengendalian. Menurut beliau, pemeliharaan manuskrip tidak boleh difokuskan kepada pembaikan kerosakan semata-mata, sebaliknya perlu merangkumi penjagaan berterusan yang melibatkan pemantauan keadaan fizikal, kawalan persekitaran dan pemahaman terhadap kandungan manuskrip itu sendiri. Sebagai contoh, manuskrip yang rosak akibat dakwat berasid atau serangan biologi seperti kulat dan serangga

memerlukan rawatan yang berbeza berbanding manuskrip yang hanya mengalami kehausan fizikal (Athmar Hashim, 2025, Transkrip Temu Bual, Talian Google Meet).

Pendekatan ini dapat dilihat dalam amalan pemeliharaan di Perbadanan Muzium Negeri Pahang yang menekankan aspek *preventive conservation* melalui kawalan suhu, kelembapan dan pencahayaan, khususnya semasa penyimpanan dan pameran. Manuskrip disimpan di ruang khas dengan kawalan persekitaran serta menggunakan peralatan sokongan seperti kotak bebas asid bagi mengurangkan risiko kerosakan jangka panjang. Selain itu, pemantauan berkala dilakukan bagi memastikan kestabilan keadaan manuskrip, di samping pelaksanaan pendigitalan sebagai langkah mengurangkan pengendalian fizikal terhadap manuskrip asal.

Di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan pula, pemeliharaan manuskrip dilaksanakan melalui kerjasama rapat dengan institusi luar seperti Arkib Negeri dan Perpustakaan, terutamanya bagi manuskrip yang memerlukan rawatan konservasi khusus. Sebagai contoh, manuskrip yang mengalami kerosakan serius akibat serangan biologi atau kerapuhan kertas akan dirujuk kepada pihak Arkib yang mempunyai kemudahan makmal dan kepakaran konservasi yang lebih lengkap. Walaupun pendekatan ini berkesan dari sudut teknikal, kebergantungan kepada pihak luar menunjukkan keperluan kepada pengukuhan kepakaran dan kemudahan dalaman bagi memastikan pemeliharaan yang lebih konsisten dan berterusan.

Pakar turut menegaskan bahawa pendigitalan manuskrip merupakan sebahagian daripada strategi pemeliharaan yang berkesan, khususnya bagi mengurangkan kekerapan pengendalian manuskrip asal oleh penyelidik dan pengunjung. Contohnya, manuskrip yang telah didigitalkan boleh diakses dalam bentuk salinan digital bagi tujuan rujukan, manakala manuskrip asal disimpan dalam keadaan terkawal. Pendekatan ini telah mula dilaksanakan di Muzium Pahang secara lebih menyeluruh, manakala di Muzium Negeri Kelantan pendigitalan masih berada pada tahap awal dan dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada sumber dan kepakaran yang ada.

Selain itu, aspek pemantauan berkala turut dikenal pasti sebagai elemen penting dalam pemeliharaan manuskrip. Di Muzium Negeri Kelantan, pemantauan dilakukan secara berkala dengan kekerapan sekitar tiga kali setahun bagi mengesan tanda-tanda awal kerosakan seperti serangan serangga atau perubahan keadaan kertas. Di Muzium Pahang pula, pemantauan dilaksanakan melalui sistem pengurusan koleksi dan kawalan persekitaran yang lebih sistematik, khususnya bagi manuskrip yang diklasifikasikan sebagai rapuh atau bernilai tinggi.

Secara keseluruhannya, strategi pemeliharaan manuskrip yang paling berkesan ialah pendekatan bersepadu yang menggabungkan *preventive conservation*, pemantauan berkala, pendigitalan serta sokongan kepakaran konservasi yang mencukupi. Berdasarkan perbandingan ini, Perbadanan Muzium Negeri Pahang dilihat lebih berkesan dari segi pelaksanaan pemeliharaan yang tersusun dan berterusan, manakala Perbadanan Muzium

Negeri Kelantan memainkan peranan penting dalam penyelamatan manuskrip warisan namun masih memerlukan pengukuhan dari segi kemudahan dan kepakaran dalaman bagi memastikan keberkesanan jangka panjang.

4.4.3 Strategi Penyelidikan Manuskrip yang Paling Berkesan.

Berdasarkan temu bual bersama Puan Nur Athmar binti Hashim, strategi penyelidikan manuskrip yang berkesan perlu dilaksanakan secara beretika, sistematik dan berfokus kepada pemahaman kandungan serta konteks sejarah manuskrip, bukan sekadar menjadikan manuskrip sebagai objek simpanan. Menurut beliau, penyelidikan manuskrip merupakan lanjutan penting selepas proses pemerolehan dan pemeliharaan kerana nilai sebenar manuskrip hanya dapat dimanfaatkan apabila kandungannya dikaji, ditafsir dan difahami secara ilmiah. Dalam konteks ini, pengurusan penyelidikan manuskrip perlu mengambil kira aspek dokumentasi, kepakaran penyelidik, serta sensitiviti kandungan manuskrip, terutamanya yang melibatkan isu agama, adat dan sejarah tempatan (Athmar Hashim, 2025, Transkrip Temu Bual, Talian Google Meet).

Pendekatan ini dapat dilihat dengan lebih tersusun di Perbadanan Muzium Negeri Pahang melalui Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Sultan Abdullah (Al-Asar), yang membuka ruang penyelidikan kepada penyelidik akademik dari universiti tempatan dan antarabangsa berdasarkan kepakaran masing-masing. Sebagai contoh, manuskrip berkaitan perubatan tradisional akan dirujuk kepada pakar dalam bidang perubatan atau farmasi, manakala manuskrip undang-undang seperti Hukum Kanun Pahang dikaji oleh penyelidik

sejarah dan perundangan. Pendekatan ini memastikan tafsiran kandungan manuskrip dibuat secara tepat dan berautoriti, sekali gus mengelakkan salah tafsir yang boleh menjejaskan naratif sejarah.

Di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan pula, penyelidikan manuskrip lebih tertumpu kepada aspek kandungan budaya dan agama, dengan penglibatan penyelidik luar serta kerjasama bersama institusi seperti universiti dan Arkib Negeri. Contohnya, manuskrip yang berkaitan dengan amalan perubatan tradisional atau adat istiadat Melayu dikaji untuk memahami konteks sosial dan budaya masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, penyelidikan di Muzium Negeri Kelantan sering berhadapan kekangan dari segi akses kepada manuskrip asal serta keperluan merujuk pihak luar bagi mendapatkan kepakaran khusus, terutamanya apabila manuskrip berada dalam simpanan Arkib.

Pakar turut menegaskan bahawa pemilihan manuskrip untuk kajian mendalam perlu dibuat berdasarkan kriteria yang jelas seperti keunikan kandungan, kepentingan sejarah dan keupayaan manuskrip untuk menyumbang kepada pengetahuan baharu. Sebagai contoh, manuskrip yang hanya wujud dalam satu salinan atau mempunyai kandungan yang khusus kepada sejarah sesebuah negeri perlu diberi keutamaan berbanding manuskrip yang telah banyak dikaji. Amalan ini lebih ketara di Muzium Pahang yang memberi tumpuan kepada manuskrip unik berkaitan sejarah negeri, manakala Muzium Negeri Kelantan pula menekankan manuskrip yang mencerminkan identiti dan warisan tempatan.

Selain itu, penyelidikan manuskrip yang berkesan turut memerlukan sistem dokumentasi yang teratur. Menurut pakar, pendokumentasian kandungan manuskrip secara digital dapat membantu penyelidik memahami struktur dan konteks manuskrip tanpa perlu mengendalikan bahan asal secara kerap. Dalam hal ini, Muzium Pahang telah memanfaatkan sistem seperti Koha dan pangkalan data dalaman bagi merekod maklumat manuskrip, manakala Muzium Negeri Kelantan masih berada pada tahap pengumpulan dan pendigitalan maklumat secara berperingkat.

Secara keseluruhannya, strategi penyelidikan manuskrip yang paling berkesan ialah pendekatan kolaboratif yang melibatkan penyelidik berkelayakan, pemilihan manuskrip yang signifikan, dokumentasi yang sistematik serta kawalan akses yang beretika. Berdasarkan perbandingan ini, Perbadanan Muzium Negeri Pahang menunjukkan pengurusan penyelidikan yang lebih tersusun dan konsisten, manakala Perbadanan Muzium Negeri Kelantan memainkan peranan penting dalam membuka ruang penyelidikan terhadap manuskrip warisan tempatan namun memerlukan pengukuhan dari segi sistem dokumentasi dan sokongan kepakaran untuk meningkatkan keberkesanan penyelidikan jangka panjang.

4.4.4 Strategi Pameran Manuskrip yang Paling Berkesan.

Berdasarkan temu bual bersama Puan Nur Athmar binti Hashim, pameran manuskrip yang berkesan perlu menyeimbangkan antara keperluan penyampaian ilmu kepada pengunjung dan tanggungjawab pemeliharaan artifak yang bersifat rapuh. Menurut beliau,

manuskrip tidak boleh dipamerkan secara berlebihan atau terlalu lama kerana pendedahan kepada cahaya, suhu dan kelembapan boleh mempercepatkan proses degradasi bahan organik. Oleh itu, pemilihan manuskrip untuk pameran perlu dibuat secara selektif dan berpandukan penilaian konservasi, di samping penggunaan kaedah interpretasi yang sesuai bagi menggantikan keperluan membuka helaian manuskrip asal (Athmar Hashim, 2025, Transkrip Temu Bual, Talian Google Meet).

Pendekatan ini dapat dilihat dalam amalan pameran di Perbadanan Muzium Negeri Pahang yang menekankan proses kuratorial berasaskan tema atau *storyline* pameran. Manuskrip dipilih mengikut kesesuaian dengan naratif pameran, seperti manuskrip berkaitan pentadbiran, agama atau sejarah diraja, dan dipamerkan dalam *showcase* khas yang dilengkapi kawalan persekitaran. Sebagai contoh, penggunaan *showcase* jenis *frameless* yang mengawal suhu dan kelembapan membolehkan manuskrip dipamerkan dalam tempoh tertentu tanpa menjejaskan keadaan fizikalnya. Selain itu, pencahayaan pameran diletakkan pada jarak tertentu bagi mengelakkan pendedahan cahaya secara langsung kepada manuskrip.

Di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan pula, strategi pameran manuskrip lebih menumpukan kepada penyampaian kandungan manuskrip melalui interpretasi visual dan media sokongan. Contohnya, bagi manuskrip yang berkaitan dengan amalan budaya seperti perubatan tradisional atau adat istiadat, pameran disertai dengan bahan visual, video atau ilustrasi bagi membantu pengunjung memahami konteks tanpa perlu mengendalikan

manuskrip asal. Pendekatan ini selari dengan pandangan pakar yang menegaskan bahawa interpretasi pameran merupakan elemen penting untuk memastikan manuskrip dapat difahami oleh khalayak awam tanpa menjejaskan keselamatannya.

Pakar turut menekankan kepentingan penggunaan teknologi pameran sebagai strategi berkesan dalam pengurusan manuskrip. Penggunaan teknologi seperti paparan digital, *augmented reality* (AR), *virtual reality* (VR) dan kod QR membolehkan kandungan manuskrip diakses dalam bentuk digital, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada manuskrip fizikal. Pendekatan ini lebih ketara di Muzium Pahang yang menyediakan akses digital kepada maklumat manuskrip melalui sistem dalaman dan paparan interaktif, manakala Muzium Negeri Kelantan turut mengaplikasikan teknologi seperti skrin sentuh dan bahan multimedia bagi meningkatkan kefahaman pengunjung.

Selain itu, strategi promosi dan *outreach* juga dikenal pasti sebagai sebahagian daripada pameran yang berkesan. Menurut pakar, pameran manuskrip perlu diposisikan sebagai medium pendidikan dan bukannya sekadar paparan artifak statik. Dalam hal ini, kerjasama dengan media, institusi pendidikan dan pihak istana seperti yang dilaksanakan oleh kedua-dua muzium membantu meningkatkan kredibiliti dan daya tarikan pameran manuskrip kepada masyarakat umum. Pendekatan ini secara tidak langsung memperkukuh peranan muzium sebagai pusat penyebaran ilmu dan warisan.

Secara keseluruhannya, strategi pameran manuskrip yang paling berkesan ialah pendekatan yang menggabungkan pemilihan manuskrip secara selektif, kawalan konservasi yang ketat, interpretasi kandungan yang jelas serta penggunaan teknologi dan media sokongan. Berdasarkan perbandingan ini, Perbadanan Muzium Negeri Pahang menunjukkan pelaksanaan pameran yang lebih sistematik dari segi kawalan persekitaran dan kuratorial, manakala Perbadanan Muzium Negeri Kelantan lebih menonjol dari segi pendekatan interpretasi dan penyampaian kandungan kepada pengunjung. Gabungan kedua-dua pendekatan ini mencerminkan amalan terbaik dalam pengurusan pameran manuskrip yang berkesan.

4.5 Penutup

Secara keseluruhannya, Bab 4 telah membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis temu bual bersama kurator di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang serta pandangan pakar akademik dalam bidang pengurusan manuskrip. Analisis ini menunjukkan bahawa kedua-dua muzium mengamalkan strategi pengurusan manuskrip yang merangkumi aspek pemerolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran, namun berbeza dari segi tahap sistematik, sumber dan keupayaan pelaksanaan. Muzium Negeri Pahang menunjukkan pendekatan pengurusan yang lebih tersusun dari segi struktur, dasar dan penggunaan teknologi, manakala Muzium Negeri Kelantan memainkan peranan penting dalam pemeliharaan manuskrip warisan tempatan meskipun berhadapan kekangan dari segi kepakaran dan kemudahan. Perbandingan antara kedua-dua muzium turut memperlihatkan persamaan dari segi kepentingan pengesahan *provenans*, pemantauan pemeliharaan dan kolaborasi penyelidikan, serta perbezaan dalam kaedah pemerolehan, tahap pendigitalan dan strategi pameran. Selain itu, pandangan pakar akademik telah membantu mengenal pasti strategi pengurusan manuskrip yang paling berkesan, iaitu pendekatan bersepadu yang berasaskan dasar pengurusan koleksi yang jelas, pemeliharaan preventif, penyelidikan berautoriti dan pameran berfokuskan interpretasi serta keselamatan artifak. Kesemua dapatan ini secara langsung menjawab objektif kajian dan menjadi asas kukuh untuk perbincangan serta cadangan penambahbaikan dalam bab seterusnya.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan rumusan keseluruhan kajian yang telah dijalankan serta cadangan kajian yang boleh dipertimbangkan pada masa hadapan. Perbincangan dalam bab ini bertujuan merumuskan dapatan utama kajian berkaitan strategi pengurusan artifak manuskrip di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang, serta mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi menyokong pemeliharaan manuskrip secara lebih sistematik dan berkesan. Bab ini juga berfungsi sebagai penutup kepada keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan.

5.2 Cadangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual bersama pihak muzium dan pakar akademik, kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi memperkukuh pengurusan artifak manuskrip di institusi permuziuman. Analisis Bab 4 menunjukkan bahawa pengurusan manuskrip bukan sahaja bergantung kepada proses pemerolehan dan pemeliharaan fizikal, tetapi turut melibatkan aspek dasar pengurusan, kepakaran sumber manusia serta penggunaan teknologi sebagai sokongan jangka panjang. Oleh itu, cadangan kajian ini dirangka untuk memberi fokus kepada tiga tumpuan utama,

iaitu penambahbaikan sistem dan dasar pengurusan manuskrip, pengukuhan kepakaran dan latihan profesional, serta pemerkasaan pendigitalan manuskrip secara terkawal.

Cadangan ini bertujuan membantu institusi muzium mengurus manuskrip secara lebih sistematik, beretika dan mampan, khususnya dalam menangani isu kekangan bajet, keterbatasan kepakaran dalaman dan cabaran pemeliharaan bahan organik yang rapuh. Selain itu, cadangan yang dikemukakan juga diharap dapat menyokong peranan muzium sebagai institusi pemeliharaan warisan ilmu, pusat penyelidikan dan medium penyampaian maklumat kepada masyarakat. Dengan pelaksanaan cadangan yang bersesuaian, pengurusan manuskrip di muzium bukan sahaja dapat dipertingkatkan dari sudut penjagaan fizikal, malah dapat menjamin kelangsungan nilai sejarah, budaya dan keilmuan manuskrip untuk generasi akan datang.

5.2.1 Penambahbaikan Dasar dan Sistem Pengurusan Manuskrip

Kajian ini mencadangkan agar institusi muzium memperkukuh dasar dan sistem pengurusan manuskrip secara formal dan bertulis bagi memastikan setiap proses pengurusan dilaksanakan secara konsisten dan terkawal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan manuskrip yang berkesan memerlukan satu dasar pengurusan koleksi yang jelas, merangkumi aspek pemerolehan, pemeliharaan, penstoran, pendigitalan dan akses penyelidikan. Ketiadaan dasar yang menyeluruh boleh menyebabkan ketidakselarasan dalam pemilihan manuskrip serta risiko terhadap penjagaan jangka panjang bahan yang bersifat rapuh.

Dari sudut pemerolehan, muzium perlu mempunyai garis panduan yang menetapkan kriteria pemilihan manuskrip berdasarkan nilai sejarah, keilmuan dan keadaan fizikal manuskrip. Penetapan kriteria ini penting bagi mengelakkan muzium menerima manuskrip yang tidak relevan atau berada dalam keadaan terlalu rosak sehingga membebankan kos konservasi. Selain itu, prosedur pengesahan provenans perlu dijadikan keutamaan bagi memastikan manuskrip yang diperoleh mempunyai latar belakang pemilikan yang sah dan tidak melibatkan isu perundangan pada masa hadapan.

Dari aspek pemeliharaan dan penstoran, sistem pengurusan yang berkesan perlu disokong oleh pematuhan kepada piawaian kawalan persekitaran seperti suhu, kelembapan dan pendedahan cahaya. Kajian ini mendapati bahawa pemantauan berkala dan pelan pengurusan risiko bencana merupakan elemen penting dalam memastikan kestabilan keadaan manuskrip secara berterusan. Oleh itu, setiap muzium disarankan untuk mempunyai pelan tindakan yang jelas sekiranya berlaku kecemasan seperti kebakaran, banjir atau kegagalan sistem penyimpanan.

Secara keseluruhan, penambahbaikan dasar dan sistem pengurusan manuskrip perlu dilihat sebagai asas utama kepada keberkesanan pengurusan artifak manuskrip. Dasar yang jelas bukan sahaja membantu pihak muzium membuat keputusan secara sistematik, malah berfungsi sebagai mekanisme kawalan bagi menjamin pemeliharaan manuskrip secara mampan dan bertanggungjawab.

5.2.2 Pengukuhan Kepakaran, Latihan dan Kolaborasi Profesional

Kajian ini mencadangkan agar pengurusan manuskrip di institusi muzium diperkukuh melalui pembangunan kepakaran dalaman, latihan berterusan serta kolaborasi profesional dengan institusi luar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa manuskrip merupakan artifak organik yang bersifat rapuh dan memerlukan pengetahuan khusus dalam aspek konservasi, penilaian kondisi dan pengendalian bahan. Kekurangan kepakaran khusus dalam kalangan kakitangan muzium boleh menjejaskan keberkesanan penjagaan manuskrip dalam jangka panjang.

Dari sudut latihan, kakitangan muzium perlu diberikan pendedahan berterusan berkaitan kaedah konservasi manuskrip, termasuk teknik pembersihan, kawalan biologi, pemantauan keadaan fizikal serta pengendalian bahan secara selamat. Latihan ini penting bagi memastikan setiap proses pengurusan manuskrip dilaksanakan mengikut piawaian profesional dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pihak luar. Selain itu, latihan juga dapat meningkatkan keupayaan kakitangan dalam mengenal pasti tanda awal kerosakan manuskrip sebelum ia menjadi lebih serius.

Selain pembangunan dalaman, kolaborasi dengan institusi luar seperti Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, universiti dan pakar konservasi bebas perlu diperkasakan. Kerjasama ini membolehkan pihak muzium mendapatkan kepakaran teknikal, sokongan penyelidikan serta pandangan profesional dalam pengurusan manuskrip yang kompleks. Kolaborasi akademik juga memberi ruang kepada kajian lanjutan terhadap

kandungan manuskrip, seterusnya meningkatkan nilai ilmu dan dokumentasi warisan yang dimiliki oleh muzium.

Secara keseluruhan, pengukuhan kepakaran dan kolaborasi profesional merupakan strategi penting bagi memastikan pengurusan manuskrip tidak hanya bergantung kepada kemudahan fizikal, tetapi turut disokong oleh sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran. Pendekatan ini secara langsung menyumbang kepada pemeliharaan manuskrip yang lebih sistematik, berkesan dan selari dengan amalan pengurusan warisan profesional.

5.2.3 Pemerkasaan Pendigitalan dan Akses Terkawal Koleksi Manuskrip

Kajian ini mencadangkan agar pendigitalan manuskrip diperkasakan sebagai salah satu strategi utama dalam pengurusan manuskrip yang berkesan dan mampan. Pendigitalan bukan sahaja berfungsi sebagai medium akses, malah bertindak sebagai langkah perlindungan tidak langsung terhadap manuskrip asal dengan mengurangkan keperluan pengendalian fizikal secara berulang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa akses fizikal yang kerap boleh meningkatkan risiko kerosakan, terutamanya bagi manuskrip yang rapuh dan berusia.

Dari sudut pengurusan, proses pendigitalan perlu dilaksanakan secara sistematik dengan menggunakan peralatan yang sesuai, termasuk pengimbas khas manuskrip dan kawalan pencahayaan yang selamat. Setiap manuskrip yang didigitalkan hendaklah

disertakan dengan dokumentasi metadata yang lengkap seperti tajuk, tarikh, asal-usul, kandungan ringkas dan status hak milik. Dokumentasi ini penting bagi memastikan maklumat manuskrip dapat dirujuk dengan tepat oleh penyelidik serta menyokong pengurusan koleksi secara profesional.

Selain itu, akses kepada manuskrip digital perlu dilaksanakan secara terkawal dan berperingkat. Tidak semua kandungan manuskrip sesuai untuk dipaparkan secara terbuka, terutamanya manuskrip yang bersifat sensitif, berkaitan adat, agama atau warisan diraja. Oleh itu, pihak muzium disarankan untuk menyediakan garis panduan akses yang jelas, termasuk prosedur permohonan, tahap kebenaran dan penggunaan bahan bagi tujuan penyelidikan. Pendekatan ini membolehkan keseimbangan antara keperluan penyelidikan dan tanggungjawab pemeliharaan warisan.

Secara keseluruhan, pemeraksanaan pendigitalan dan akses terkawal dapat meningkatkan kecekapan pengurusan manuskrip serta memperluas penyebaran ilmu tanpa menjejaskan keselamatan fizikal artifak. Strategi ini juga selari dengan keperluan semasa dalam pengurusan warisan, khususnya dalam konteks pendokumentasian jangka panjang dan pemeliharaan maklumat sejarah untuk generasi akan datang.

5.3 Penutup

Bab ini merumuskan keseluruhan dapatan dan perbincangan kajian dengan menegaskan bahawa pengurusan koleksi manuskrip di institusi muzium memerlukan pendekatan yang sistematik, berperingkat dan berasaskan dasar yang jelas bagi memastikan kelestarian warisan bertulis. Kajian ini menunjukkan bahawa strategi pemerolehan, pemeliharaan, penyelidikan dan pameran bukan sahaja berfungsi sebagai proses teknikal, malah saling berkait dalam menyokong keberkesanan pengurusan manuskrip secara menyeluruh. Cadangan kajian yang dikemukakan menekankan keperluan pengukuhan dasar pengurusan koleksi, peningkatan kepakaran serta integrasi amalan pengurusan yang lebih strategik dan mampan. Secara keseluruhan, bab ini menutup kajian dengan menekankan kepentingan penambahbaikan berterusan dalam pengurusan manuskrip agar koleksi yang bernilai tinggi ini dapat dipelihara, dikaji dan dimanfaatkan secara optimum untuk generasi akan datang.

RUJUKAN

- Abdullah, W. S. W. (2005). Kajian Manuskrip Al-Mutabar Fi Al-Hikmah (KITAB AL-NAFS) Karangan Abu Al-Barakat Al-Baghdadi (547H./1152M.): Ke Arah Suatu Kaedah Suntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu-Islam. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 6(1), 273-304
- Ahmad Zauzi, N. A., & Ab. Rahim, N. (2019). Naskah persuratan Melayu: Pemeliharaan dan digitalisasi di Malaysia. *Manuskripta*, 9(2), 75-90.
- Ahnaf Wafi bin Alias. (2026, 05 Januari). Transkrip temu bual bersama kurator Perbadanan Muzium Negeri Kelantan [Temu bual tidak diterbitkan]. Pejabat Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Haslina Mohd. Salleh, et al. (2020). Pengurusan penjagaan bahan koleksi pameran di Muzium Negeri Kelantan. *Jurnal Muzium Malaysia*, 24(1), 45-60.
- Halim, S. F. A. (2014). Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan Peranan dalam Pengurusan Manuskrip Melayu. University of Malaya (Malaysia). Diambil dari:

<https://www.proquest.com/openview/e99b65e07d46570536b93a1a540a8420/1?pq-origsite=gscholar&cbl=2026366&diss=y>

ICOM. International Council of Museums. (2007). Museum Definition. Diambil dari: <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>

Jabatan Muzium Malaysia. (2018). Kajian semula pelan strategik 2018-2022. Jabatan Muzium Malaysia.

Kebangsaan Manuskrip Melayu. UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research, 1(1), 350-360

Mohammed Hussain Ahmad. (2019). Penjejakan manuskrip Sayr al-Salikin di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research, 1(1), 350-360

Mamat, M. A. (2017). Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 66. Diambil dari: <https://www.proquest.com/openview/e8e71a12fec66424657af1314c971006/1?pq-origsite=gscholar&cbl=4827496>

Mohd, H., & Yusoff, Z. M. (2022). [Study Of the Malay Manuscript in Islamic Studies at Universiti Sultan Zainal Abidin Between Reality and Challenge]. Kajian Manuskrip Sastera Kitab Di Universiti Sultan Zainal Abidin Antara Realiti Dan Cabaran. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(2), 217-228. Diambil dari: <https://journal.unisza.edu.my/inspire/index.php/inspire/article/view/27>

Muhammad Ali Hussaini bin Md Aminnullah. (2025, 02 Desember). Transkrip temu bual bersama kurator Perbadanan Muzium Negeri Pahang [Temu bual tidak diterbitkan]. Pejabat Perbadanan Muzium Negeri Pahang.

Nurul Shakil Mohamad Khams. (2014). Strategi pengurusan koleksi di Muzium Negeri, Negeri Sembilan.

Nurul Liana. (2018). Pengurusan koleksi Muzium Warisan India di Pulau Pinang (Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Kelantan).

Nurul Aliyah Hani Nazri. (2020). Teknik konservasi manuskrip di Muzium Kesenian Islam Malaysia (Laporan Projek). Universiti Malaysia Kelantan.

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Diambil dari: <https://muzium.kelantan.gov.my/>

Perbadanan Muzium Negeri Pahang Diambil dari:

<https://www.pahang.gov.my/index.php/pages/view/611>

Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu. (2010). Kajian manuskrip Melayu bertulisan Jawi lama di alam Melayu. Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.

Riswadi. (2017). Kajian teks manuskrip di Muzium Kesenian Islam Malaysia (Tesis Sarjana). Universiti Malaya.

Rajabi Abdul Razak, Nurul Amira Roslin Hazer, Raihan Othman, Dzul Haimi Md Zain, & Nurul Akmam Naamandadin. (2021). Analisis fizikal terhadap kondisi manuskrip Melayu dalam koleksi institusi seni. Jurnal Teknologi dan Muzium, 9(3), 85-95.

Shaik Azahar Shaik Hussain, Rahah Hassan, & Athirah Shahira'a Abdullah. (2021), Dasar pengurusan koleksi Sarawakiana di Pustaka Negeri Sarawak. Jurnal Akademik, 31(2), 200-210.

Siti Norfarahuda Binti Abdul Hamid. (2019). Pengurusan koleksi seni lukis di Balai Seni Visual Negara, Kuala Lumpur (Tesis Sarjana). Universiti Malaysia Kelantan.

Umar, S., Yusof, R., & Hussin, S. Pengurusan Pengetahuan dalam Pengajian Alam Melayu: Pembangunan Pangkalan Data Seni Ukir Kayu Melayu Tradisional. Diambil dari: https://www.researchgate.net/profile/Supyan-Hussin/publication/282358217_Pengurusan_Pengetahuan_dalam_Pengajian_Alam_Melayu_Pembangunan_Pangkalan_Data_Seni_Ukir_Kayu_Melayu_Tradisional/links/560e6fce08ae0fc513ed35ed/Pengurusan-Pengetahuan-dalam-Pengajian-Alam-Melayu-Pembangunan-Pangkalan-Data-Seni-Ukir-Kayu-Melayu-Tradisional.pdf

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN